



# BICARA TENTANG MAHATHIR



*Diterbitkan oleh:*  
**PEKAN ILMU PUBLICATIONS SDN. BHD.**  
A10-G-9, Jalan Mewah 4, Taman Pandan Mewah Ampang,  
68000 KUALA LUMPUR  
Email : pipsb@fm.net.my

Bicara Tentang Mahathir / Faizal Yusup

Hakcipta terpelihara.  
Tidak dibenarkan mengeluar ulang  
muna-mana bahagian, artikel, ilustrasi,  
isi kandungan buku ini, dalam apa-apa juga  
bentuk dan dengan apa cara pun  
sama ada secara elektronik, fotokopi,  
mekanik,rakaman atau Jain-lain,  
sebelum mendapatkan kebenaran bertulis  
daripada Pengaruh Urusan,  
**PEKAN ILMU PUBLICATIONS SDN. BHD.**

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bicara Tentang Mahathir / Faizal Yusup  
ISBN 983-2567-30-0  
1. Mahathir Mohamad, Dato' Seri, 1925-. 2. Prime minister--  
Malaysia. 3. Political leadership--Malaysia. I. Judul.  
959.5054  
Cetakan Pertama 2004

*Ilustrasi & Rekabentuk Kulit*  
**MOHD RUSTANDEE**

*Typography / Reka Bentuk*  
**MEI DESIGN**

*Dicetak oleh :*  
**Pencetakan Rahim & Razak Sdn.Bhd.**  
9A & 13A, Jalan Bachang,  
Batu 2 1/2, Off Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.



**PEKAN ILMU PUBLICATIONS SDN. BHD.**  
A 10-G-9, Jalan Mewah 4, Taman Pandan Mewah Ampang  
68000 KUALA LUMPUR  
TEL/FAX : 603-42801189 2004  
565061-T

01143868

## KATA PENGANTAR ..... i

1.Wawancara dengan A. Samad Said .....	1
2.Wawancara dengan Kassim Ahmad .....	33
3.Wawancara dengan Rahman Shaari .....	83
4.Wawancara dengan Dinsman .....	138
5.Wawancara dengan Sharif Shaary .....	156
6.Wawancara dengan JIns Shamsuddin .....	205
7.Wawancara dengan Mohd Zaidi Mohamed Zain---	237

## **KATA PENGANTAR**

Pertamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah taala kerana diberikan kepercayaan untuk menyusun buku Bicara Tentang Mahathir yang dikhaskan buat Perdana Menteri Malaysia yang saya kasih dan kagumi Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Dalam ruang yang terhad ini, saya ingin menyentuh satu dua aspek pencapaian beliau.

Walaupun rasa saya tidak layak untuk berbuat demikian memandangkan faktor umur saya yang kira masih terlalu mentah untuk memperkatakan tentang seorang pemimpin yang telah memimpin negara lebih dari dua dekad tetapi saya rasa saya akan katakan apa yang saya mampu dari kacamata seorang rakyat yang berlainan generasi.

Bagi saya cara beliau menangani krisis kewangan pada tahun 1997 merupakan antara tindakan yang paling penting yang pernah beliau ambil dan keputusan itu jelas telah mengembalikan ekonomi Negara Malaysia ke landasan yang baik. Pada masa yang sama, berlaku pergolakan dalam negara yang meruncing dengan kes perlucutan kuasa Anwar Ibrahim.

Dalam kes kemerosotan ekonomi serantau saya percaya Amerika Syarikat yang menjadi dalang kepadanya kerana mereka takut kepada paradigma perubahan kuasa dunia yang mungkin berlaku pada masa itu. Kalau kita lihat paradigma perubahan kuasa dunia telah berlaku berkali-kali semenjak zaman pemerintahan Islam, zaman Kolonial dan sebagainya dan ini akan berlaku lagi kelak. Inilah yang mereka takuti. Mereka tahu yang kekuatan tersebut akan datang dari Asia kerana kekuatan sumber

bahan mentah, penduduk dan sebagainya akan membuatkan mereka hilang daya saing pada masa-masa akan datang. Namun tindakan penuh berhemah pihak kerajaan yang diterajui Dr M telah mengembalikan Malaysia ke landasan yang baik.

Dalam kes Anwar Ibrahim pelbagai tandatanya timbul dan tidak terjawab hingga ke hari ini akan kebenarannya. Namun saya percaya inilah keputusan yang paling sukar yang perlu beliau ambil sepanjang kerjaya politik beliau dan masih diperkatakan hingga ke hari ini. Saudara Dinsman berpendapat yang ini adalah suatu yang bersifat kejam namun Saudara Kassim Ahmad pula sebaliknya. Berbeza pula dengan Prof. Madya Rahman Shaary yang menganggap itu satu perkara biasa dalam politik sama seperti menyalin baju. Sasterawan Negara Datuk Dr. A.Samad Said mendapat kesan bahawa Anwar mahu mendahului Mahathir. Baginya Abdullah Ahmad Badawi tidak demikian. Sharif Shaary mencadangkan kepada Anwar agar tidak menjadi Hang Tuah ataupun Hang Jebat. Jins Shamsuddin berpendapat Anwar ialah pemimpin pelajar, bukan ahli politik. Seterusnya, kita mendapati Dato' Zaidi Mohamed Zain tidak menyentuh hal itu. Beliau membicarakan hal-hal politik dan agama secara teoritis dan praktis. Beliau tidak menyentuh hal Anwar, tampaknya kerana tidak ditanya oleh Haji Abdullah Sani yang berwancara dengannya.

Dalam aspek pembangunan Malaysia pula, kejayaan beliau membangunkan negara ini memang tidak disangkal. Pada masa yang sama beliau telah dapat memertabatkan Malaysia di mata dunia. Pembangunan yang ketara dapat dilihat semenjak 20 tahun lagi dan lanskap negara telah berubah semenjak itu dengan terbinanya KLCC, Menara Kuala Lumpur, Multimedia Super Corridor, Putra Jaya, Cyber Jaya, Lapangan Terbang

KLIA, Kereta Nasional Proton dan sebagainya. Inilah buktinya. Penekanan beliau lebih kepada aspek ekonomi kerana saya percaya *conditioning* beliau semasa muda telah menyebabkan beliau cenderung kepada aspek ini.

Masalahnya ialah pembangunan ekonomi, material dan mental ini tidak diikuti oleh perkembangan rohani. Inilah kelemahan orang kita dewasa ini. Tanpa pembangunan rohani ini orang kita akan hanyut tanpa jatidiri, budi pekerti serta akhlak yang jitu. Ini dapat dilihat dengan peratusan penagih dadah berbangsa Melayu yang tinggi di pusat-pusat serenti, penghidap HIV, sumbang mahram, murtad, maksiat dan sebagainya. Kelemahan inilah yang perlu dibendung di masa-masa yang akan datang.

Terlalu banyak yang boleh diperkatakan tentang pemimpin ini dan perletakan jawatan beliau di penghujung Oktober 2003 diterima rakyat Malaysia dengan rasa dukacita. Beliau telah memilih masa yang paling sesuai untuk meletakkan jawatan kerana beliau berada di kemuncak kerjayanya. Saya percaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia kita ini memang sukar dicari ganti. Pemilihan Pak Lah oleh Dr Mahathir bagi saya sama seperti memilih seorang isteri yang dianjurkan Islam. Pilihlah isteri kerana agamanya. Mungkin keputusan itu berdasarkan hadis ini.

Buku ini berfokuskan Dr. M dan wawancara di dalamnya akan memberikan kesan lanjutan akan kebaikan mahupun kelemahan beliau sepanjang kerjayanya. Dalam buku ini kita dapat lihat pelbagai pandangan samada yang cenderung dan bersetuju dengan tindak tanduk tokoh ini namun ada juga yang bertentangan pendapat. Apapun ini adalah realiti sebuah negara demokrasi dan merupakan satu perkembangan yang sihat.

# BICARA TENTANG MAHATHIR



## Wawancara Politik Sharif Shaary bersama A.SAMAD SAID

SS : Boleh Dato berikan suatu tanggapan sebagai seorang sasterawan terhadap Dato Seri Doktor Mahathir dan pemerintahannya sehingga kini ?

A.S.S : Saya fikir ada dua era yang benar-benar ketara. Era yang pertama ialah ketika Tun Abdul Razak. Perhatian yang diberikan ketika itu memang jelas sekali. Malah kalau kita susuri betul-betul, hadiah-hadiah yang diberikan kepada seniman boleh dikatakan bermula pada zaman Tun Abd Razak. Saya dapat mengerti kerana pada waktu itu Tun Abd Razak sendiri memang agak bergantung sangat pada wartawan dan juga seniman. A.Samad Ismail dan Usman Awang adalah antara dua tokoh yang paling jelas berada di belakangnya. Kebetulan pula ketika itu watak-watak seperti Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid mempunyai jambatan langsung kepada A. Samad

\* Datuk Dr. A.Samad Said ialah Sasterawan Negara. Beliau terkenal dalam bidang novel,puisi,cerpen dan drama

Ismail dan Usman Awang, Abdullah Ahmad langsung saja dengan A.Samad Ismail dulu. Jadi barangkali waktu itu kerajaan ingin menentukan semacam satu iklan dasar penting dalam dunia seni. Jadi oleh sebab itu amat jelas pemimpin bercakap apa ertinya kesusasteraan , manfaatnya sastera, bergunanya watak-watak dalam dunia seni dan seumpamanya sehingga saya ingat dalam satu pertemuan di Pulau Pinang di mana Tun Abdul Razak berucap menyamakan Shahnon Ahmad dengan penulis besar Perancis , Balzac. Sebenarnya ini adalah isi hati A. Samad Ismail yang diucapkannya melalui Tun Abdul Razak. Tapi bagi saya itu tidak menjadi soal kerana Tun Abdul Razak sendiri merestui bahawa penulis itu adalah agen perubahan. Itu era yang pertama.

Era yang kedua ialah zaman Doktor Mahathir. Walaupun tidak begitu lantang, dia bercakap banyak tentang peranan wartawan dan manfaatnya seni dan sastera. Kita sendiri tahu Dr Mahathir dengan jelasnya menekankan aspek sains lebih daripada seni sastera. Walaupun tidak diucapkannya dengan jelas, namun dia seperti tidak yakin bahawa dunia kesusasteraan boleh mencapai ke tahap

Hadiyah Nobel. Dia semacam lebih bersedia untuk menyokong dan meyakini dunia sains ini kelak akan mencapai ke tahap Hadiyah Nobel itu. Tetapi ini tidak bererti bahawa Dr Mahathir tidak memperhatikan dunia sastera. Saya fikir Dr Mahathir memerhati dunia sastera secara syak. Itu yang saya fikirkan. Mungkin Dr Mahathir berasa bahawa penulis ini rata-ratanya adalah penentang. Hal ini barangkali dibayangi oleh watak-watak seperti Shahnon Ahmad dan Azizi Haji Abdullah di antaranya. Walaupun daripada satu sisi penentangan ini wujud, tetapi penentangan ini tidak semestinya penentangan kepada individu. Penentangan itu adalah penentangan kepada unsur. Kerana itu saya fikir, amat jarang kita dengar Dr Mahathir menyebut nama-nama buku kita ataupun watak-watak kita dalam dunia kesusasteraan. Kalau berlaku pun boleh dikatakan berlaku secara santai, secara sambil lalu. Dr. Mahathir tidak melihat individu-individu yang dia fikir harus di '*highlight*'.

SS:

Di sini kita boleh masukkan Shahnon dan Azizi. Shahnon menulis karya-karya yang dekat sangat dengan keperibadian. Dari segi pembacaan kita, kita dapat kenal bahawa sesuatu

watak itu ditujukan kepada Dr Mahathir. Dengan kata lain Shahnon membuat ikon yang dekat sangat dengan Dr Mahathir. Ikon itu diberi nilai yang negatif, itulah yang menyebabkan timbulnya pertentangan. Apa komen Dato' ?

- A.S.S: Saya fikir pertentangan antara Shahnon dengan kuasa, khususnya kuasa UMNO. Walaupun sebenarnya Shahnon sebelum itu adalah orang UMNO juga. Tetapi kemarahan Shahnon itu kemarahan yang tidak bersenilah.
- SS: Tidak ada salahnya untuk menyatakan kemarahan, cuma kemarahan itu perlu disalurkan secara berseni, begitu?
- A.S.S: Saya fikir kalau dari segi ideologi, memang kita benarkan. Tetapi bagi saya, seniman mempunyai kebijaksanaan tertentu dan kehalusan tertentu. Dengan tidak payah kita beri semacam satu simbol, iaitu kita beri yang langsung saja, apabila dibaca terus tahu, lebih baik kita menulis eseи saja. Daripada bersembunyi di sebalik kata-kata yang tidak berseni, sesungguhnya kita tidak bersembunyi pun sebenarnya! Macam SHIT. Saya faham kemarahan Shahnon. Daripada beberapa segi saya

dapat menyertainya. Tetapi caranya saya tidak begitu merestui lah. Barangkali Shahnon adalah simbol atau watak seniman di Malaysia yang dijangka oleh Dr Mahathir. Jadi oleh sebab itu saya fikir tidak begitu ada semacam kemesraan antara penulis dengan Dr Mahathir. Betapa rapatpun saya fikir nampak seperti ada tembok. Ini fikiran saya yang jujur. Walaupun saya sendiri sebenarnya tidak bermasalah dengan Dr Mahathir. Di tempat-tempat tertentu secara tidak sengaja dengan dia, saya boleh bertanya apa saja, termasuk soal pembelian alat jentera, kapal perang dan sikapnya menentang Amerika. Langsung saja. Tetapi barangkali itu diterima sebab saya bercakap langsung dengan tidak ada maksud untuk menguji. Saya hanya ingin tahu. Ini mengingatkan saya ketika bercakap dengan Dr Mahathir ketika di Langkawi, sehingga mendorong saya untuk menulis sebuah puisi. Pada waktu itu hidungnya agak berhingus. Saya berkesempatan berdepan dengan dia lebih dua jam. Saya bertanya kenapa Dato' Seri fikir Dinsman, daripada seorang pemuja menjadi seorang penentang. Dia beritahu: "Barangkali mesti ada benda-benda yang dia tidak sesuai dengan saya." Dan dia (Dr Mahathir) bersedia

untuk menerima percanggahan-percanggahan itu. Jadi ertinya apa yang saya ingin beritahu, Dr Mahathir bukan orang yang sukar. Saya ingat dua tiga kali saya berbual dengan beliau. Ada satu kali kita berbual tentang meritokrasi yang diamalkan oleh kerajaan Singapura. Dr Mahathir terus saja menghantar saya buku. Buku tentang bagaimana Singapura memanipulasi soal meritokrasi itu untuk meminggirkan orang Melayu Singapura. Dia tidak bercakap secara *detail*. Dia memberi saya buku. Saya baca buku itu. Saya tahu. Dan saya fikirkan tindakannya lebih daripada tindakan-tindakan simbolik. Jadi, saya fikir penulis harus membaca itu. Kita harus tahu bahawa Dr Mahathir jauh lebih tua daripada kita. Kalau saya dengan Dato' Abdullah Ahmad Badawi misalnya, saya kenal beliau semasa dalam GPMS. Kami boleh berseloroh yang terkadang-kadang tidak harus dilakukan di hadapan orang lain. Tapi Dr Mahathir kebetulannya jauh lebih tua daripada kita. Kita mula kenal dia pun, dia sudah seperti *uncle* atau abang. Jadi barangkali itu antara imbasan-imbasan yang sedikit menyulitkan. Tapi saya dapati Dr Mahathir amat menghormati Usman Awang, walaupun beberapa tindakan Usman Awang

menunjukkan bahawa beliau menentang Dr Mahathir.

SS: Semasa di Johor Bharu semasa Hari Sastera beberapa tahun yang lalu, Usman Awang pernah menyanjung Dr Mahathir dan Anwar. Dalam satu ucapan, kedua-dua Dr Mahathir dan Anwar disanjung oleh Usman Awang sebagai pemerintah negara. Ini bermakna dia menyanjungi Dr Mahathir. Usman mengatakan, pada masa dulu dia sangat tidak suka pada pemerintah. Tapi berlainan dengan zaman Dr Mahathir, sebab Dr Mahathir anti-feudal. Hal ini disebut oleh Usman Awang di Johor Bharu. Kemudian, sebelum hayatnya berakhir penentangan berlaku. Usman Awang tidak senang kepada Dr. Mahathir seperti yang Dato' sebut itu. Ini adalah ketika berlaku penyingkiran Anwar. Jadi, saya berpendapat penentangan Usman terhadap Mahathir adalah disebabkan adanya hubungan baik yang bersifat peribadi antara Usman Awang dengan Anwar.

A.S.S: Malah ia sudah bermula ketika Dr Mahathir dengan Musa. Barangkali tanggapan saya agak salah. Saya fikir Usman Awang lebih menyenangi Musa Hitam. Jadi ada usaha untuk

menemukan pemimpin-pemimpin itu. Saya ingat Usman menjemput mereka ketika salah seorang anaknya berkahwin. Usman Awang menjemput kedua-dua Musa dan Mahathir. Tapi ketika Usman Awang menghadiri satu upacara Datin Seri Dr Wan Azizah, Usman Awang langsung saja tidak menyerang tapi menentukan sikap yang agak menyebelahi Anwar. Dr Mahathir memang sedar Usman Awang langsung menyebelahi ataupun menyetujui Anwar. Tapi itu nampaknya tidak menghalang dia apabila Datuk Zainuddin Maidin (Zam) menganugerahi Usman Awang satu anugerah melalui Utusan dan menjemput Dr Mahathir bersama-sama untuk menyampaikan hadiah. Walaupun sedikit lewat, mungkin kerana ketergesaan dan hal-hal lain, Dr Mahathir sampai juga. Tapi pernyataan Usman Awang barangkali agak melukakan. Ini kerana selepas itu apabila timbul soal penganugerahan itu, Usman Awang ada mengeluarkan pernyataan, saya lupa di mana, berbunyi: "Saya sudah diperalatkan." Kata-kata itu membayangkan Usman Awang tidak tersangka dia termasuk ke dalam jerat ke, apa. Seolah-olah kedatangan Dr Mahathir itu semacam dirancang untuk mempergunakan

situasi itu sebagai memperbaiki imej Dr Mahathir, kononnya. Tapi tentunya Dr Mahathir sebagai pemimpin yang lama, tahu mentafsirkan itu semua. Dia akan dapat membaca benda-benda yang macam itu. Saya tak tahu. Tapi itulah interpretasi saya. Ini tidak disembunyikan oleh Usman Awang. Malah dia menyatakan apabila timbul penulisan ataupun ulasan, Usman Awang mengulangi bahawa dia sebenarnya telah diperalatkan. Boleh jadi juga itu antara keadaan yang mewujudkan semacam suatu konflik. Sudahlah Shahnon, satu, kemudian tiba pula yang kedua, Usman Awang. Ini tentu orang seperti Dr Mahathir mengambil sikap berjaga-jaga Kedua-dua orang ini adalah Sasterawan Negara. Jadi tentunya dia mengadakan dinding sendiri sebagai *defense*, walaupun *defense* itu sama sekali tidak perlu kerana dia boleh mengatasi dan melanggar semua ini. Tapi dia juga ingin... bahawa dia bukan orang yang menentang penulis kerana dia sendiri adalah *writer*. Dia penulis gagasan, penulis ilmu pengetahuan, pendorong ilmu sains. Dia juga pendorong orang untuk mengembara, dan secara simbolik dia sendiri pergi ke Antartika. Jadi semua tindakan dia lebih merupakan tindakan simbolik kecuali

apabila berhadapan dengan parti lawan dia memang agak keras dan memang orangnya agak melawan. Kalau orang kasar dia kasar. Dan ada satu unsur dalam dirinya. Jawapannya biasanya agak sinikal. Itu juga barangkali oleh kerana dia jauh lebih tinggi,

Penulis-penulis yang ada kini sebenarnya selepas dia. Ertinya selepas Dr. Mahathir barulah kita berada dengan pemimpin-pemimpin yang agak sejajar dengan kita. Dr Mahathir atas kita. Jadi rasa... bukan rasa gementar. Sebenarnya itu rasa hormat kepada orang tua. Saya melakukannya begitu. Walaupun dalam puisi-puisi saya, dalam antologi untuk Anwar Ibrahim yang dikumpulkan ada unsur-unsur memihak, tapi saya memihak dengan Anwar dengan tidak melukakan hati Dr Mahathir. Sebab itu saya menentang unsur, bukan orang.

SS: Pendirian Datuk itu membuktikan adanya satu sikap yang objektif. Bahawa yang ditentang itu mungkin fikirannya, mungkin dasarnya, bukan orangnya.

A.S.S: Terdapat sebenarnya beberapa hal yang melukakan kita juga. Macam Dr Mahathir punya tindakan yang tidak

begitu memberi peluang kepada ahli-ahli bahasa untuk berwaras tentang soal-soal bahasa misalnya. Itu juga melukakan hati saya sehingga saya menulis sebuah puisi . Tentunya dia (Dr Mahathir) agak mengetahui juga. Tapi saya fikir Dr Mahathir agak terlalu besar untuk berfikir hal-hal yang kecil. Dia lebih cenderung berfikir hal-hal yang lebih *visionary*. Kita tidak tahu, misalnya nak kita katakan dia memperkecilkan bahasa pun tidak juga. Tapi ada tindakan-tindakannya dimanipulasi oleh orang lain supaya memberikan interpretasi bahawa dia mengurangkan nilai bahasa, memperkecil taraf bahasa Melayu. Tapi itu hal-hal yang masih boleh dihujah. Saya fikir Dr Mahathir memandang jauh lebih tinggi dari kita. Saya misalnya, sentimen saya terhadap bahasa Melayu, jika ada orang (rakyat Malaysia) tidak mampu cakap saja, saya sudah agak marah. Tapi barangkali dia sudah boleh atasi semua itu. Jauh lebih atas, saya kira.

SS:

Tadi Datuk ada sebut Dr Mahathir lebih menekankan hal-hal yang berkaitan dengan sains. Ini merupakan salah satu aspek yang terdapat dalam Wawasan 2020. Jadi hal-hal sastera kurang ditekankan. Bagaimana dengan Anwar

Ibrahim ketika dia TPM?

A.S.S: Anwar Ibrahim memang orang budaya. Oleh kerana itu dia langsung saja. Apa saja gerakan sastera dan budaya dia langsung saja untuk menyokong. Itu memang jelas. Tapi kita tidak boleh ambil itu sebagai kayu ukur bahawa Anwar Ibrahim lebih berjiwa sastera kerana saya fikir Anwar Ibrahim juga bermain dengan wilayah sastera itu sendiri. Kerana Anwar memahami bahawa antara tunggak terpenting kuasa adalah budayawan. Jadi saya fikir tindakannya lebih banyak diwarnakan oleh perhubungan akrabnya sebagai abang-adik antara dia dan Usman Awang. Hingga sekarang keutamaannya kepada seniman nampak jelas. Seperti Rendra misalnya.

SS: Rendra pernah dijemput ke Kementerian Kewangan oleh Anwar Ibrahim sebagai deklamator. Datuk pun dijemput juga?

A.S.S: Saya dijemput juga ketika yang pertama dan yang kedua. Lepas itu hanya Rendra dijemput dengan Usman Awang. Ada nampak semacam *shift*. Bahawa saya tidak.... Tidak... (ketawa) apa nak dikatakan. Mungkin saya tidak begitu dirasakan penting lagi

di situ. Tapi itu saya tidak ambil hati. Cuma saya fikir, condong Anwar itu condong kepada Usman Awang. Rendra amat berguna kerana Rendra juga suara bangsa Indonesia seperti Goenawan Mohamad dengannya. Anwar juga baik. Anwar memang memahami nilai individu itu.

SS: Anwar Ibrahim semasa TPM telah mengemukakan satu gagasan untuk mewujudkan masyarakat madani di Malaysia. Bagaimana dengan konsep ini sekarang?

A.S.S: Madani ini ertinya pada saya: kita boleh berdiri sendiri, kita mempunyai satu bentuk nilai sivilisasi, tertib dan seumpamanya. Itu saya fikir. Tidak semestinya Anwar saja. Terkadang-kadang pemimpin mengucapkan apa yang dia mahu. Kadang-kadang ada pemimpin yang tidak mengucapkannya, tapi dia terus melaksanakan saja. Jadi yang satu memberitahu yang lain tidak. Ini *role* yang biasalah antara PM dengan TPM. Tapi selepas Anwar, saya fikir tidak begitu lagi. Datuk Seri Abdullah Badawi dengan Dr Mahathir, saya fikir dia (DS Abdullah) lebih bersikap untuk mengerti. Ertinya tidak mendahului macam Anwar yang lebih berani.

- SS: Anwar lebih proaktif?
- A.S.S: Tidak juga. Tindakan seseorang pemimpin kadang-kadang kita harus melihat misalnya dalam UMNO itu sendiri. Kadang-kadang tindakan semacam itu menghantar simbol yang lain. Barangkali tidak juga disenangi Dr Mahathir. Tetapi tidak dicakapkan. Jadi kita hanya tahu apabila sudah sampai di puncak di mana Dr Mahathir mengambil tindakan memancung saja. Baru kita tahu itu adalah satu bara yang sudah lama berlaku. Di mana antara pemimpin sudah seperti tidak ada rasa hormat menghormati.
- SS: Secara simbolik juga agak menarik seperti yang Datuk katakan itu. Dalam satu majalah ketika itu, Anwar ada menyebutkan ketika orang tanya dia kenapa lehernya diberi alat sokongan. Jawabnya: kerana dia berkuda mendahului Dr Mahathir. Dr Mahathir marah, menyebabkan kuda menjatuhkan Anwar. Demikian Anwar berjenaka. Tapi ini merupakan suatu jenaka yang *meaningful*.
- A.S.S: (Ketawa) Ya. Tapi saya fikir setiap tindakannya memang simbolik dalam erti kata mesti ada. Itu ada gunanya. Misalnya suatu waktu Anwar

memperkuuh kedudukan Jose Rizal sebagai wira. Dr Mahathir tidak pernah melakukan itu. Jadi Dr Mahahtir biasanya ada rancangan tertentu untuk bikin *leap forward*. Dia akan melakukannya dan berani untuk bercakap. Ini mengingatkan saya suatu waktu, iaitu dua dekad yang lalu ketika di Sarawak, beberapa MP secara bersendirii berjumpa dengan saya, kerana orang-orang ini fikir saya terlalu rapat dengan Dr Mahathir. Mereka meminta saya memberitahu Dr Mahathir: "Janganlah kasar-kasar sangat dengan luar, kelak kita nanti akan terjepit." Itu MP-MP yang di Sarawak. Saya masih ingat itu, ketika saya dibawa dalam bot laju. Saya berasa terhibur pun ia, tersenang pun ia. Tapi terasa itu agak jenaka kerana orang memikirkan saya dengan Dr Mahathir berapa punya akrab. (Ketawa) Tapi saya kata dia memang begitu. Anda pilih dia, anda kena sokong dia. Kalau anda fikir itu agak salah, anda kena fikir strategi lain untuk menurunkan dia. Tapi masing-masing tidak hendak buat silap. Masing-masing suka orang lain buat silap. Kalau orang lain buat silap, orang itu yang jatuh dan yang tidak buat silap, dia selamat dan boleh naik!

SS: Itulah yang dikatakan strategi agaknya. Ayat itu sama dengan ayat yang digunakan oleh Datuk Jaafar Hassan MB Perlis suatu ketika dulu. Ada seseorang bangkit lawan, berbahasa kasar terhadap Datuk Jaafar. Lepas itu saya pergi ke rumah beliau (Datuk Jaafar Hassan). Di situ lah dia berkata orang yang melawan itu buat silap. Orang yang hendak dia buat silap itu orang lain! Orang lain itu tidak buat silap!

A.S.S: (ketawa besar)

SS: Datuk Jaafar Hassan pandai. Sama dengan apa yang Datuk cakap tadi. Dia sudah nampak ketika itu.

Datuk, kita beralih persoalan sedikit. Sebagai penulis masa kini, dalam situasi Malaysia hari ini dan dunia hari ini, rasa-rasa apakah peranan baru para penulis?

A.S.S: Saya tidak ada cita-cita yang revolusioner mengenai hal itu. Kerana itu kalau anda lihat dalam tulisan-tulisan saya, saya selalunya suka merakamkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam masyarakat. Misalnya dari sejak awal lagi saya rakamkan peperangan Jepun

dan akibatnya. Saya fikirkan saya ingin meninggalkan satu khazanah pengalaman. Orang masa depan akan menyedari ini merupakan kesulitan-kesulitan yang kita telah alami dan sebaiknya dihindari. Begitu juga saya tulis, banyak orang tidak tahu, sebelum saya tulis *Hujan Pagi* saya letak jawatan ketika berumur 49 tahun dan saya tahu benda itu tidak mungkin. Saya tulis ketika berada dalam akhbar yang berkenaan. Sebabnya kerana dia telah melanyak saya, menghenyak saya, merungsingkan saya. Saya berhenti walaupun ketika itu gaji saya akan dinaikkan tapi saya tidak mahu. Begitu juga sewaktu saya menulis *Wira Bukit*. *Wira Bukit* sebenarnya rakaman tentang "A Team" dengan "B Team". Ketika itu Datuk Shahril Samad sebagai Timbalan Menteri, bersetuju drama *Wira Bukit* dipentaskan di DBKL dan jangkanya mahu dibawa ke mana-mana tempat. Tapi malam itu selepas dia tengok, lalu katanaya: "Eh, Samad, kita berhenti di sini saja. Bahaya!" Jadi maksud saya tugas seorang penulis itu antaranya ialah mengenal ibu-ibu masalah dan menuliskannya. Orang tidak senang hati kerana penulis itu biasanya secara sendiri merasakan jauh lebih tahu hal-hal ini tidak kena. Tapi dalam diri saya ada dua *role*

sebenarnya. Satu *role* yang semacam itu ketika saya tulis cerpen "Ahmad Zago". Ketidaksenangan saya bahawa akhbar sudah disusupi berlaku berulangkali. Sekarang berlaku benda itu. Kemudian dalam percanggahan "A Team" dan "B Team". Kita ada ahli politik, tapi tidak ada negarawan. Ada saya sebutkan. Tapi selain daripada itu saya juga memperhatikan bahawa kita harus memupuk generasi muda. Itu sebab saya juga menulis buku-buku remaja. Walaupun antaranya di gerakkan oleh keinginan membantu rakan yang hendak mula bisnes! Macam Harun Hasan. Jadi saya menulis buku-buku seperti itu. Semuanya saya tulis kerana saya rasakan akan boleh berguna. Buku-buku itu jalah didikan awal. *Al Amin* lahir kerana usia saya, oleh kerana keinginan saya untuk memahami kehidupan nabi. Saya *go through* semuanya. Tapi selain itu saya juga berfikir bahawa seniman perlu menyokong beberapa usaha kerajaan untuk memupuk ataupun memperteguh bangsa. Itu sebab saya menulis. Hari-hari yang tertentu saya menulis tentang bendera, tentang tanahair.. Barangkali di sana sini seperti disuruh-suruh. Tapi sesudah usia yang sudah demikian jauh, kemudian saya menyedari bahawa ini antara yang mestilah, seperti hidup

bersama misalnya. Ini saya tulis hampir spontan.

SS: Saya tertarik sekali dengan ungkapan “ibu masalah”. Pada tanggapan Datuk, apakah ibu atau ibu-ibu masalah yang terdapat di Malaysia pada masa ini?

A.S.S: Apa yang saya perhatikan, saya fikir kita pergi dekat watak. Saya lihat kita tidak mempunyai watak kukuh, kerana itu selalunya pemimpin tertentu yang mempunyai kuasa itu mewakilkan sesuatu *role* kepada individu yang membekalkan sejumlah wang yang besar. Tapi wakil itu tidak isi *role* dia, malah menyonglap. Jadi pemimpin-pemimpin yang di atas itu memang mengharapkan itu, tapi watak-watak individu yang diharapkan tidak dapat melaksanakan beberapa tugas kemanusiaan dan kemasyarakatan, walaupun kecil-kecilan. Misalnya, katakan saya, saya tidak pernah didatangi oleh pemimpin-pemimpin yang besar yang berkata: “Samad, kita akan memberi anda dana dua juta. Lakukanlah apa-apa sebaiknya untuk kebudayaan.” Saya boleh melakukannya. Tapi tidak pernah. Mungkin orang fikir saya tidak memikirkan itu. Siapa tahu kalau saya ada duit, saya boleh bikin *wonders*.

Saya boleh terbitkan antologi-antologi angkatan muda dengan penuh berseni dengan memberi bayaran royalti yang tentunya itu akan memberangsangkan pengkaryaan. Tapi kemudahan itu tidak ada. Namun dengan ketiadaan kemudahan itupun saya sempat menghantar orang ke England walaupun dia tidak pergi belajar, sebaliknya pergi berkahwin di sana! Saya sempat beri dana suruh orang itu belajar, suruh buat *degree*. Duit ambil, *degree* tak buat! Itu secara saya yang tidak ada kemudahan dana. Jadi saya fikir pemimpin yang ada kuasa dan ada bekalan wang harus meneliti individu-individu dalam semua bidang. Watak-watak orang itu harus dipelajari. Kemudian baru disalurkan wang itu. Sesudah kita yakin misalnya, itu Si A, lakukan apa saja untuk setidak-tidaknya satu pelan tindakan yang bukan *official*. Saya beri anda dua juta. Tapi kalau anda menunjukkan kesungguhan, dana itu akan mengalir lagi. Yang ini tidak ada. Dengan hormat saya kepada Usman Awang misalnya, antara penulis yang beruntung. Usman Awang mendapat beratus ribu *share*. Itu kita mengetahuinya. Selepas Anwar mengatakan Dr Mahathir punyai kroni, baru kita tahu ini kawan-kawan kita

dapat. Hal-hal yang semacam itu terkadang-kadang tidak manis untuk dikatakan. Tapi kalau kita ada, semuanya mesti digerakkan dengan wanglah. Kalau kita sudah ada gulanya, kita boleh gerakkan. Katakan wang 53 juta untuk rakyat termiskin itu sampai dekat saya misalnya, mungkin akan jadi lain. Tapi dia sampai ke tempat lain! (Ketawa). Satu lagi saya fikir, tidak ada pemimpin yang punya waktu atau kesungguhan untuk memantau. Kalau saya beri orang itu sekian, saya akan memantau. Tapi sebelum kita bagi kita harus mempelajari watak-watak itu. Memang berkemungkinan watak yang baik akan menjadi jahat kalau dilimpahkan wang. Itu antara risiko kita.

SS: Jadi nampaknya pemantauan merupakan salah satu perkara penting yang mesti dilaksanakan dengan apa cara sekalipun!

A.S.S: Ya. Daripada pihak atas mesti ada orang yang ada visi untuk memantau.

SS: Daripada gambaran permasalahan tadi, nampaknya kerja pemantauan itu tidak berlaku dengan efisien?

- A.S.S: Kerana orang yang di atas itu terlalu sibuk dan mempercayai seratus persen kepada orang yang diwakilkan. Sebab itu dalam agama dikatakan bahawa puncak insan itu .... mencari insan kamil. Tapi ini yang sukar untuk dijumpai di dalam bidang-bidangnya. Kalau kita jumpa itu penggeraknya, iaitu wang, macam apa yang dilakukan USA hendak menjatuhkan Afghanistan, sejumlah wang, entah berapa bilion diberi kepada NATO, *the warring leaders*, memang tahu pemimpin itu akan songlap, tapi bagi juga, untuk meruntuhkan Afghanistan. Itulah kuasa wang.
- SS: Pada pandangan Datuk, mungkinkah keadaan seperti yang digambarkan tadi boleh diselamatkan, di peringkat Malaysia sekurang-kurangnya?
- A.S.S: Harapan saya begitulah. Tapi kita tengok masalah sudah agak banyak berkembang. Misalnya negara kita berdepan dengan Singapura pun sudah menjadi sulit. Soal-soal air menjadi sulit untuk dihuraikan. Kita menjadi orang yang *defensive all the way*. Selalu *defensive* untuk orang melanyak kita. Sebab kita dianggap besar. Jadi kita tidak boleh menekan orang yang kecil. Orang yang kecil pula kebetulan

ada bapa yang besar. Ada watak-watak yang diamanahkan. Ambil UMNO sebagai contoh. Dalam UMNO ada "hantu-hantu". Dalam oposisi pun ada hantu-hantu. Anda sendiri akan tahu, walaupun tidak manis, ketika didedahkan seorang orang Anwar, menjadi pengurus kepada lebih kurang 53 buah syarikat. Buat apa dia seorang saja? Ada yang menjadi pengurus lebih daripada angka di atas. Ini adalah permulaan saya fikir, sebelum ditemui orang-orang yang untuk diwariskan yang lain. Tapi benda itu terhenti di situ.

SS: Nampaknya di sini kita harus melatih orang-orang kita, terutamanya yang bakal menjadi pemimpin. Tapi saya sendiri tidak tahu tugas melatih ini hendak diberi kepada siapa!

A.S.S: (Ketawa) Bagi dekat *you* la!

SS: Melatih orang-orang supaya berfikiran objektif. Yang benar kita kata benar, yang palsu kita kata palsu. Yang betul kita kata betul dan salah kita kata salah. Latihan seumpama ini harus dijalankan secara dua hala, iaitu kepada bakal pemimpin dan juga kepada rakyat.

A.S.S: Ini benda yang sukar. Tapi ini bukankah

kebaikan individu yang terasuh dari awal daripada ibubapanya, lingkungannya dan pelajarannya? Kadang-kadang ada watak-watak yang kita fikir dibentuk oleh datuk neneknya memang macam itu misalannya. Itu sebab saya bagi tahu isteri saya....dia jadi *Woman's Editor*. Saya kata: "Jangan ambil apa-apa. Orang bagi, bagi dekat anak buah *you*. Hanya selepas anak buah itu dapat dan anak buah itu kembali hendak bagi dekat *you*, baru ambil. Sebab kalau hadiah bedak 20-30 ringgit *you* boleh ambil, ataupun jemputan makan dekat hotel *you* boleh ambil, kalau itu boleh ambil, apa lagi yang besar-besar datang! Jadi kita harus latih, sewaktu datang pemberian yang kecil itupun kita tolak. Kecuali kalau sesuatu itu memang benar-benar suatu penghargaan. Jadi itu kesedaran individu dan kesedaran ibu bapa yang ada sekarang harus kita perhatikan. Berapa orang pemimpin yang ada? Pemimpin-pemimpin yang diamanahkan jaga Petronas, MAS, MRCB, Tabung Haji - Tabung Haji pun mereka sapu ya? Jadi watak-watak ini yang harus diperhatikan di samping mewujudkan dan memperketatkan suatu mekanisme untuk memantau. Orang Melayu, saya fikir bergantung kepada institusi-institusi seperti ini.

Berapa banyak eksekutif Melayu yang akan runtuh kalau institusi seperti MRCB jatuh, Petronas jatuh?

SS: Nampaknya di sini kita perlu ada satu sistem pemantauan dan akauntabiliti yang realistik. Maknanya sesiapa pun yang diamanahkan untuk memimpin sama ada dalam kerajaan atau institusi-institusi lain, perlu ada satu sistem akauntabiliti ini. Semuanya perlu saling *accountable*, tidak ada yang terlepas dan kebal!

A.S.S: Itu memanglah baik. Tetapi agak sulit. Namun kita mengharapkan akan ada beberapa watak yang penting di atas. Kita harapkan menteri-menterilah mulanya. Kalau menteri-menteri itu *sincere*, dia akan melantik orang-orang tertentu untuk perbadanan-perbadanan tertentu. Jangan orang yang sama diberi beberapa tugas untuk dilaksanakan.

SS: Agaknya kecenderungan seperti ini berasal dari mana?

A.S.S: Sebab orang itu diharap nantinya akan menjaga kepentingan politik. Kita ambil rakan kita Firdaus Abdullah. Dia mula dengan dunia wartawan. Tapi selepas itu sepanjang hidupnya dengan dunia

ilmuan. Dan kemudian sekarang sudah macam-macam. Misalnya jadi *Board of Directors* – bagus. Dan kita suka. Tapi kita harap Firdaus akan jadi orang contohan. Tan Sri Kamarul akan jadi *Board of directors* DBP. Dia pernah jadi *Board of Directors* PERFIMA dan Utusan dan sekarang DBP pula. Jadi kalau satu orang itu tangan tidak cukup. Tapi saya faham, orang-orang ini dipercayai. Tapi pokoknya kepercayaan itu biarlah diwakilkan juga kepada individu-individu yang baru. Kalau yang baru bolehlah kita susun. Kalau tidak, sampai orang itu tidak ada, barulah hendak tercari-cari wakil.

SS: Kita lihat dalam hal ini ada juga pemimpin-pemimpin yang melakukan penyelewengan.

A.S.S : Banyak!

SS : Di Malaysia dan juga di luar negara, penyelewangan-penyelewangan seperti ini berlaku tidak henti-henti dari semasa ke semasa. Saya kira sudah sampai masanya rakyat mengubah dan membebaskan minda mereka secara yang paling realistik dan praktikal. Rakyat mesti memainkan peranan yang tertentu, yang utama!

.AS.S: Memanglah rakyat mahu memainkan peranan tertentu. Peranan yang terbesar ialah sewaktu membuang undi. Kalau *you* fikir benda itu tidak betul seperti yang berlaku di Terengganu, ..... Rakyat keluar mengundi untuk menukar pemimpin dan kerajaan. Di Kelantan kita kurang tahu sama ada orang yang keluar mengundi itu tidak suka kepada UMNO ataupun mahu Kelantan di tangan ulamak ....itu kita tidak tahu. Tapi saya fikir bukan orang ramai, umumnya biasanya, tidak begitu tahu, sebab itu dia dipanggil *the masses*. Selagi tidak tersentuh kehidupan hariannya, tidak tersentuh soal makan minumnya, selagi itu tidak berlaku kemarahan. Jadi tindak-tanduk dan gelora rakyat itu sebenarnya dipupuk dan dibina atau disalurkan oleh pemimpin-pemimpin kecil yang diwakilkan oleh pemimpin yang lebih besar sedikit, yang diwakilkan oleh pemimpin yang jauh lebih besar lagi.... Jadi bagaimana pemimpin-pemimpin itu mengikat? Apa yang boleh mengikat pemimpin itu untuk.... kadang-kadang kalau dalam politik wang - projek! Sebagai contoh, kalau jadi ketua UMNO, setidak-tidaknya kalau saya hendak projek hendak tar jalan, saya perlu dapat. Kalau tidak saya

tidak akan agak setia kepada pemimpin di atas saya. Jadi akhirnya *the rewards* yang menentukan. Apa yang *you* boleh beri saya yang saya mesti agak setia. Ambil macam Zahid Hamidi dengan Anwar. Bila dia setia? Dan bila dia tidak setia? Dan banyak watak, dengan hormat saya kepada orang-orang ini. Sebab itu realitas hidup. Ambil Ibrahim Ali. Bila dia setia kepada Tengku Razaleigh dan bila dia tidak setia kepada Tengku Razaleigh? Ditentukan oleh apa? Kesetiaan ataupun *rewards*?

SS: Dari segi pengarang pula bagaimana? Adakah ada persamaan atau bagaimana? Contohnya Yahaya Ismail.

A.S.S: Sama juga sebenarnya. Itu sebab saya setakat ini banyak orang bertanya sikap saya dengan Dr Mahathir, dengan Abdullah Ahmad Badawi, dengan Anwar Ibrahim. Saya bermula... untuk saya saja, saya bermula dengan rakan. Bagi saya, yang penting setiakawan. Saya mula kenal Abdullah Ahmad Badawi sekitar akhir tahun-tahun 50-an dan awal tahun-tahun 60-an. Abdullah Ahmad Badawi dalam GPMS. Begitu juga dengan Firdaus. Itu orang pertama. Kedua baru saya kenal Dr Mahathir, iaitu ketika saya di puncak kuasa di *Strait Times*. Waktu

Tun Razak meninggal, waktu itulah saya mula berkenalan dengan Dr Mahathir. Walaupun tidak selalu berjumpa, tapi kami berkawan. Saya boleh "beracilut" dengan dia. Tapi kalau di depan umum saya *reserved*. Ketiga baru saya jumpa Anwar Ibrahim selepas dia bebas dari tahanan ketika itu. Jadi kesetiaan setiakawan saya, pertama Abdullah Ahmad Badawi, kedua Dr Mahathir, ketiga baru Anwar Ibrahim. Dan ini landas saya: *right or wrong ertinya you salah, you betul, you masih saya punya kawan!*

SS: Ini satu lagi perkara yang menarik. Bercakap tentang setiakawan. Dr Mahathir pernah berkata: dalam politik tidak ada yang kekal. Hari ini musuh esok boleh jadi kawan. Hari ini kawan esok boleh jadi musuh! Apa komen Datuk?

A.S.S: Itu memang betul. Sebab itu saya ingat satu masa bersama Datuk Musa Hitam. Dia kata: "*Mat, I have no friends in the political world. Outside political world, I have friends. You are wonderful.*" Dia boleh berkata begitu kepada saya dengan tidak perlu berasa runsing ada orang yang menikamnya dari belakang! Dan saya bukan orang politik. Saya gemar untuk mengetahui

tentang dunia politik.

SS: Apabila Datuk kata begitu, saya teringat sesuatu. Saya kira itulah sebabnya seorang Menteri Besar akrab benar dengan penulis sajak dan dramatis.

A.S.S: Ya. Sebab sebaik-baik kita masuk ke dalam, itu tidak bererti kita akan membantu dia. Oleh sebab itu saya kata *right or wrong, you are my friends*. Dia jatuh pun dia kawan saya. Dia naik pun dia kawan saya. Saya tidak minta. Tapi kalau dia beri, saya fikirkan. Kata saya hendak pergi minta, tidak. Saya fikir barangkali itu sikap saya sebagai seniman. Dan sikap individu saya terhadap hubungan rakan. Sebab itu rakan saya macam mana orang kata pun kalau "*he is my friend ....he is my friend!*"

SS: Itu kesimpulan yang baik. Kalau Dr Mahathir kata dalam politik tidak ada kawan yang betul-betul, dan tidak ada musuh yang betul-betul, itu sebenarnya hubungan dalam politik. Tapi tidak semestinya dia tidak ada kawan di luar politik.

A.S.S: Ya.

- SS: Tapi dalam konteks musuh dan kawan ini, kalau sekadar permusuhan secara *literal* saya fikir boleh diterima. Tapi kalau sampai tahap permusuhan itu menjadi serius ke tahap fizikal, malah mungkin boleh mengancam nyawa, saya kira hal ini tidak boleh dibenarkan!
- A.S.S: Tapi kuasa adalah puncak keinginan orang. Dia akan lakukan apa saja. Membunuh rakan pun dia mahu, kalau *you* masuk ke dalam wilayah itulah!
- SS: Jadi tidak bolchkah dalam alaf baru ini, kita cuba bawa satu anjakan paradigma daripada segi mentaliti rakyat ke arah kemerdekaan minda dalam erti kata yang sebenarnya. Kita kemukakan ....
- A.S.S: Bolehlah, khayalan bolehlah! (ketawa)
- SS: Sebagai penulis kita ada lesen!
- A.S.S: (Ketawa) Kita bolehlah menulis. Sebab itu saya juga secara simbolik, selain daripada usia tua saya, secara simbolik saya menulis *Al Amin*. Bahawa itu adalah contoh pemimpin sebenarnya! Itu antara watak-watak yang saya adakan dalam karya itu. Bila saya duduk-duduk dan berfikir dalam usia tua ini, saya berfikir, pemimpin yang

macam mana yang saya mahu.  
Akhirnya saya fikir, eh... *Al-Amin!*

SS: Seperti.... Contoh yang agak jauh sedikit, Saddam Hussein. Saddam itu pada mulanya kawan Amerika!

A.S.S: Memang Saddam itu dibentuk Amerika. Yang macam di Afghanistan itu, semua Amerika bentuk. Sebab itu laporan-laporan yang Iraq bagi dihadang oleh Amerika. Itu menunjukkan kebanyakan bahan-bahan untuk buat bom itu Amerika kasi.

SS: Sebab itu Amerika hendak rampas balik dokumen-dokumen itu.

A.S.S: Kebanyakan wang dana Amerika yang beri, untuk imbangi antara Iraq dengan Iran. Osama itu *friend* Amerika, kawan baik. OK-lah ya, saya harus bergerak dulu.

SS: Terima kasih kerana Datuk memberikan masa dan pernafasan untuk wawancara ini.

A.S.S: Sama-sama

# BICARA TENTANG MAHATHIR



## Wawancara Politik Sharif Shaary bersama KASSIM AHMAD

- SS: Apakah yang dimaksudkan dengan politik?
- KA: Politik ialah pentadbiran sesebuah masyarakat untuk menjamin keamanan, keselamatan dan kebajikan anggota-anggota masyarakat itu.
- SS: Bilakah agaknya sejarah politik bermula?
- KA: Saya fikir ia bermula sebaik saja kehidupan bermasyarakat wujud pada awal sejarah manusia, mungkin lebih lima ribu tahun dulu.
- SS: Apakah pentingnya politik dalam kehidupan manusia?

\* Dr. Kassim Ahmad ialah sasterawan dan pemikir yang terkenal

- KA: Pentingnya politik ialah untuk menjamin keamanan dan keselamatan dalam masyarakat. Hanya dalam keadaan aman dan selamat maka anggota masyarakat boleh membangunkan tamadun.
- SS: Bolehkah saudara terangkan dengan ringkas senario politik di Tanah Melayu sebelum dan selepas zaman kolonial?
- KA: Apabila kita merdeka, bangsa kita belajar mentadbirkan negara kita sendiri. Kita mewarisi sistem yang ditinggalkan oleh kaum penjajah dan juga sistem dari zaman kerajaan Melayu Melaka. Dengan demikian, politik awal kita terikat dengan penjajahan dan zaman feudal.
- SS: Apakah persamaan dan perbezaan politik pada zaman-zaman Tunku Abd Rahman, Tun Abd Razak, Tun Hussein dan Dr Mahathir ?
- KA: Dalam zaman Tengku Abdul Rahman, kita banyak bergantung kepada sistem yang ditinggalkan oleh penjajah dari segi sistem pelajaran, sistem pentadbiran, sistem ekonomi dan dasar luar. Kita mula bergerak terhadap sistem yang lebih bersifat nasional dan

bebas dalam masa kerajaan Tun Razak.

SS: Apakah ciri-ciri pemimpin dan kepimpinan yang baik?

KA: Sebuah kerajaan yang terdiri dari mereka yang layak, yakni layak dari segi kebolehan dan amanah. Mereka mesti berupaya mentadbirkan negara melalui kaedah perundingan. Kaedah perundingan tidak sama dengan sistem demokrasi Barat. Kaedah perundingan menekankan soal keadilan dan kebijakan rakyat, sedangkan kaedah demokrasi Barat mengutamakan kebebasan individu tidak kira sama ada kebebasan itu bercanggah dengan keperluan keadilan dan kebijakan rakyat.

SS: Pada pendapat saudara, apakah yang dimaksudkan dengan moral?

KA: Moral ialah sifat luhur dalam tindak-tanduk seseorang atau masyarakat. Adalah moral kita bercakap benar dan tidak berbohong. Adalah moral kita bertindak adil, daripada bertindak zalim atau berat sebelah. Adalah moral kita mempertahankan kebenaran, walaupun ia menyakiti diri kita sendiri.

- SS: Sejauh manakah moral berkaitan dengan seseorang pemimpin dan kepimpinan?
- KA: Memang politik dan ekonomi tidak boleh dipisahkan dari moral dalam konsep Islam. Dalam sistem liberal Barat, moral tidak memerintah politik dan ekonomi. Umpamanya, dua jaguh demokrasi Barat, iaitu Amerika dan Britain baru-baru ini mengesampingkan moral, malah mengesampingkan undang-undang antarabangsa, apabila mereka menceroboh Iraq.
- SS: Ada orang berkata politik itu kotor. Ada yang berkata yang kotor itu adalah manusia! Apa pendapat saudara?
- KA: Harus dibezakan dua jenis politik, iaitu politik yang berdasarkan kemanusiaan untuk kebajikan masyarakat, dengan politik yang berdasarkan hawa-nafsu kebinatangan (kepentingan satu golongan oligarki yang kecil).
- SS: Apa pendapat saudara tentang politik ala-machiavelli? (Kata-kata yang popular daripada fahaman politik ini ialah “The end justifies the means”)
- KA: Itulah jenis politik kedua yang saya sebut di atas tadi.

- SS: Bagaimanakah hendak kita atasi fenomena politik kotor?
- KA: Melalui pendidikan dan hukuman.
- SS: Pada pendapat saudara, apakah ada suatu sistem pemerintahan yang terbaik di dunia? Jika ada bagaimanakah coraknya?
- KA: Yang terbaik itu ialah sistem yang diajar oleh Tuhan kepada kita dalam *Quran*. Sistem ini diperaktikkan oleh Nabi Muhammad dalam Piagam Madinah.
- SS: Apakah negara yang mengamalkan sistem yang terbaik itu?
- KA: Sukar untuk dikatakan. Kita sudah melihat kejatuhan pemerintahan komunis di Rusia, tetapi sistem ini masih diteruskan di China dalam bentuk yang disesuaikan dengan keadaan di China. Sistem demokrasi Barat, seperti yang diamalkan di A.S. amat korup. Tiada siapa yang boleh menjadi presiden A.S. jika ia bukan jutawan dan tidak menyokong kepentingan kaum Yahudi di Israel. Saya lihat sistem Baath di Iraq telah memberi kejayaan kepada negara itu. Sayang ia nampaknya telah dihancurkan oleh kaum imperialis A.S.- Britain, kerana sistem ini boleh

menjadi contoh kepada negara-negara Arab lain dan mengancam kepentingan Israel dan penjajah A.S.- Britain maka ia diserang.

SS: Apakah pula sistem pemerintahan yang dilaksanakan di Malaysia? Apakah namanya sistem itu? Apakah sistem itu sesuai dalam konteks Malaysia?

KA: Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang kita warisi dari Britain. Seperti yang telah saya katakan, sistem ini banyak cacatnya. Ia tergolong kepada sistem politik jenis kedua yang saya sebut di atas. Penyakit ‘politik wang’ yang telah menjangkiti politik kita berasal dari sistem ini.

SS: Pada pendapat saudara, apakah sistem yang terbaik untuk Malaysia? Mengapa?

KA: Kita mesti merumuskan sistem politik yang berdasarkan prinsip-prinsip yang diajarkan dalam Quran, iaitu menyerahkan kuasa kepada mereka yang layak, memerintah dengan adil, dan memerintah melalui perundingan.

SS: Pada pandangan saudara, antara sistem dan pemimpin, mana yang lebih penting? Persoalan ini timbul kerana

terdapat dua pendapat yang bertentangan. Satu pihak berpendapat bahawa jika sistem bagus tapi pemimpin tidak bagus, maka pencapaiannya tidak berkesan. Pihak lain pula mengatakan bahawa jika pemimpin bagus tapi sistem tidak bagus, maka pencapaiannya tidak berkesan. Ada pula pihak ketiga yang berpendapat, bahawa kedua-dua sistem dan pemimpin itu sama penting. Dengan kata lain sistem perlu bagus dan pemimpin juga perlu bagus!

KA: Walaupun sistem itu penting, pemimpinlah yang membuat sistem itu. Kedua-duanya penting, tetapi pemimpin yang berkebolehan dan beramanah lebih penting.

SS: Bilakah saudara mula terlibat dalam politik? Dan apakah yang mendorong saudara terlibat dalam politik?

KA: Saya mula berminat dalam politik sejak di bangku sekolah, di sekitar umur saya 16 tahun. Tetapi saya aktif dalam parti pada 1967. Tujuan saya untuk mengubah keadaan hidup rakyat.

SS: Apakah bentuk/aliran politik yang saudara libati? Mengapa memilih aliran itu?

- KA: Aliran sosialis, kerana saya fikir keadilan sosial penting
- SS: Saudara pernah memimpin sebuah parti politik dan kemudian meninggalkannya. Mengapa?
- KA: Saya tidak gemar kepada politik sektarian, seperti dalam sistem demokrasi Barat. Saya mahu parti saya mencari jalan kerjasama dengan UMNO dan Barisan Nasional.
- SS: Kemudiannya saudara telah menyertai UMNO. Mengapa UMNO?
- KA: Kerana saya fikir UMNO pada waktu itu sudah banyak berubah dan menerima banyak daripada tuntutan parti saya. Umpamanya, dalam dasar luar, dalam sistem pendidikan dan sedikit sebanyak dalam ekonomi. Juga saya fikir UMNO boleh diubah lagi melalui kaedah perundingan dalam parti.
- SS: Nampaknya di dalam UMNO saudara tidak memainkan peranan yang aktif, mengapa?
- KA: Politik wang dan politik puak sudah menjangkiti politik UMNO sekitar tahun 80-an. Saya tidak ada banyak

masa untuk melawan politik ini, kerana minat saya dalam falsafah dan sastera juga besar. Saya ingin menghabiskan kerja saya dalam bidang-bidang ini.

SS: Siapakah ahli politik Malaysia yang menjadi idola saudara, jika ada. Mengapa?

KA: Saya sanjung Tun Razak, kerana kesungguhan dan keikhlasannya. Saya sanjung Dr. Mahathir kerana keberaniannya.

SS: Siapakah ahli politik dunia yang menjadi idola saudara, jika ada. Mengapa?

KA: Saya sanjung Abraham Lincoln dan Franklin Roosevelt, kerana kemanusiaan mereka. Saya sanjung Chou Enlai kerana kebijaksanaan diplomasinya. Saya sanjung Ho Chin Min kerana perjuangan nasionalisnya. Saya sanjung Saddam Hussein kerana perjuangan revolucionernya.

SS: Pada pandangan saudara, siapakah yang dikatakan Wakil Rakyat? Apakah peranan sebenarnya yang harus dimainkan oleh seseorang Wakil Rakyat?

- KA: Wakil Rakyat seorang yang mewakili rakyat dalam ertikata yang sebenar dan mendalam.
- SS: Dan siapa pula yang dikatakan rakyat? Apakah pula peranan yang harus dimainkan oleh rakyat?
- KA: Rakyat biasanya ialah pengikut yang ramai, tetapi ada segolongan yang memainkan peranan pimpinan. Jika pimpinan ini baik, maka baiklah masyarakat itu.
- SS: Bagaimana dengan wakil-wakil Rakyat yang terdapat di Malaysia?
- KA: Ada segelintir yang baik, yang menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.
- SS: Pada pendapat saudara, siapakah yang lebih penting, rakyat atau pemimpin?
- KA: Pada prinsipnya, kedua-dua sama penting, tetapi pada praktiknya, pemimpin lebih penting.
- SS: Pada pendapat saudara, adakah suara rakyat benar-benar sampai, didengar dan diperbahaskan di parlimen?
- KA: Dalam pemerintahan demokrasi Barat,

suara kumpulan kecil yang kaya dan berpengaruh saja yang didengar dalam parlimen dan dilaksanakan dalam pemerintahan.

- SS: Pada pendapat saudara, adakah rakyat berhak mengikuti secara langsung sama ada melalui TV atau radio, setiap kali parlimen bersidang?
- KA: Memang mereka berhak.
- SS: Apakah rahsia UMNO boleh bertahan begitu lama? Sejak pilihan raya umum pertama diadakan sehingga sekarang, UMNO memenangi setiap pilihan raya yang diadakan.
- KA: Kerana ia paling hampir mewakili hasrat dan sentimen rakyat, tetapi tidak semestinya hasrat dan sentimen itu baik. Juga kerana ia *pragmatic*. Contoh sentimen yang negatif ialah faham perkauman dalam semua kaum dan fahaman jumud agama dalam masyarakat Melayu.
- SS: Boleh saudara jelaskan perubahan-perubahan yang berlaku dalam UMNO sejak mula ia ditubuhkan sehingga sekarang.
- KA: Kerana *pragmaticnya*, UMNO sudah

berubah mengikut peredaran zaman. Ini aspek yang baik baginya. Tetapi oleh kerana UMNO tidak mempunyai suatu falsafah politik yang terang, maka rebutan kuasa dan ‘politik wang’ sedang meruntuhkan UMNO.

- SS: Dalam setiap parti politik di Malaysia terdapat budaya yang tersendiri. Boleh saudara jelaskan budaya parti-parti utama di Malaysia seperti UMNO, PAS, MCA, MIC, Gerakan, DAP, Keadilan dan PRM sebagai contoh.
- KA.: Budaya politik liberal, yakni tidak ada pegangan falsafah dan tidak ada disiplin.
- SS: Demokrasi adalah satu perkataan yang besar dan luas maknanya. Pelaksanaannya pula pelbagai. Masing-masing negara serta pemimpin mendakwa mereka mengamalkan demokrasi. Apa komen saudara?
- KA: Seperti yang telah saya katakan tadi, ada banyak jenis pemerintahan. Demokrasi dalam erti kata pemerintahan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat (Definisi Lincoln). Demokrasi Barat satu bentuk demokrasi saja. Ada demokrasi bentuk lain.

- SS: Pada pandangan saudara, negara manakah yang betul-betul demokratik dalam mengamalkan demokrasi?
- KA: Sekarang mungkin tidak ada. Dua jaguh demokrasi di Barat, Britain dan A.S. sudah menjadi fasis. Siapakah yang membuat dasar di A.S. sekarang? Golongan-golongan yang kaya. Kebanyakan mereka Yahudi dan anti-Islam
- SS: Apakah jenis-jenis/versi-versi demokrasi yang ada serta contoh-contoh negara yang mengamalkannya?
- KA: Selain daripada demokrasi liberal, ada demokrasi sosialis, seperti di China.
- SS: Apakah tanda-tanda amalan demokrasi yang tidak sihat?
- KA: Tidak ada sistem demokrasi yang sempurna. Salah guna kuasa, sedikit sebanyak, terdapat dalam semua sistem pemerintahan. Apa yang perlu ialah membendung gejala negatif ini, melalui pendidikan, kritikan dan hukuman.
- SS: PAS dan UMNO pernah bersatu dan kemudiannya berpisah semula. Bagaimanakah hal ini boleh berlaku?

- KA: Ketaksuhan kepada *ideology* satu sebab. Tiada kebijaksanaan dalam melaksanakan perpaduan ini satu sebab lain.
- SS: Mungkinkah PAS dan UMNO boleh bersatu semula?
- KA: Boleh, dengan syarat tidak taksub kepada *ideology* dan ada keinginan untuk bersatu.
- SS: Pada pandangan saudara, berjayakah PAS untuk memerintah Malaysia sebagai satu parti?
- KA: *Theology* dan Fikah Islam tradisional tidak boleh mentadbirkan masyarakat moden. Ini terbukti dalam contoh revolusi Islam Iran. Satu falsafah politik Islam moden perlu dirumuskan.
- SS: Sering berlaku kekeliruan tanggapan terhadap alim dan ulamak. Boleh saudara perjelaskan maksud dua perkataan ini?
- KA: Ulama merujuk kepada kaum cendekiawan: ahli sains, ahli falsafah, sarjana. Slogan "kepimpinan ulama" tidak ada dalam Islam. Pimpinan dalam masyarakat Islam diserahkan kepada mereka yang layak, tidak semestinya

sarjana. Kaum sarjana biasanya suka buat kajian, menulis dan mengajar. Mereka tidak gemar kepada politik, kerana dalam kehidupan politik, ada banyak muslihat.

- SS: Pada pandangan saudara, mampukah dan sesuaikah ulamak mentadbir sesebuah negara?
- KA: Saya baru saja menyebutkannya: "Kepimpinan ulama" tidak ada dalam Islam.
- SS: Ada pandangan yang mengatakan bahawa agama tidak boleh dicampuradukkan dengan politik. Pandangan saudara?
- KA: Dari satu segi, benar. Yakni, tiap kumpulan agama ada teologi dan cara-cara ibadah masing-masing dan ini harus dipisahkan dari dasar negara. Dari segi lain, agama tidak boleh dipisahkan dari politik atau ekonomi. Yakni, politik dan ekonomi harus dikawal oleh prinsip-prinsip moral yang datang dari agama.
- SS: Bagaimana dengan masa depan Barisan Alternatif (BA) dan parti-parti pembangkang lain di Malaysia?

- KA: Agak kabur. Konsep "pembangkang" yang dipakai adalah datang dari teori politik liberal Barat. Sebenarnya tidak waras satu-satu pihak membangkang sesuatu yang baik. Juga gabungan pembangkang ini mengandungai parti-parti yang ideologinya jauh berbeza.
- SS: Apa komen saudara terhadap gabungan parti Keadilan dengan PRM.
- KA: Saya tidak nampak persamaan perjuangan dalam kedua-dua parti ini.
- SS: "Keadilan sosial" adalah merupakan salah satu aspek penting dalam pentadbiran sesebuah negara. Bagaimana saudara melihatnya dalam konteks Malaysia? Sebelum itu, boleh saudara perjelaskan apakah yang dikatakan keadilan sosial? Bolehkah keadilan sosial dicapai? Bagaimana dan sejauh mana?
- KA: . Keadilan sosial bermakna kekayaan negara diagihkan secara saksama bagi semua rakyat, tak kira kedudukan sosial, tahap pendidikan, kaum, jantina dan agama. Wujud kemudahan-kemudahan asas, seperti jaminan pekerjaan, penjagaan kesihatan, pendidikan dari rendah ke tinggi, prasarana pengangkutan bagi semua

rakyat. Keadilan sosial memang boleh dicapai sepenuhnya.

SS: Boleh saudara terangkan siapakah yang dikatakan intelektual?

KA: Seseorang yang mencapai taraf kebudayaan yang tinggi, sama ada secara formal atau tidak formal, serta memperjuangkan cita-cita luhur rakyat melalui karya mereka.

SS: Siapakah intelektual-intelektual tanahair yang saudara fikir penting di Malaysia? (dulu dan sekarang)

KA: Tun Seri Lanang, Raja Ali Haji, Abdullah Munsyi, Syed Sheikh Al-Hadi, Pendeta Zaaba, A. Samad Ahmad, Usman Awang, dan lain-lain.

SS: Apakah ISA masih sesuai dipraktikkan di Malaysia? Jika ya, mengapa? Jika tidak mengapa?

KA: Masih diperlukan kerana masih wujud ancaman dari fahaman perkauman dan fahaman agama yang taksub.

SS: Akhir-akhir ini kita melihat satu *trend* kebangkitan semula Islam. Bagaimana saudara melihat *trend* ini?

- KA: Sejak revolusi Iran, kita lihat kebangkitan Islam dari segi emosi, dan tidak dari segi pemikiran. Kegagalan revolusi Iran, Perang Iran-Iraq dan Perang Teluk mungkin akan mengajar umat Islam untuk bersatu-padu menghadapi musuh kaum penjajah baru. Saya harap selepas ini mereka akan kembali kepada ajaran *Quran*.
- SS: Barat pula terutamanya Amerika cuba menghalang kebangkitan Islam ini. Mengapa?
- KA: Kerana mereka kaum penjajah. Penjajah tidak suka kepada sesiapa yang bangkit melawan mereka.
- SS: Pada pendapat saudara, mampukah Islam menjadi satu pemerintahan alternatif? Sama ada di Malaysia atau negara-negara lain di dunia?
- KA: Ya.
- SS: Apakah negara-negara Arab sendiri mengamalkan sistem pemerintahan Islam sepenuhnya?
- KA: Tidak di negara Arab, kecuali mungkin di Iraq di bawah pemerintahan Parti Baath. Tidak juga di Iran.

- SS: *Quran* adalah sebuah kitab yang lengkap. Boleh saudara huraikan?
- KA: Lengkap dalam ertikata ia memberikan prinsip dalam semua bidang kehidupan. Prinsip-prinsip ini perlu diterjemahkan secara kreatif mengikut keadaan masyarakat.
- SS: Pada pendapat saudara bagaimanakah Islam harus dipersembahkan agar mereka yang bukan Islam dapat memahami dan menerimanya?
- KA: Kemukakan segi ajaran-ajarannya yang universal dan humanis.
- SS: Apa pendapat saudara tentang tahap kesedaran politik di kalangan rakyat Malaysia?
- KA: Banyak lagi yang boleh dibaiki. Sebagai orang Islam, kita bertuah kerana memiliki sebuah kitab, *Quran*, yang dijamin oleh Tuhan sendiri tentang kesahihannya.
- SS: Bagaimana pula dengan tahap kesedaran politik di kalangan kaum-kaum utama di Malaysia?
- KA: Serupa juga. Kita dilahirkan dan dididik dalam falsafah sosial liberalisme Barat,

- yang tidak mewakili kebenaran.
- SS: Antara pembangunan material dan pembangunan manusia, yang mana yang harus diutamakan?
- KA: Membangunkan manusia tidak semestinya menolak material. Kemanusiaan kita mestilah merangkumi keperluan jasmani.
- SS: Boleh saudara huraiakan aspek pembangunan material dan pembangunan manusia dalam konteks Malaysia?
- KA: Kita kena keluarkan diri kita dari kerangka falsafah liberalisme. Apa tujuan kita membuat sekolah dan universiti? Itu tidak lain daripada untuk mendidik rakyat kita menjadi warganegara yang baik dan berguna. Yang baik termasuklah boleh berfikir. Yang berguna termasuklah boleh memberi sumbangan yang praktikal kepada pembangunan negara kita. Falsafah liberalisme tidak mengutamakan kebijakan awam.
- SS: Kemerdekaan merupakan suatu aspek penting bagi sesebuah negara dan rakyatnya yang pernah dijajah oleh kuasa luar. Namun yang lebih penting

ialah bagaimana hendak mengisi dan menjamin agar kemerdekaan itu dapat dinikmati oleh rakyat. Apa komen saudara?

KA: Memang betul.

SS: Kemerdekaan politik tidak bererti jika ekonomi bangsa tidak merdeka. Komen saudara? Kemerdekaan politik dan ekonomi tidak bererti jika minda bangsa tidak merdeka. Apa pula pandangan saudara?

KA: Kedua-duanya betul. Malah kemerdekaan pertama ialah kemerdekaan minda. Bagi saya, syahadah yang pertama itu menandakan kemerdekaan minda yang paling tinggi.

SS: Ekonomi dan politik berkait rapat. Yang satu mempengaruhi yang lain. Pada pendapat saudara yang mana yang lebih mempengaruhi yang mana?

KA: Kedua-duanya sama pengaruh-mempengaruhi, tetapi politik lebih penting, kerana dengan kuasa politik kita boleh membentuk kekayaan untuk membangunkan negara.

SS: Baru-baru ini terdapat satu slot di TV bertajuk " Kelantan dalam Gerhana".

Hal ini berkaitan dengan kemiskinan. Kemiskinan berkait dengan ekonomi. Dan ekonomi berkait dengan politik. Boleh saudara huraikan?

- KA: PAS tidak punya dasar untuk mentadbirkan sebuah negara moden. Mereka tidak ada idea bagaimana hendak membangunkan ekonomi. Mereka patut diajak berbincang bagaimana hendak mengatasi perkara ini.
- SS: Di Malaysia, pencapaian ekonomi dikaitkan dengan kaum-kaum tertentu. Boleh saudara huraikan perkara ini?
- KA: Pada umumnya, orang Melayu lebih mundur daripada kaum-kaum lain, kerana pemikiran mereka yang berdekad-dekad telah dicorakkan oleh masyarakat tani yang bersifat feudal. Pemikiran mereka perlu diubah. Ini satu proses besar yang memerlukan satu gerakan massa.
- SS: Apa pandangan saudara tentang isu Melayu Pulau Pinang?
- KA: Nasib mereka tidak boleh diubah sepenuhnya dalam kerangka liberalisme. Dalam kerangka liberalisme, kita hanya boleh

menghasilkan satu golongan kecil yang kaya-raya dan satu golongan besar yang tercincir.

SS: Undi Melayu kepada UMNO khasnya, dan BN amnya dalam Pilihan Raya Umum 1999 yang lalu dikatakan telah merosot. BN telah diselamatkan oleh undi bukan Melayu. Apakah faktor-faktor yang telah memungkinkan perkara ini?

KA: Kerana perjungan UMNO telah merosot dan ramai orang Melayu sendiri benci kepada UMNO.

SS: Apa pandangan saudara, Islam digunakan dalam menamakan parti politik?

KA: Kita tidak harus berbuat demikian, kerana ia memecah-belahkan masyarakat. Kalau boleh ada parti Islam, tentu boleh ada parti Budhis, Hindu dan Kristian pula.

SS: Adakah saudara setuju, Sekolah Agama Rakyat (SAR) dikatakan melatih pelajar-pelajarnya membenci kerajaan? Dan kerana itu ia perlu ditutup.

KA: Sudah lama perlu diadakan

pembaharuan dalam sistem pelajaran agama. Ia sudah ketinggalan zaman. Namun demikian, ada parti politik yang *teology* dan *ideologynya* selaras dengan sistem ini. Sebab itu mereka mahu sekolah-sekolah ini dikekalkan. Perlu diadakan perbincangan nasional dan saintifik tentang perkara ini supaya rakyat faham akan keperluan reformasi.

SS: Parti-parti politik bukan kerajaan biasanya diberi tanggapan negatif seperti: anti-kerajaan, anti-nasional, subversif, ekstremis, pengganas dan sebagainya. Pada saudara, apakah sebenarnya peranan sesebuah parti politik bukan kerajaan? Apakah istilah pembangkang itu sesuai digunakan? Pada pendapat saudara bagaimanakah seharusnya sesebuah parti politik "pembangkang" itu harus berperanan?

KA: Sistem kerajaan dan pembangkang ini kita tiru bulat-bulat dari sistem Barat. Kita boleh ada banyak parti, tetapi semua parti mestilah tunduk kepada suatu cita-cita nasional. Kita boleh berbeza pendapat dalam kerangka kesatuan cita-cita nasional ini. Tetapi, malangnya, dalam liberalisme, tidak boleh ada suatu cita-cita nasional. Semua cita-cita diperbolehkan, atas nama kebebasan, termasuk untuk

meruntuhkan bangsa itu!

SS:

Akhir-akhir ini keganasan telah menjadi isu penting masyarakat dunia. Boleh saudara terangkan, apakah yang dikatakan keganasan itu, jenis-jenisnya, sejarah bermulanya dan mengapa ia boleh berlaku?

KA:

Dalam semua masyarakat dalam semua zaman, wujud satu golongan kecil yang fikirannya kita boleh anggap melampau. Umar Ibni Khattab, umpamanya, seorang yang berwatak keras dan kasar. Seorang lagi Sahabat (saya lupa namanya) fikirannya mirip komunis! Tetapi semua aliran fikiran ini dapat dibendung dan disalurkan dalam suatu pelaksanaan dasar yang adil dan saksama di bawah suatu pimpinan yang bijak. Aliran-aliran melampau ini boleh meletus menjadi keganasan dan menyebabkan huru-hara dalam masyarakat jika masyarakat ditadbir dengan zalim. Keganasan antarabangsa sekarang disebabkan oleh sistem imperislisme A.S.- Britain-Israel. Sistem ini perlu dihapuskan dulu sebelum keamanan sejahtera boleh wujud. Perang Teluk (1990-2003) membuktikan siapa sebenarnya pengganas.

- SS: Apa pendapat saudara tentang penubuhan pusat anti-terorisme serantau di Malaysia?
- KA: Lupakan perkara ini. Ini idea A.S.! Apa yang patut umat Islam dan dunia lain lakukan ialah menghapuskan imperialisme A.S - Britain dengan mewujudkan kerjasama Eurasia (Asia dan Eropa) untuk menggantikan sistem kewangan-ekonomi liberalisme yang sudah bangkrup. Apabila sistem yang bangkrup ini sudah tidak ada penggunanya, A.S. dan Britain sendiri terpaksa akur.
- SS: Apa pandangan saudara tentang cerdik pandai Islam di Malaysia?
- KA: Kebanyakannya ikut arus perdana, mendokong *theology* yang kita warisi dari nenek-moyang. Tanpa sikap kritikal, kita tidak boleh membuat perubahan dan tidak boleh maju.
- SS: Apakah yang dikatakan kezaliman?
- KA: Perbuatan yang melanggar hak-hak asasi manusia, seperti hak untuk memilih dan menganut agama, hak kebebasan berfikir, hak untuk hidup dan bekerja, hak untuk mendapat keadilan dari kerajaan dan masyarakat, dan

banyak lagi.

SS: Bilakah seseorang itu dikatakan zalim? Diktator pula bagaimana?

KA: Apabila satu pihak menafikan hak-hak yang tersebut di atas. Perkataan ‘diktator’ agak kabur maknanya. Kerap kali dirujuk kepada seorang pemerintah yang memerintah mengikut hawa-nafsunya tanpa merujuk kepada nasihat yang baik. Ada juga terdapat frasa ‘diktator yang baik’, yakni pemerintahan seorang, tetapi pada umumnya baik. Tetapi pada zaman moden, ramai rakyat sudah belajar dan bentuk pemerintahan yang sesuai ialah yang berdasarkan perundingan, seperti yang diajar dalam *Quran*.

SS: Dalam alaf baru ini, unsur-unsur diktator dan zalim sudah tidak relevan lagi. Tapi fenomena ini masih berlaku. Apa yang patut dilakukan? Siapakah yang harus dipertanggungjawab untuk menangani masalah turun temurun ini?

KA: Hari ini kita boleh gunakan banyak forum untuk menggalakkan perkembangan pemerintahan yang berdasarkan perundingan dengan rakyat, seperti P.B.B., Gerakan Negara-negara Berkecuali, Pertubuhan

Negara-negara Islam. Ini harus dilakukan tanpa campur-tangan negara imperialis, seperti A.S.

- SS: Rasuah merupakan satu lagi masalah turun temurun yang sukar diatasi dengan berkesan. Apakah sudah tidak ada jalan keluar untuk mengatasinya?
- KA: Memang ada. Melalui pendidikan (berupa penyerapan nilai-nilai falsafah kemanusiaan, bukan liberalisme), melalui kritikan dan melalui hukuman.
- SS: Satu lagi masalah yang boleh dianggap turun temurun ialah salah guna kuasa. Komen saudara?
- KA: Cara mengatasinya serupa seperti di atas.
- SS: Dalam sastera jenis fiksyen terdapat watak yang diberi status wira. Wujudkah wira di dalam dunia politik?
- KA: Saya fikir watak wira itu memang mencerminkan hasrat kemanusiaan. Ia perlu untuk perjuangan menegakkan kebaikan dan menghalang kejahanatan.
- SS: Apakah terdapat perbezaan antara kemerdekaan dan kebebasan?

- KA: Perkataan ‘merdeka’ lebih persis. Bebas boleh membawa makna negatif, iaitu kebebasan melulu atau anarki.
- SS: Timbul satu paradoks yang berbunyi: “Merdeka tidak semestinya bebas” dan “Bebas tidak semestinya merdeka” apa pendapat saudara?
- KA: Ini kerana wujud perbezaan yang saya sebut di atas.
- SS: Kemerdekaan bukan hanya setakat membebaskan diri dari penjajahan, tetapi lebih dari itu. Boleh saudara huraiakan?
- KA: Merdeka bererti bebas mengikut hukum fitrah atau sunatullah.
- SS: Apa pandangan anda tentang “*the silent majority*”?
- KA: Frasa ini boleh mengelirukan. Memang kebanyakan orang jarang menge luarkan pendapatnya. Mereka suka mengikut ramai. Tetapi yang ramai tidak semestinya betul.
- SS: Rahsia merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan . Bagi individu, dikatakan rahsia peribadi. Bagi kerajaan dikatakan “rahsia rasmi

kerajaan". Sejauh mana aspek rahsia ini, sama ada rahsia peribadi atau rahsia rasmi kerajaan, diwajarkan kerahsiaannya?

- KA: Perkara-perkara yang menyentuh keselamatan negara memang perlu dirahsiakan untuk mengelak dari jatuh ke tangan musuh. Masalahnya apakah pula yang dianggap keselamatan negara? Ini memberi ruang kepada pentafsiran yang berbeza-beza.
- SS: Terdapat dua kategori intelektual: intelektual yang benar dan intelektual yang palsu. Bagaimana hendak membezakannya?
- KA: Kebenaran itulah yang harus menjadi kayu ukur.
- SS: Pemerintahan negara Malaysia berdiri di atas tiga tonggak utama, iaitu: Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman. Bagaimana saudara melihat perkara tersebut akhir-akhir ini?
- KA: Pada prinsipnya, mesti ada pembahagian di antara ketiga-tiga kuasa ini. Kadang-kadang kuasa eksekutif menjadi terlalu kuat hingga kuasa-kuasa lain tidak bebas lagi. Ini harus dielak melalui kritikan dalam

Parlimen dan dalam parti.

SS: Bersetujukah saudara dengan pendapat yang berbunyi: Jika sesebuah negara itu hendak maju, rakyatnya harus terlebih dahulu memerdekaan minda mereka. Kemerdekaan fizikal tidak bermakna tanpa kemerdekaan minda.

KA: Benar.

SS: Apakah ciri-ciri sebuah negara bangsa yang bertamadun tinggi?

KA: Kita bukan saja perlukan pembangunan ekonomi, tetapi juga intelek, seni dan moral. Semua sektor ini berinteraksi dan pengaruh-mempengaruhi.

SS: Bolehkah saudara sebutkan negara-negara yang telah mencapai tahap tamadun tinggi?

KA: Tamadun Yunani dengan pencapaian falsafahnya, tamadun Romawi dengan pencapaian undang-undangnya, tamadun Islam awal dengan pencapaian sains dan falsafahnya dan tamadun Eropah dengan pencapaian sains dan teknologinya.

SS: Bagaimana dengan Malaysia? Bolehkah Malaysia mencapainya? Jika

boleh apakah syarat-syaratnya? Dan bilakah agaknya kita boleh mencapai status negara tamadun tinggi itu?

KA: Malaysia tidak boleh memisahkan dirinya dari Dunia Islam. Kita harus membangunkan tamadun baru kita dalam konteks ini, berpandukan kitab suci *al-Quran*.

SS: Sejauh manakah rakyat Malaysia terlibat dengan aktiviti keganasan? Beberapa orang telahpun ditangkap dan ditahan di bawah ISA. Implikasinya ialah mereka ini belum tentu bersalah kerana mereka tidak dibicarakan. Sama seperti peristiwa 11 September, sehingga kini Amerika belum dapat mengesahkan siapakah yang sebenarnya yang terlibat.

KA: Undang-undang ISA perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab untuk menjamin keselamatan negara. Malaysia tidak boleh disamakan dengan negara A.S., yang sekarang ditadbirkan oleh sekumpulan puak fasis-imperialis, seperti Dick Cheney, Rumsfeld, Wolfowich, Perle dan beberapa lagi..

SS: Pengebom berani mati bukan hanya di kalangan orang-orang Arab dan Islam.

Dalam agama lain dan bangsa lain juga terdapat pengebom berani mati. Boleh dikatakan kebanyakan pengebom berani mati bukan hendak mati semata-mata kerana hendak mati. Tetapi mereka mati atas sebab-sebab tertentu, atas prinsip-prinsip tertentu. Apa pandangan saudara dalam hal ini?

KA: Berjuang di jalan Allah dengan jiwa-raga memang dituntut oleh Islam bagi mereka yang sanggup. Mati kerana perjuangan ini mati syahid. Pengorbanan ini perlu, kerana tanpa pengorbanan ini, dunia akan dikuasai oleh penjahat, seperti yang dapat dilihat sekarang dengan kebangkitan kaum penjajah baru A.S.- Britain.

SS: September 1998 menyaksikan suatu peristiwa bersejarah yang besar dan penting di Malaysia, iaitu peristiwa reformasi yang dilancarkan oleh bekas TPM Anwar Ibrahim. Ada yang mengatakan selepas peristiwa pendurhakaan Hang Jebat terhadap Sultan Melaka, inilah peristiwa kedua terbesar dalam sejarah orang-orang Melayu. Apa pendapat saudara?

KA: Malaysia memang memerlukan reformasi, tetapi bukan reformasi acuan Anwar. Orang yang celik boleh melihat

ini acuan A.S.!

- SS: Ada segolongan orang takut kepada reformasi, maksud saya takut kepada akibat yang dibawa oleh reformasi itu (namun ada juga segolongan orang yang takut dengan istilah reformasi itu sendiri!). Boleh saudara huraikan?
- KA: Reformasi yang kita perlukan ialah dari sistem liberalisme kepada suatu falsafah kebangsaan yang baru yang hampir dengan ajaran Islam. Juga kita perlu perbaharukan *theology* tradisional yang kita warisi dari nenek-moyang yang mengongkong kita sejak zaman lalu. Kedua-duanya mesti berdasarkan kepada ajaran *Quran*.
- SS: Perbicaraan mahkhamah Anwar Ibrahim menarik perhatian ke peringkat antarabangsa. Ia penuh sensasi dan kontroversi. (Jika dibuat filem, tentu menarik!). Apa pendapat saudara?
- KA: Kita jangan terpedaya dengan pembohongan dan propaganda A.S.! Isu Anwar digunakan A.S. untuk menjajah kita.
- SS: Apa pendapat saudara tentang corak pemerintahan “*divide and rule*”? Apakah fenomena ini diamalkan di

Malaysia?

- KA: Kita tidak harus mengamalkannya. Kita perlu menggunakan kaedah perundingan untuk menyelesaikan semua masalah.
- SS: Beberapa negara maju telah mengamalkan falsafah "*The best is yet to come*". Mereka tidak berpuas hati dengan pencapaian semasa, walaupun dunia luar mengagumi kejayaan mereka. Salah sebuah negara itu ialah Jepun. Falsafah ini juga terkandung dalam sepotong hadis nabi yang menyeru umatnya untuk membuat penambahbaikan: " Semoga hari ini lebih baik daripada kelmarin. Dan esok lebih baik daripada hari ini". Bagaimana saudara melihat falsafah ini dalam konteks kepimpinan dan pemerintahan di Malaysia?
- KA: Memang kita perlu membaiki bangsa kita, individual dan kolektif, setiap masa. Tidak ada rehat dalam perjuangan untuk membangunkan sebuah masyarakat yang baik. Tetapi takrif kebaikan kita mesti betul.
- SS: Bagaimana dengan masa depan UMNO?

- KA: UMNO perlu membuat perubahan dari segi falsafah, seperti yang telah saya huraikan di atas.
- SS: Apakah masalah-masalah yang dihadapi UMNO sekarang?
- KA: Rebutan kuasa dan ‘politik wang’. Falsafah liberalisme telah dan akan terus merosakkan UMNO. Ia mesti merumuskan sebuah falsafah politik yang mengutamakan kebijakan umum.
- SS: Apakah UMNO mempunyai masa depan dalam politik Malaysia?
- KA: Sudah tentu, dengan syarat ia membuat perubahan yang saya sebutkan. Jika tidak, apa pilihan bagi rakyat? Barisan Alternatif tidak memberi alternatif yang meyakinkan.
- SS: *“Setelah reformasi, lebih bebas berekspresi, lebih bebas beropini (menyuarkan pendapat). Tetapi, demokrasi bukan persoalan opini dan ekspresi semata-mata. Kedaulatan rakyat yang sebenarnya ialah bahawa rakyat boleh ikut mengurus dan memerintah negara lewat pemilihan langsung terhadap wakil-wakil rakyat di Dewan Perwakilan Rakyat. Rakyat juga harus bisa memilih secara*

*langsung wakil eksekutif di peringkat desa sampai presiden. Tapi hal itu belum terjadi di Indonesia. Jadi sebetulnya, dewan perwakilan rakyat di daerah dan di pusat bukan wakil rakyat tetapi wakil parti (politik). Jadi meskipun sudah ada reformasi, ada kebebasan berekspresi dan beropini tetapi belum bisa mencapai tujuan untuk mencipta kedaulatan rakyat. Sekarang yang ada adalah kedaulatan parti. Dan semua parti di Indonesia sibuk memperjuangkan bukan kedaulatan rakyat tetapi kedaulatan parti". Demikian kata-kata WS Rendra, penyair-dramatis terkenal Indonesia dalam majalah *Siasah* 2002 hlm.9. Apa komen saudara?*

KA: Ini menunjukkan tidak mudah untuk mentadbir sebuah negara secara bermoral.

SS: Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan "Hak asasi manusia"? Sejauh mana hak asasi manusia di Malaysia dipraktikkan? Adakah saudara berpuas hati dengan pelaksanaannya?

KA: Hak untuk hidup, hak untuk menganut agama yang dipilih atau tidak beragama, hak untuk mendapat pekerjaan, hak untuk keselamatan, hak

untuk menikmati kemudahan-kemudahan asas, hak untuk bersuara dan bepersatuhan, hak untuk menunjuk perasaan secara aman. Tidak ada sistem yang sempurna. Pemimpin dan rakyat mesti berusaha sedaya-upaya untuk mencapainya melalui perundingan.

SS: Ada pendapat yang mengatakan bahawa tidak ramai orang di dunia ini yang suka berfikir. Daripada kajian yang dijalankan hanya lebi kurang 10 persen saja orang yang suka berfikir. Apakah saudara bersetuju?

KA: Saya fikir itu memang benar.

SS: Bolehkah Dr Mahathir dianggap sebagai pemikir?

KA: Ya, saya anggap beliau seorang pemikir.

SS: Apakah pemikiran-pemikiran Dr Mahathir yang saudara anggap penting?

KA: Supaya ekonomi kita berubah kepada ekonomi industri. Supaya kita melakukan pemindahan teknologi, supaya masyarakat Islam menilai semula *theology* tradisional, dan supaya kita membangunkan sebuah

masyarakat berilmu.

- SS: Sebahagian besar calon-calon yang menang dalam pilihanraya kampus-kampus universiti baru-baru ini adalah terdiri daripada mereka yang menyokong parti pembangkang. Apa komen saudara?
- KA: Mungkin tradisi kaum muda “*anti-establishment*”.
- SS: Apakah perbezaan antara pelajar zaman dulu dan sekarang?
- KA: Dulu bidang kajian kami lebih luas, tidak terbatas kepada mata-pelajaran semata-mata, tidak seperti sekarang.
- SS: Apa pendapat saudara tentang penglibatan pelajar dalam politik , khususnya politik berparti?
- KA: Mereka patut menumpu kepada pelajaran. Belajar berpolitik dan belajar mentadbir negara.
- SS: Apa pendapat saudara tentang penubuhan Puteri UMNO? Apakah Puteri UMNO boleh membantu menaikkan pengaruh dan menambah kekuatan UMNO?

- KA: Orang baru memang bersemangat, tetapi untuk mengekalkan semangat itu, UMNO mesti ada falsafah dan falsafah itu mesti boleh meransang generasi muda.
- SS: Sejauh mana Dr Mahathir dihormati dan tidak dihormati di peringkat dunia?
- KA: Nyata beliau seorang negarawan dunia.
- SS: Sejauh mana Dr Mahathir dihormati dan tidak dihormati di Malaysia?
- KA: Sejak akhir-akhir ini, politik Malaysia banyak dimasuki fitnah. Ini tidak sihat.
- SS: Bagaimana Dr Mahathir dapat bertahan dengan beberapa isu yang begitu mencabar seperti isunya dengan Raja-raja Melayu, isu Dr Mahathir dengan Team B yang diketuai oleh Tengku Razaleigh dan yang terakhir isu beliau dengan Anwar Ibrahim.
- KA: Beliau dapat bertahan kerana beliau di pihak yang benar, dan di samping itu beliau seorang ahli strategi dan ahli taktik
- SS: Pada pendapat saudara apakah pencapaian yang bermakna sepanjang 20 tahun lebih pemerintahan Dr

Mahathir?

- KA: Dr Mahathir membawa Malaysia ke zaman industri dan teknologi.
- SS: Jika Dr Mahathir jadi letakkan jawatan apakah implikasinya terhadap UMNO, BN dan Malaysia?
- KA: Patah tumbuh, hilang berganti. Tidak siapa yang boleh kekal selama-lamanya. Lambat-laun Dr Mahathir mesti letak jawatan. Penggantinya mesti ada. Yang perlu dipastikan pengganti itu dapat diterima oleh parti dan rakyat dan tidak ada rebutan kuasa. Masing-masing mesti menjalankan tugas di tempat masing-masing.
- SS: Jika Dr Mahathir tidak jadi letakkan jawatan, apa pula implikasinya terhadap senario politik Malaysia?
- KA: Tidak baik jika Dr. Mahathir mengubah fikiran dan tidak meletak jawatan setelah mengumumkan beliau akan berbuat demikian.
- SS: Apakah tanggapan saudara terhadap empat TPM yang berkhidmat di bawah Dr Mahathir?
- KA: Seseorang TPM mestilah bersabar,

menjalankan kerjanya dengan baik dan menunggu gilirannya.

KA: Apakah tanggapan saudara akan perbezaan-perbezaan di antara ke empat-empat TPM ini?

SS: Anwar menjadi TPM agak terlalu cepat. Adakah dia dicemburui oleh ahli-ahli UMNO yang lain kerana dia baru dan muda di dalam UMNO?

KA: Ini sebahagian saja daripada ceritanya. Anwar tidak menunjukkan sifat bijaksana. Dia tidak sabar. Dalam pada itu, perjuangannya hanya untuk menjadi P.M. Untuk itu, dia sanggup mencari sokongan A.S. yang kita tahu mempunyai cita-cita penjajah.

SS: Pada saudara apakah sumbangan yang bermakna semasa Anwar berada dalam UMNO dan sebagai TPM?

KA: Saya fikir tidak ada.

SS: Ada kalangan tertentu, dari dalam dan luar negara melihat Anwar sebagai "*The prisoner of conscience*", apa komen saudara?

KA: Anwar seorang ahli politik UMNO yang naik mendadak, yang bercita-cita

untuk menjadi P.M. Malangnya, beliau tidak mempunyai kesabaran untuk menunggu gilirannya. Beliau juga tidak mempunyai apa-apa komitmen untuk apa-apa perjungan, kecuali untuk menjadi P.M. Dengan demikian, beliau telah digunakan oleh kuasa luar untuk menggulingkan Mahathir.

**SS:** Apa pendapat saudara tentang kebebasan bersuara semasa zaman Dr Mahathir dan sebelumnya?

**KA:** Dr. Mahathir terkenal sebagai seorang pemimpin yang tidak punya banyak masa untuk berbahas. Sedangkan perbahasan ialah suatu proses yang perlu untuk mencapai kebaikan.

**SS:** Apakah Wawasan 2020 akan tercapai tepat pada masa atau lebih awal atau terkemudian dari itu?

**KA:** Walaupun saya bersetuju dengan Wawasan 2020, saya ragu apakah ia akan tercapai. Ini kerana kaedah untuk membawa rakyat mencapai matlamat ini tidak diberi perhatian yang cukup

**SS:** Bagaimana saudara melihat masa depan UMNO di Kelantan dan Terengganu?

**KA:** Saya tidak fikir politik PAS boleh

membawa bangsa kita mencapai kemajuan. Ramai rakyat mengundi PAS bukan kerana mereka suka kepada PAS, tetapi kerana mereka tidak suka kepada UMNO.

SS: Bolehkah Parti Alternatif memerintah Malaysia dalam pilihan raya akan datang?

KA: B.A. terdiri dari parti-parti pelbagai ideologi yang tidak diselaraskan. Saya tidak fikir rakyat akan memberi mandat kepada mereka untuk memerintah, walaupun kita memerlukan beberapa perubahan dalam dasar Kerajaan.

SS: Pada tanggapan saudara bagaimanakah agaknya ciri-ciri pemimpin masa depan?

KA: Kita mesti berbalik kepada sistem dan kaedah yang diajar dalam *Quran*, dengan ditafsirkan secara kreatif selaras dengan kehendak zaman.

SS: Jika pemimpin masa depan perlu memiliki ciri-ciri tertentu, bagaimana pula tentang ciri-ciri rakyat masa depan?

KA: Rakyat mesti memainkan peranan yang

membina, dinamik dan kreatif.

SS: Sejauh mana konsep setiakawan wujud dalam dunia politik?

KA: Seperti yang diajar dalam *Quran*, kita dikehendaki bekerjasama untuk melakukan kebaikan, bukan kejahanan.

SS: Bagaimana saudara melihat ketokohan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin Islam.

KA: Umat Islam ada banyak masalah. Sampai sekarang, dalam zaman islah yang melebihi 100 tahun, tidak banyak masalah itu dapat diselesaikan. Lihat soal perpecahan. Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Turki dan Iran sanggup melihat Iraq dibom begitu dahsyat tanpa membantunya. Tidakkah mereka sedar kaum Anglo-Amerika itu penjajah dan musuh Islam? Saya fikir Dr. Mahathir cuba menyatukan umat Islam, tetapi gagal.

SS: Salah satu isu yang sedang hangat diperkatakan sekarang ialah tentang poligami. Perlis muncul sebagai jaguh dalam hal "memperjuangkan" poligami. Seperti biasa isu ini mengundang reaksi yang pelbagai. Di kalangan kaum

wanita sendiri mendapat pandangan yang berbeza-beza. Datuk Shahrizat semacam tidak setuju. Sebaliknya Azalina (Puteri UMNO) menyokongnya. Saudara bagaimana?

KA: Jika kita berpegang kepada ajaran *Quran*, nyatalah kahwin satu itu dikehendaki oleh *Quran*, pada prinsipnya. Tetapi poligami dibenarkan di bawah syarat-syarat yang ketat.

SS: Dalam dunia yang serba moden dan kompleks hari ini, masih ada lagikah kejujuran?

KA: Orang yang jujur wujud dalam mana-mana zaman. Pimpinan yang baik mesti gembelengkan tenaga orang jujur ini untuk menegakkan kebaikan.

SS: Kejujuran merupakan salah satu aspek penting dalam setiap tindak –tanduk aktiviti manusia. Lebih-lebih lagi dalam hal-hal yang menyentuh agama, politik, ekonomi dan sosial. Kejujuran pula berkait rapat dengan keimanan. Jika terhakis kejujuran maka akan terhakislah keimanan seseorang. Penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah, penipuan, fitnah, pembohongan adalah di antara akibat langsung daripada ketidakjujuran. Apa pan-

dangan saudara?

KA: Saya setuju bahawa tahap moraliti sangat rendah dalam dunia sekarang. Ini kerana kebanyakkan orang (tetapi tidak semua) mengutamakan kepentingan material. Mereka tidak ada semangat untuk berjuang dan berkorban, seperti yang dijar oleh Islam. Oleh sebab itulah kita lihat kaum penjajah Inggeris-U.S. bermaharaja-lela di dunia. Jika ada cukup pemimpin dan rakyat yang sanggup berjuang dan berkorban, penjajah Inggeris-A.S. tidak boleh wujud. Perang Teluk (1990-2003) satu pengajaran kepada orang Islam supaya mereka bersatu dan berjuang menentang penjajahan A.S. Jika tidak, kerosakan dan huru-hara akan merebak ke seluruh dunia!

SS: “*Double standard*” satu lagi ungkapan yang sering disebut dalam pengurusan dan pentadbiran pada setiap peringkat. Pada pendapat saudara sejauh mana amalan “*double standard*” menjas kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran? Dan apakah natijahnya jika hal ini diamalkan di peringkat tertinggi, iaitu di peringkat pentadbiran sesebuah negara?

KA: Tidak boleh ada dua ukuran.

SS: Apa pendapat saudara tentang ISA dari kaca mata Islam?

KA: Dibolehkan dengan syarat ia dilakukan betul-betul untuk mengelak kemudaran yang lebih besar.

SS: Ada pendapat yang mengatakan bahawa undang-undang Hudud jika diamalkan adalah lebih toleran jika dibandingkan dengan undang-undang Malaysia yang sedia ada sekarang. Contohnya undang-undang yang berkaitan dengan dadah. Mengedarkan dadah lebih daripada 15 gram dihukum mati. Undang-undang Hudud tidak mengenakan hukuman mati. Apa komen saudara?

KA: Undang-undang mesti berdasarkan dua prinsip, iaitu (a) keadilan, (b) ihsan. Bentuk hukuman boleh berubah mengikut zaman. Sebenarnya, dalam *Quran* tidak ada hukum hudud, dengan makna tetap dan tidak boleh diubah. Apa yang dikatakan hukum hudud ialah tafsiran ahli hukum dulu.

SS: Satu ungkapan popular ialah: "Jerung sering terlepas tetapi bilis juga yang kerap kena". Ungkapan ini biasanya dikaitkan dengan amalan rasuah. Apakah ini benar atau ia hanya retorik

semata-mata?

- KA: Dalam banyak kes, ia benar, kerana sifat pilih bulu oleh pihak atasan.
- SS: Apa pendapat saudara tentang perlantikan mereka yang tidak bertanding dalam pilihan raya ke dalam jawatan kabinet?
- KA: Dalam keadaan tertentu, ada baiknya, tetapi tidak harus diamalkan sebagai suatu kelaziman. Semua yang memegang tanggungjawab harus dipilih.
- SS: "Ketelusan dalam pentadbiran", "Bersih, Cekap dan Amanah", "Kepimpinan melalui teladan" apakah semua itu masih relevan?
- KA: Slogan-slogan ini memang betul, tetapi mereka mestilah dilaksanakan. Untuk melaksanakannya, mesti ada kaedah yang boleh menjaminkan pelaksanaanya.
- SS: Media, sama ada elektronik atau cetak, merupakan saluran penyampaian maklumat yang penting kepada orang ramai. Turut menjadi penting ialah kebebasan media itu sendiri. Apa pandangan saudara?

- KA: Memang betul, tetapi apabila falsafah dan matlamat media itu ditentukan oleh pemiliknya tanpa menghiraukan kebijakan orang ramai, ia akan menjadi alat suatu kaum oligarki, seperti yang telah berlaku pada media perdana Barat.
- SS: Bagaimana pula tentang pembohongan media? Apa kesannya kepada orang ramai dan negara?
- KA: Mengelirukan dan merbahaya.
- SS: Sejauh ini, itulah saja yang ingin saya ketahui daripada saudara. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Salam sejahtera.
- KA: Saya juga menghargai usaha saudara.

# BICARA TENTANG MAHATHIR



## Wawancara Politik Mohamad Shahidan (MS) dengan RAHMAN SHAARI

- MS:** Dapatkah saudara ingati sejarah keempat-empat Perdana Menteri Malaysia? Kalau boleh, tolong sebutkan sifat-sifat mereka secara ringkas
- RS:** PM yang pertama Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan, samar-samar dalam ingatan saya. Seingat saya, bapa saya menyanjungi dia. Dia mengetuai Perikatan, iaitu gabungan tiga buah parti, iaitu UMNO, MCA dan MIC. Tunku meletakkan jawatan selepas peristiwa berdarah, 13 Mei 1969. Sifat utamanya bertolak ansur. Selalu dia menyebutkan sikap bertolak ansur antara kaum. Seingat saya, dalam kempen pilihanraya zaman Tunku, orang PAS tidak menyetujui prinsip bertolak ansur demikian. Kempen PAS

\* Prof. Madya Rahman Shaari ialah penyair, novelis dan pengkritik sastera. Beliau terkenal dalam bidang deklamasi.

ketika itu menekankan semangat Melayu. Seingat saya juga, selain berlawan dengan PAS, ada konflik yang terkenal antara Tunku dengan Dr. Mahathir, orang muda UMNO ketika itu.

PM yang kedua ialah Tun Abdul Razak. Dalam zamannya Dr. Mahathir yang berkonflik dengan Tunku, dan sudah dipecat, kembali ke pangkuhan UMNO. UMNO jadi lebih gagah. Tun mengajak PAS dan parti-parti lain menyertai kerajaan. Tertubuhlah Barisan Nasional. Jadi, kuranglah politiking dalam kerajaan. Tun berusaha memajukan kawasan luar bandar.

Yang ketiga Tun Hussein Onn. Dalam zamannya PAS dikeluarkan daripada Barisan Nasional. Ada konflik dalam UMNO. Datuk Harun Idris ialah musuh politik Hussein. Imej Hussein adalah tegas dan keras. Sukar hendak saya bayangkan jasa beliau, selain melantik Dr. Mahathir sebagai timbalannya. Bagi saya, pelantikan Mahathir sebagai timbalan, kemudian menyerahkkan jawatan PM kepada Mahathir, ialah jasa bakti Tun Hussein yang besar. Namun, kemudiannya dia tidak bersetuju dengan cara Mahathir.

Ketika Mahathir ditentang oleh Tengku Razaleigh, Hussein di sebelah Razaleigh. Itu hal lain.

Yang keempat Dr. Mahathir Mohammad. Yang saya rasai, zaman Mahathir ini cemerlang, sangat cemerlang. Saya tidak merasakan kecemerlangan Malaysia pada zaman sebelumnya. Ada pihak yang bercakap dengan sinis, mengatakan Mahathir mengutamakan pembangunan kebendaan. Tapi, nak bangunkan apa? Pembangunan *spiritual* atau rohani itu abstrak. Sukar kita hendak tanggapi pembangunan *spiritual*. Bagi Mahathir, yang penting ialah ekonomi dan modeniti.

MS: Apakah pandangan saudara terhadap pemilihan Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeratai kerajaan?

RS: Saya masih ingat ada kerisauan di kalangan kawan-kawan dalam ABIM apabila Anwar memutuskan akan menyertai UMNO. Sahabat baiknya Ustaz Fadhil Noor terperanjat. Kemudian terdapat pandangan beberapa pihak lain yang juga menampakkan kerisauan. Saya kira Dr. Mahathir bijak kerana mendorong Anwar menjauhi PAS. Subky Latiff

dalam satu tulisannya menyebutkan Anwar memang hampir-hampir menganggotai PAS. Anwar sudah ‘bertunang’ dengan PAS, tetapi ‘berkahwin’ dengan UMNO hasil pelawaan Mahathir...

MS: Kenapa Anwar dipilih oleh Mahathir?

RS: Hubungan antara Anwar dengan Mahathir akrab sekali. Saya menghadiri ceramah yang disertai oleh kedua-dua tokoh ini. Mereka saling melengkapi. Bertempat di Dewan Kampung Pandan dalam tahun 1971, Mahathir menasihati Anwar agar terus berjuang, jangan berhenti sekerat jalan. Saya dengar ucapan Mahathir dengan tekun, dan saya dengar janji Anwar. Mereka rapat betul. Saya sendiri memang sejak zaman remaja berharap mahu melihat kedua-duanya menjadi pemimpin negara. Itu kemudiannya menjadi kenyataan. Selain itu, Anwar dipilih oleh Mahathir kerana Mahathir mahukan Anwar menguatkan segi agama dalam UMNO. Tun Daim menguatkan aspek ekonomi.

MS: Apakah yang menjadi perhatian saudara dalam zaman Mahathir?

RS: Banyak sekali. Mahathir ialah PM yang

sangat aktif. Dia berbuat bermacam-macam. Kita melihat pembangunan kebendaan dalam bentuk bangunan-bangunan. Kita melihat jambatan Pulau Pinang. Kita melihat kereta Malaysia. Kita melihat Putrajaya, lapangan terbang....semuanya hebat-hebat. Kehebatan ini jelas, dan orang sudah berhenti menilainya kerana terlalu jelas. Lagipun segala pujian telah diberikan kepadanya, jadi apa lagi hendak dicakapkan?

MS: Orang berhenti menilainya? Segala pujian telah diberikan?

RS: Sesetengah orang berhenti menilainya. Jins Shamsuddin kata, otak Mahathir dikehendaki oleh banyak negara lain, tetapi orang Malaysia buat endah tak endah saja. Itu pujian yang hebat. Sesetengah orang berfikir secara terbalik. Mahathir berbuat banyak sangat, dan besar-besar pula. Mereka fikir lebih baik mereka sanjung Tok Guru Nik Aziz. Tok Guru tu hampir-hampir tidak berbuat apa-apa yang penting dari segi pembangunan. Jadi, untuk jadi pemimpin, orang tidak hanya perlu berbuat bermacam-macam. Orang boleh jadi popular jika mengambil jalan yang satu lagi, iaitu tidak usah berbuat apa-apa, atau buat

sikit-sikit saja. Di kalangan orang Melayu, sesiapa yang bercakap tentang agama akan popular.

MS: Tok Guru Nik Aziz mendapat tempat di hati rakyat Kelantan.

RS: Itu ialah hasil penilaian rakyat Kelantan. Jika rakyat Kelantan tidak memikirkan dan tidak mengagumi pembangunan kebendaan yang dibawa oleh Mahathir, itu ialah hak mereka. Mereka tidak menyukai apa-apa yang jelas. Mereka menyukai yang kabur-kabur, sama seperti peminat sajak kabur. Tapi itu hak mereka. Macam para seniman, sesetengahnya sengaja memilih kehidupan yang *simple*, malah kalau datang ke KL ada seniman yang tidur di rumah GAPENA saja. Ada yang pakai baju berkedut-kedut. Itu hak mereka.

MS: Bukankah Nik Aziz membawa kemajuan agama?

RS: Tidak mungkin Nik Aziz dapat membawa kemajuan agama. Dia berpolitik secara biasa. Dia membawa kemajuan politik agama, iaitu menjadikan agama untuk mendapatkan undi yang banyak. Disebut olehnya macam-macam supaya popular,

misalnya barua, samseng, dan dia mengakui Tuhan ada mencarut. Dari sudut dia, itu ok. Tidak perlu dihuraikan hal itu, cuma elok dikatakan cara orang berpolitik memanglah macam-macam. Tentu anda akan bertanya kenapa begitu. Dalam ucapan di pentas PAS, rakyat didorong untuk kuat beragama, kuat beribadat. Namun, cara dalam arena politik adalah tidak selaras dengan ajaran agama yang murni. Politik bersifat keduniaan. Susah hendak kita cakapkan perkara ini. Memang ada orang cekap menggunakan agama. Dalam *Economist* ada disebutkan *Islam sells in Malaysia*. Antara lain, maksud penulis *Economist* itu ialah sesiapa yang mahu menaikkan dirinya di Malaysia, dia eloklah ‘menjual’ Islam.

MS: Adakah semua ahli politik Islam ‘menjual’ Islam?

RS: Rasa-rasanya, orang politik Melayu di Malaysia begitulah. Kalau mereka memasuki pilihanraya, mereka akan bersyarah untuk mengatakan dan meyakinkan orang ramai bahawa mereka memperjuangkan Islam. Pada hakikatnya, kemudiannya kita lihat mereka memperjuangkan puak-puak. Apabila PAS berkuasa di Terengganu

misalnya, tersebar berita wang zakat diberikan kepada anak exco PAS. Keizinan supaya wang itu diberikan kepada orang kaya atau orang berjawatan tinggi dikatakan berdasarkan perjuangan fisabilillah. Kemudian wang itu dikatakan dipulangkan pula. Kalau dasarnya ialah fisabilillah, kenapa dipulangkan? Dari segi politik, sentiasa ada jawapannya, dan oleh sebab orang agama yang bercakap, rata-rata rakyat terima. Itu menjadi masalah, kerana setiap orang kena bercakap tentang agama, walaupun hal itu tidak lain daripada hal hal perebutan kebendaan.

MS: Mahathir juga bercakap tentang agama Islam. Adakah dia juga turut menjual Islam?

RS: Dalam politik, jika satu pihak bersuara mengatakan cara A betul, akan muncul suara pihak lain yang mengatakan cara B yang betul. Dr. Mahathir memang menjual Islam secara lain. Dia mengemukakan tafsiran Islam yang progresif, berlawanan dengan tafsiran Abdul Hadi Awang dan Nik Abdul Aziz Nik Mat yang tradisional. Dalam pemerhatian saya, memang wujud tafsiran Islam yang berbeza-beza sejak dahulu hingga kini. Mazhab-mazhab

telah timbul kerana tafsiran. Yang paling merosakkan aqidah ialah tafsiran yang memasukkan unsur syirik dan khurafat dalam agama. Yang syirik dan khurafat ini sebenarnya memenuhi minda orang Melayu Islam seluruh negara, tetapi tidak dipedulikan oleh kedua-dua pihak, kerana hal itu tidak menambahkan atau mengurangkan undi. Ajaran Islam yang ditafsirkan di Malaysia secara keseluruhannya, dilihat dari sudut politik, ialah ajaran Islam yang boleh menambahkan jumlah undi. Bukanlah satu rekaan jika dikatakan ada sekolah agama yang mengajarkan sesuatu fakta untuk menambahkan undi parti tertentu apabila murid-murid mereka besar nanti. Mereka buat persediaan jangka panjang. Mahathir, secara intelektual berbicara tentang agama, berasaskan lojik, dan menyentuh contoh-contoh kejatuhan golongan fanatik. Mahathir berbicara tentang realiti, berasaskan agama.

**MS:** Wajarkah hak Terengganu ke atas minyak dinafikan selepas PAS menang di negeri itu dalam pilihanraya 1999?

**RS:** Rasa saya, tak wajar. Kalau dibiarkan kepada Kerajaan Terengganu menggunakannya, apa salahnya?

Kerajan Pusat tak perlu adakan wang ehsan... beri peluang kepada Kerajaan Terengganu menggunakan kekayaan negeri... Saya fikir, kerajaan pusat tidak perlu mengambil berat terhadap minyak di Terengganu. Itu fikiran saya secara sepantas lalu, kerana mengikut lojik jika minyak itu ada di Terengganu, kerajaan Terengganulah yang layak mendapat royalti. Hadi Awang dan teman-teman politiknya yang memerintah Trengganu elok diberi peluang menggunakan royati itu. Entahlah, dalam politik ni macam-macam.

MS: Wajarkah Anwar Ibrahim dipecat oleh Dr. Mahathir daripada kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri?

RS: Bagi saya, dalam hal ini, adalah baik jika Anwar tidak dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri sejak awal. Berikan jawatan yang bawah sedikit. Pada pendapat saya, Anwar sesuai menjadi Menteri Pendidikan, tidak usah jadi Menteri Kewangan atau Timbalan Perdana Menteri. Saya kira, walaupun Anwar menang setelah mencabar Ghafar Baba (atau menang tak bertanding?), jawatan Timbalan Perdana Menteri belum untuknya. Umur dan perawakannya ketika itu

masih menghendaki beliau menjadi Menteri Pendidikan. Apa salahnya Timbalan Presiden UMNO memegang jawatan Menteri Pendidikan? Tetapi itu pandangan saya, pandangan orang yang tidak berkuasa. Anwar perlu diberi masa untuk benar-benar menjadi orang UMNO.

Soalan saudara tadi tentang pemecatan. Ertinya, setelah dia dilantik menjadi Timbalan PM, wajarkah dia dipecat pula? Saya fikir, kalau Mahathir boleh melantik Anwar, Mahathir juga boleh memecat Anwar. Macam kita pakai baju dan seluar. Selepas pakai baju dan seluar, kita boleh buka baju dan seluar. Kita berkuasa atas baju dan seluar kita. Dalam tahun 1988, Mahathir berjaya dalam usahanya memecat Ketua Hakim Negara, iaitu Tun Salleh Abbas. Masa itu Anwar berada dalam kerajaan. Mengapa Anwar tidak menentang pemecatan Tun Salleh Abbas? Mengapa dia kemudiannya menentang pemecatan ke atas dirinya sendiri? Dia terlebih dahulu mesti menunjukkan bahawa pemecatan adalah perkara biasa. Jika Anwar berfikir bahawa satu-satu pemecatan itu tidak wajar, maka itu hendaklah ditunjukkan semasa berlakunya pemecatan Salleh Abbas.

MS: Tetapi, Anwar dipecat atas alasan peribadi....

RS: Itu tanggapan saudara sahaja. Memang boleh kita beranggapan begitu. Boleh jadi ya dan boleh jadi tidak. Masa dia dilantik pun mungkin atas alasan peribadi juga. Saya fikir begitu. Mana kita tau alasan PM selaku orang berkuasa ketika melantik dan memecat seseorang? Saya pun tidak tau kenapa saudara pakai baju merah kelmarin, dan saudara pecat baju merah dan memakai baju putih pula hari ini. Dalam perlembagaan, PM boleh lantik timbalan, dan dia juga boleh menamatkan jawatan timbalan tu. Habis perkara. Lantik dan pecat dalam hal ini perkara kecil sahaja.

MS: Wajarkah Anwar menyerang dan menganjurkan reformasi selepas dia dipecat?

RS: Wajar dan tidak wajar, sama sahaja. Dia dah buat. Dalam tahun 1970-an, Anwar telah menganjurkan perhimpunan yang besar-besar. Dia hebat berpidato. Saya sendiri amat meminati pidato Anwar. Sungguh, saya suka dia. Reformasi bagi saya ialah kegiatan yang kira-kira sama seperti kegiatan teater, atau lakonan dalam

filem, atau menari, atau berenang. Sharif Shaary dalam sebuah karya ada menyebutkan ‘sungguh-sungguh macam olok-lok, olok-lok macam sungguh-sungguh’. Saya kira itu betul. Dalam hal teater, jika kena gayanya, disukai ramai. Reformasi tampaknya disukai ramai. Ramai yang menyambutnya, dan ramai yang menyertainya. Cuma, dalam kegiatan berdemonstrasi oleh kumpulan reformasi, kekacauan mudah berlaku. Hal ini disebabkan oleh kekurangan persediaan untuk berdemonstrasi secara matang. Saya pun tidak pasti adakah wujud demonstrasi yang matang di dunia ini. Tapi, saya fikir, elok kerajaan mengadakan tempat khas untuk berdemonstrasi. Buat tempat yang luas. Semua orang boleh berdemonstrasi di situ, seronok..

MS: Apakah tujuan Anwar melancarkan demonstrasi?

RS: Anwar tahu dia hebat dalam hal demonstrasi. Saya sudah sebutkan, dalam tahun 1974, saya menjadi peninjau yang rapi terhadap demonstrasi anjuran Anwar. Hebat. Saya tengok dia buli Ghazali Shafie di tengah-tengah KL. Ghazali ialah menteri yang serius dan ditakuti ketika

itu. Masa tu ada Hishamuddin Rais. Dia pun hebat. Saya menyukainya macam saya menyukai Anwar, macam saya menyukai teater. Dalam tahun 1998, apabila Anwar dipecat daripada kedudukannya sebagai TPM, dia kembali aktif menggunakan kebolehannya mengumpul manusia. Anwar ialah tokoh yang berupaya membangkitkan minat dan semangat orang ramai terhadap demonstrasi dan orang ramai berfokus kepadanya. Tokoh lain yang sehebat beliau mungkin Hishamuddin Rais itulah, siapa lagi? Dalam tahun 1974 itu, saya sempat menghadiri majlis yang berfokus kepada Hishamuddin. Kata-kata Hishamuddin yang masih terngiang-ngiang di telinga saya ialah *Jika pemimpin mulai angkuh, itu tandanya dia akan jatuh....* Kini Hishamuddin telah menghasilkan buku yang bejudul *Pilihan Raya atau Pilihan Jalan Raya*. Bacalah buku tu. Buku itu bagus.

MS: Saudara menyebut teater agak banyak kali...

RS: Di Indonesia, tokoh yang gagah perkasa dalam hal membangkitkan semangat orang ramai ialah Rendra. Rendra ialah tokoh teater. Anwar

Ibrahim dan WS Rendra memiliki keupayaan yang sejajar. Hishamuddin Rais juga ahli teater dan filem. Beberapa tahun yang lepas dia arahkan "Tok Ampu". Dia juga ada buat filem. Jika Anwar memilih bidang teater formal, iaitu teater untuk Istana Budaya kini, dia pasti cemerlang. Anwar mempunyai keupayaan itu. Barangkali kecenderungan itulah yang menyebabkan dia meminati Rendra. Tetapi, seseorang boleh memilih arah hidupnya. Rendra pun boleh menjadi ahli politik Indonesia hingga naik ke tingkat Timbalan Presiden jika dia memilih bidang itu. Dalam satu drama, Rendra ditanya oleh isterinya (watak dalam drama) "Kenapa bapak tidak jadi ahli politik?" Rendra menjawab "Saya tidak menjadi ahli politik sebab saya hanya memiliki satu muka." Isterinya bertanya, "Adakah ahli politik mempunyai dua muka?" Jawab Rendra, "Oh, tidak, tidak. Sesungguhnya, ahli politik mempunyai seribu muka."

MS: Anwar benar-benar meminati Rendra?

RS: Ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan, Rendra dijemput untuk berdeklamasi ...maksudnya untuk tontonan pegawai kementerian

berkenaan, dan orang-orang lain yang dijemput. Baguslah dia menunjukkan penghargaan terhadap seni deklamasi puisi. Tetapi, dengan berbuat demikian dia menyinggung ahli-ahli deklamasi Malaysia. Deklamator Malaysia ada yang sama hebat, atau dalam hal tertentu lebih hebat daripada Rendra, tidak dijemput. Jika Anwar memberikan penghargaan kepada deklamator Malaysia, alangkah moleknya. Tidak mengapa, dia meminati Rendra. Kesannya, orang di kementeriannya pun macam meminati Rendra selepas peristiwa itu.

MS: Bolehkah saudara namakan ahli deklamasi Malaysia yang sehebat atau lebih hebat daripada Rendra?

RS: Elok kita bercakap tentang perkara lain.

MS: OK, saudara pernah menulis buku politik yang bertajuk *Perhitungan Mahathir*. Bolehkah saudara berikan pendapat saudara ketika ini berdasarkan buku tersebut?

RS: Saya gembira kerana pendapat saya tentang Mahathir tidak pernah berubah. Dia tokoh, dia berjasa, dan dia hebat. Selepas *Perhitungan Mahathir*

diterbitkan, PM lebih berketokohan, lebih berjasa dan lebih hebat.

MS: Mahathir memang pernah berada di puncak sanjungan rakyat. Tetapi kata orang kini dia berada pada tahap yang rendah di kalangan rakyat. Apa pandangan saudara?

RS: Saya bersetuju bahawa ada orang yang berpandangan seperti yang saudara sebutkan. Mahathir dikatakan berada di tahap rendah di kalangan rakyat yang termakan oleh kritikan dan kecaman musuh-musuhnya. Yang menyebabkan hal itu berlaku ialah keberanian Mahathir. Antara lain, Mahathir berani memecat Anwar, berani mengumumkan pemberhentian bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, berani melaksanakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, berani memberhentikan royalti minyak Terengganu, dan banyak lagi. Saya berpendapat hanya orang yang hebat sahaja mempunyai keberanian demikian.

MS: Adakah saudara kira Mahathir tidak bersikap zalim terhadap bekas timbalannya, Anwar?

RS: Bagi menjawab soalan ini, saya mestilah

menyatakan kekuahan pendirian saya dalam membuat kupasan politik. Pertama saya lupakan dulu pemecatan. Saya tumpukan kepada perlantikan. Ketika Anwar dilantik dari satu tahap ke satu tahap, sejumlah tokoh UMNO tersinggung. Anwar aktif dalam UMNO bermula dari tahun 1980an, bukan dari tahun 1950an atau 1960an seperti kebanyakan tokoh UMNO lain. Selepas dia menjadi orang penting barulah dia aktif. Ertinya, Mahathir menaikkan Anwar secara mendadak. Mahathir tidak menghiraukan perasaan ahli UMNO yang lain dalam hal memberikan tempat kepada Anwar. Orang PAS lagi-lagilah pening. Anwar tu lebih sesuai ke sana, tapi berjaya dipujuk Mahathir.

Oleh sebab Mahathir boleh melantik dan melonjakkan Anwar, maka Mahathir juga boleh menurunkan Anwar. Lagipun, beberapa tokoh lain sudah diturunkan dalam zamannya. Marilah kita fikirkan nama-nama Shahrir, Sabaruddin, Sanusi, Radzi, Mohamad, Rahim, dan banyak lagi. Pemecatan bukannya satu kezaliman. Yang menjadi masalah Anwar ialah reaksinya sendiri apabila dipecat. "Saya akan lawan!," katanya. Anwar ditimpa masalah kerana dia berhasrat

untuk melawan bos, bukan kerana Mahathir menzaliminya. Setelah dia berlawan dengan orang atas, di peringkat atas, rakyat bawahan pula diajaknya turut terbabit. Sekali fikir, tidak adil Anwar mengajak rakyat menyokongnya ketika dia jatuh, sedangkan ketika dia naik, dia mendadak. Sepatutnya, biarkanlah jatuh mendadak macam naik juga. Apa salahnya naik mendadak turun pun mendadak? Itu sekali fikir. Apabila dua kali fikir, lain pula. Rakyat bawahan mungkin ternanti-nanti munculnya pesta reformasi, jadi mereka merelakan diri untuk terbabit. Dengan kata lain, apabila diajak ke jalan raya untuk bereformasi, rakyat mendapat satu hiburan. Dalam hal ini memang wajar Anwar melawan. Apabila dia melawan, barulah rakyat berasa segar, aktif dan rajin bercakap.

Marilah kita renungi lagi hal dasar ini. Apabila Anwar naik kerana diangkat oleh Mahathir, dia mengajak rakyat menyokong Mahathir. Jika dihalusi, dia berjaya menghalau musuh Mahathir. Sejumlah musuh Mahathir gulung tikar kerana kehandalan Anwar. Dia memang berjasa kepada Mahathir, di samping Mahathir berjasa kepadanya. Saudara sendiri dapat apa?

(Ketawa.) Kemudian, apabila Anwar turun kerana ditolak oleh Mahathir, sekali lagi dia kembali kepada rakyat, iaitu dia mengajak rakyat menentang Mahathir. Kalau dia berjaya, dia jadi PM. Saudara dapat apa? (Ketawa.) Jadi, rakyat yang menggemari pesta reformasi itu sentiasa menjadi alat politik Anwar. Saya kira, kecuali atas alasan menyukai pesta, simpati sewajarnya diberikan kepada rakyat kerana sering terpinga-pinga oleh kemajuan dan kejatuhan Anwar. Pada tahap ini, tidak timbul soal kezaliman, kerana semua itu ialah peristiwa politik yang selaras dengan peristiwa-peristiwa politik di tempat-tempat lain. Politik ada sifirnya, dan kita yang mahu membicarakan politik mestilah turut menerima hukum yang berkaitan dengannya. Dengan kata lain, kita mesti menghafal sifir politik, baru dapat kita bicarakan politik dengan penuh ketenangan. Kadang-kadang, malah selalu juga, politik macam peperangan. Dalam peperangan, siapa nak mati, mati.

Saya mahu menyebutkan peristiwa pemecatan Tun Salleh Abbas dalam tahun 1988 sekali lagi. Peristiwa itu besar, dan mahkamah terbabit secara langsung. Anwar selaku menteri di

bawah Mahathir tidak mengkritik campur tangan eksekutif ke atas perundangan. Jadi, Anwar merestui segala yang berkaitan dengan tindakan Mahathir, biarpun membabitkan hal mahkamah. Kini kita mendengar suara rasa tidak senang. Kenapa? Adakah teman-teman Anwar mahu mengatakan bahawa inilah kali pertama kerajaan 'sejalan' dengan mahkamah. Salleh Abbas orang mahkamah, tetapi hilang dari mahkamah. Sebenarnya, Mahathir terlalu hebat, terlalu faham, dan kesemua pihak berada di bawah pengaruhnya. Apabila Anwar berani mencabar, bererti Anwar yakin bahawa dirinya lebih hebat. Sebenarnya, tidak demikian.

**MS:** Bolehkah rakyat berharap kepada UMNO untuk memajukan orang Melayu? Tidak bolehkah PAS mengambil peranan itu?

**RS:** Yang memajukan orang Melayu selama ini ialah UMNO. Saya fikir kita tidak berupaya menafikan hakikat ini. Orang Melayu yang maju setahu saya ialah orang Melayu Malaysia, kerana mereka dijaga oleh UMNO. Ruang untuk menghuraikan perkara ini tentulah luas. UMNO diterima sejak awal penubuhannya sehingga sekarang

kerana jasa baktinya. Para aktivis politik Melayu yang realistik berasa selesa berada dalam UMNO, walaupun tidak kita nafikan kekuatan PAS sebagai alternatif. Oleh itu, saya fikir rakyat boleh mempercayai UMNO untuk kemajuan. Ini sama sekali tidak membawa makna bahawa tokoh-tokoh UMNO boleh berbuat apa saja. Tokoh-tokoh UMNO yang curang memang pernah, sedang dan akan terus merosakkan nama UMNO. Mereka perlu disingkirkan, tetapi UMNO perlu terus wujud. Satu hal lagi, PAS elok juga terus wujud untuk mendedahkan penyelewengan UMNO jika berlaku. Kalau tak ada PAS, mungkin aspek agama parti UMNO disurutkan. Kini peningkatan program yang berkaitan dengan agama Islam dalam kerajaan adalah untuk menepis dakwaan PAS bahawa UMNO kurang Islam. PAS mempunyai peranan untuk meluruskan UMNO. PAS pun bagus, mungkin sebagus UMNO.

MS: Ada tanggapan bahawa orang Melayu tidak boleh berharap kepada UMNO lagi.

RS: Orang Melayu rata-ratanya mengenang budi. Budi UMNO besar, jadi mereka pasti akan terus mengenangnya.

Namun, berkaitan dengan harap atau tak harap, kita perlu meninjau keseluruhan senario politik. Orang Melayu memerlukan kelangsungan kepimpinan. Jika UMNO diketepikan, parti mana yang akan diketengahkan? Memang ada PAS, tetapi parti itu secara keseluruhannya tidak nampak akan dapat menguasai seluruh Malaysia. Seperti yang dikatakan tadi, PAS hanya sesuai untuk melihat-lihat UMNO kalau-kalau ada penyelewengan, meluruskan sesetengah aspek UMNO yang dibengkokkan oleh ahli-ahli yang tamak, yang berskandal dan lain-lain. PAS tidak boleh berbuat lebih daripada itu. Tak nampak jalan untuk berbuat lebih. Sekarang kita lihat Abdul Hadi Awang jadi Presiden, dan orang yang agak lembut dan kurang jelas menjadi Timbalan. Kalau Mustafa Ali jadi Timbalan, mungkin PAS lebih hebat. Walau bagaimanapun, PAS akan hidup lama. Negeri yang cenderung kepada PAS ialah Kelantan. Rakyat Kelantan rata-ratanya mempunyai cita rasa khusus dalam memilih pemimpin. Trengganu tidak demikian. Jatuhnya UMNO di Trengganu adalah atas alasan lain. Kedah pun tidak demikian. Kemenangan PAS di Trengganu, dan peningkatan PAS di Kedah dalam tahun 1999 berkaitan dengan imej atau

citra Anwar Ibrahim. Jika UMNO berjaya menyatakan sudut lain dalam hal yang berkaitan dengan Anwar, PAS akan merosot di Terengganu dan di Kedah. Ertinya, keputusan pilihanraya yang akan datang akan menyebelahi UMNO. UMNO akan kembali menguasai Terengganu, dan di Kedah pun UMNO akan mengambil semula kawasan-kawasan yang dimenangi PAS dalam pilihanraya 1999. Berbeza dengan Kelantan.

MS: Berwibawakah Pak Lah untuk menggantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri? Bagaimana pula dengan masalah adanya cabaran?

RS: Soalan saudara membayangkan bahawa Mahathir terlalu berwibawa, sehingga orang lain dicurigai sama ada akan dapat menjadi penggantinya yang berkesan, atau sebaliknya. Dalam percakapan di sana sini saya pernah mendengar soalan demikian diajukan kepada seseorang, dan orang yang disoal berfikir serius bagi menjawabnya. Saya sendiri mempunyai jawapan, tetapi saya sedar bahawa ini berkaitan dengan masa depan yang serba mungkin. Mungkin Pak Lah akan menunjukkan kehebatannya sebaik sahaja beliau menerima tugas.

Mungkin Pak Lah sentiasa cemas kerana entah-entah Tengku Razaleigh atau Datuk Musa akan mencabarnya. Cuma, buat masa ini saya kira Pak Lah bersedia. Musa dan Ku Li telah bersungguh-sungguh mengatakan bahawa mereka tidak akan aktif sangat.

MS: UMNO mungkin akan menghadapi kegelapan atau kemalapan berdasarkan fenomena kini, misalnya tokoh-tokoh UMNO lebih mementingkan diri sendiri daripada parti.

RS: Ini telahan yang bagus. Jika tokoh-tokoh UMNO dan juga pemimpin-pemimpin UMNO, yang besar dan kecil, sentiasa mementingkan diri sendiri, memang UMNO tidak akan berkesan. Fenomena sekarang memang menunjukkan adanya keadaan demikian. Jadi tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin kecil UMNO mestilah sentiasa menunjukkan keluhuran budi pekerti sepanjang masa. Jika tokoh-tokoh UMNO kerap mendapat tuduhan menerima dan memberi rasuah, menyalahgunakan kuasa, berskandal seks dan lain-lain, maka UMNO akan melangkah ke kawasan gelap, setapak demi setapak. Dalam UMNO perlu ada sebaris tokoh yang hebat dalam hal menjaga kesucian

perjuangan. Tokoh-tokoh ini jangan sekali-kali dicemari oleh perangai yang merugikan parti. Saya kira, UMNO masih ada tokoh-tokoh yang dapat dipercayai. Dalam kerajaan ada Rais Yatim, di luar kerajaan ada Musa Hitam. Ada telahan Musa akan berusaha memasuki kerajaan. Namun pada 16 Jun 2003, Musa mengatakan bahawa dia tidak akan aktif dalam politik dan kerajaan.

MS: Seriuskah UMNO dalam memperjuangkan orang Melayu?

RS: Saya tidak pasti sama ada saudara ditolongi oleh UMNO atau tidak. Kalau saudara bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, misalnya, saya fikir sebahagian besar daripada apa-apa yang ada di sana adalah hasil bakti UMNO. Di universiti-universiti, antara yang besar jumlahnya itu, terdapat sejumlah cerdik pandai Melayu yang menjadi pensyarah, profesor madya, profesor, hingga ke naib cancelor, saya fikir UMNO yang meniupkan tuahnya dari belakang tabir. Saya tidak katakan semua, saya katakan sejumlah, ertinya sebahagian besar adalah demikian. Tanyalah kepada hati, adakah diri pernah dan sedang ditolongi UMNO, atau tidak. Hati akan memberitahu. Jika

anda bertanya kepada kesombongan diri, maka anda akan menjawab "UMNO tak berbuat apa-apa. Aku memang layak, jadi aku dapat tempat dalam institusi ini." Saya nampak, dan saudara pun nampak: ada sejumlah manusia Melayu yang mencapai tingkat sederhana, tidak cemerlang, tetapi menjadi orang besar. Jangan nafikan sebelum ditanyakan kepada hati. Memang ada sejumlah yang tidak demikian. Memang ada Melayu yang hebat, bukan tiada langsung. UMNO sebagai satu pertubuhan jelas memperjuangkan orang Melayu. Serius. Namun, seperti yang saudara bayangkan tadi, terdapat sejumlah manusia dalam UMNO yang mementingkan diri sendiri. Itu hal lain.

MS: Adakah UMNO menggunakan strategi yang salah dalam memerangi PAS apabila UMNO sering memburuk-burukkan PAS?

RS: Dalam hal memburuk-burukkan musuh politik, saya tidak dapat menyatakan kepastian. UMNO ada kemudahan untuk berkata tentang berbagai-bagai hal. Ada kemudahan. Ada orang PAS bertempik dengan gaya hodoh mengatakan PM menonton filem lucu bersama cucu. Jika UMNO tiada

kemudahan, orang ramai tidak dapat melihat telatah hodoh itu. Apa-apa yang dikatakan atau yang mahu disampaikan oleh UMNO mudah sampai ke pengetahuan rakyat. Perkara Tuhan mencarut, Tuhan samseng dan lain-lain, iaitu yang disebutkan oleh Tok Guru Nik Aziz, mudah disampaikan kepada rakyat. UMNO boleh menggunakan akhbar, radio dan televisyen untuk maksud itu. Jika saudara mendengar pelbagai tuduhan dan cemuhan terhadap PAS oleh UMNO, semua itu adalah hasil adanya kemudahan bagi pihak UMNO. PAS menghadapi kesulitan dalam hal ini. Adakah PAS tidak memburuk-burukkan UMNO? Saya kira sama sahaja. Dalam hal ini tidak ada pihak yang murni. PAS menggunakan akhbar *Harakah* secara sepenuhnya untuk maksud menyatakan kebenaran mereka dan keburukan UMNO. Ini tidak berbeza daripada Astora Jabat menggunakan ruangannya dalam *Utusan Malaysia* bagi menunjukkan segi-segi negatif PAS. Jika saudara membaca kedua-duanya dengan baik dan penuh perhatian, saudara tidak akan mengatakan A lebih baik daripada B dalam hal mengenakan Iawan masing-masing. Malah, untuk memburukkan pemimpin UMNO, ada

lukisan khinzir atau babi lagi dalam *Harakah*, kalau tak silap dalam bulan Jun 2003. Saya fikir, masih jauh lagi untuk pihak UMNO melukis binatang itu bagi memburuk-burukkan pemimpin PAS. Untuk adil, elok saya katakan PAS terlalu geram. Seharusnya *Harakah* dianggap mulia oleh PAS, dan tidak boleh memuatkan gambar babi, walau atas alasan apa sekalipun.

MS: UMNO tampaknya tidak memeningkan golongan intelektual dalam parti. Apa pandangan saudara? Bagaimana dengan parti lain?

RS: Konsep dan tahap intelek seseorang sukar diukur. Jadi, sukarlah untuk kita terima atau tolak kenyataan saudara itu. Ketika Dr Mahathir memilih Anwar Ibrahim untuk menyertai UMNO, ketara beliau mementingkan golongan intelektual. Tiada siapa yang mengatakan Anwar tidak intelektual. Anwar pun memilih orang-orangnya pula untuk berada di sekelilingnya. Dapat dikatakan keseluruhan pilihan Anwar dari golongan intelek belaka. Di samping itu, kita lihat Sanusi Junid juga memberikan sumbangan fikiran yang banyak. Keluasan pembacaan Sanusi tidak mungkin kalah berbanding keluasan pembacaan Anwar. Sekarang

pun kita masih ada sejumlah tokoh UMNO yang berkaliber. Bagi pencecmuh UMNO, memanglah sejumlah menteri kabinet dan menteri besar tidak intelektual. Tetapi kita tertanya-tanya lagi: intelektual itu apa?

Jika yang dikatakan intelektual yang hebat itu Profesor Ungku Aziz, beliau memanglah berada di luar UMNO. Profesor Syed Muhammad Nquib Al-Attas juga di luar politik kepartian. Dr. Chandra Muzaffar bukan orang UMNO, tetapi beliau lain sedikit. Tidak dapat dinafikan bahawa beliau adalah 'ahli' dalam kumpulan intelektual. Beliau menyertai Parti Keadilan buat seketika, kemudian keluar. Golongan intelektual dalam erti yang sebegini memang rimas berada dalam parti politik. Kita tahu Profesor Syed Hussein Al-Attas juga tidak aktif dalam UMNO. Dr. Kassim Ahmad pun tidak aktif. Demikian juga Profesor Ismail Hussein.

Chandra Muzaffar mungkin tersesat masuk ke dalam Parti Keadilan dan turut memimpin parti itu kerana perkembangan tertentu pada masa tertentu. Setelah berada di dalamnya, beliau pasti merasakan bahang politik kepartian. Jika saudara bermaksud

mengatakan kalangan intelektual rimas berada dalam parti politik, saya bersetuju. Bukan UMNO menolak golongan intelektual, tetapi golongan itu berasa rimas berada di dalamnya. Golongan intelektual akan rimas berada dalam PAS dan Keadilan juga.

Yang dapat bertahan berada dalam parti ialah tokoh-tokoh yang sedia ada. Janganlah kita terheret dengan emosi untuk mengatakan kesemua menteri tidak intelektual. Dari jauh lain. Jika kita mendekati sejumlah menteri pasti kita dapat mengesan kekuatan daya intelektual dalam ukuran tertentu, iaitu ukuran yang melekat pada diri masing-masing. Apabila mereka berada dalam UMNO, mereka mesti berkelakuan mengikut acuan UMNO, atau berkelakuan seperti mana-mana tokoh UMNO yang tipikal. Jangan dibandingkan dengan Syed Husin Ali, Jomo dan lain-lain itu. Ingat, Chandra Muzaffar pun berbeza setelah memasuki Parti Keadilan. Untuk menjadi ahli dan tokoh UMNO yang tipikal, ciri-ciri peribadi yang sebenar perlu diketepikan. Untuk menjadi tokoh Keadilan pun, ciri-ciri peribadi mesti diketepikan. Antara lain, itulah sebabnya Chandra Muzaffar keluar parti. Dalam parti pasti berserabut. Dan

itulah juga sebabnya kita melihat rata-rata tokoh UMNO seperti terikat dengan cara berfikir tertentu, yang tipikal. Ketika saya menjawab ni, saya baru saja beberapa hari mengikut seorang bakal calon pilihanraya ke surau. Oleh sebab terikat dengan pola tertentu, maka kita bakal calon itu sejalan dengan pemimpin UMNO yang lain, seakan-akan tidak intelektual dia. Dia bersalaman dengan kesemua jemaah surau. Dia tahu cara itu betul untuk politik kita. Saya tak sanggup *round* bersalaman dengan semua orang dalam surau tu, tapi kena sanggup sebab saya berazam untuk ikut dia. Ingat, saya tidak kritik atau hentam dia di sini. Saya bersyukur kerana dia mengajak saya ‘menikmati’ satu pengalaman. Sebenarnya saya sudah berpengalaman dulu, itu sebabnya saya dapat tulis dalam novel-novel saya *Tirai Tokoh dan Burok*. Dulu saya ikut Senator Shaari Jusoh. Beliau sudah tiada kini. Saya suka dan hormat kepada beliau. Sekarang pengalaman saya bertambah 25% lagi. Semasa Anwar Ibrahim kukuh dalam UMNO pun, ada juga kelihatan keadaan yang demikian. Bagi saya, ukuran intelektual dalam UMNO hendaklah dilihat dari sudut kepartian UMNO juga. Berbahaslah dengan Shahidan Kassim

untuk meninjau tahap keintelektualan beliau. Berbuallah dengan Azmi Khalid untuk mengetahui tahap pembacaan beliau. Bertanyalah kepada Mohd Isa Samad untuk mendapatkan falsafah kepemimpinan beliau. Semuanya bagus-bagus belaka. Hanya orang tidak matang, atau yang terlalu emosional yang suka mencemuh tokoh itu dan tokoh ini tanpa bukti.

Kita selalunya mengenali golongan intelektual melalui pembacaan atau mendengar ceramah golongan itu. Aktivis UMNO, dan aktivis parti lain juga, terpaksa menahan sebahagian daripada idea dan sikap masing-masing. Jika Dr. Kassim Ahmad aktif dalam UMNO dengan kekuatan intelektualnya, akan timbul idea-idea yang sentiasa bercanggah dengan tokoh-tokoh lain. Idea tentang penilaian semula Hadis sahaja akan cukup menyusahkan UMNO. UMNO akan sentiasa dalam perbahasan yang membahayakan. Kembali kepada tadi. Perhatikan Chandra Muzaffar yang berada dalam Keadilan untuk beberapa waktu. Beliau sentiasa dalam perbahasan atau dalam pertentangan, dan akhirnya beliau keluar. Jika seseorang yang dikatakan intelektual itu menyertai UMNO, dia

mesti tunduk kepada ciri khusus UMNO. Chandra kena tunduk pada Keadilan, dia berasa berat. Terajang politik memang menyakitkan, membuat kita terpelanting ke sana sini. Dr.Haron Din yang terkenal itu pun susah untuk mendapat kuasa politik Dalam hal ini, saya fikir Anwar Ibrahim pernah berasa susah. Anwar tentu tidak senang untuk terus mengikut pola UMNO, dan saya berasa-rasa idea-idea beliau selalu berada di luar UMNO, biarpun tubuh beliau di dalam UMNO. Jika benar telahan saya, maka alangkah baiknya beliau menerima pemecatan, kerana dengan pemecatan itu beliau boleh bergiat di luar UMNO, berdasarkan idea sebenar beliau. Beliau akan kelihatan lebih intelektual. Saya fikir Dr. Chandra Muzaffar kini sudah berasa tenang dan tenteram bergiat di luar Parti Keadilan. Beliau memang kelihatan lebih intelektual kini. Memang beliau lebih intelektual daripada sejumlah temannya ketika berada di dalam Keadilan. Ketika saya berkursus di Iowa University tahun 1991, saya dapati sarjana-sarjana di sana kenal Chandra, dan kenal Mahathir.

MS: Berada di luar UMNO ertiinya berada

di luar kuasa. Seseorang tidak dapat berbuat apa-apa jika berada di luar kuasa.

RS: Secara idealnya begitulah. Tetapi, ketika Datuk Seri Anwar berada di dalam kuasa, saya tidak nampak beliau bersungguh-sungguh mahu mendakwa menteri yang rasuah, atau berusaha menyingkirkan ISA dari peraturan hukum hakam Malaysia. Kita mesti ingat bahawa semasa Anwar berada dalam UMNO dan kerajaan, beliau turut mendukung sistem kehakiman Malaysia. Apa-apa yang berlaku di dalam Malaysia, yang berkaitan dengan undang-undang, semuanya dapat dikaitkan dengan kesemua pemimpin. Anwar tidak menyatakan idealismenya tentang undang-undang dan kehakiman. Ertinya, sesiapa pun apabila berkuasa, atau berada dalam barisan orang berkuasa, sentiasa menjaga kuasa itu, bukan menjaga atau memupuk idealismenya. Jadi, eloklah dalam hal ini semua kita berfikir secara yang betul, bukan berfikir secara yang menyeronokkan. Kalau kita hendak berfikir secara teatrikal, bolehlah, ertinya jangan serius sangat. Politik ialah politik, jangan fikirkan sangat tentang bagusnya seseorang tokoh

yang berjuang untuk mendapat tempat berbanding dengan yang sudah mendapat tempat. Yang sedang mengejar tempat lain cara politiknya, manakala yang sudah mendapat tempat lain pula. Ingatlah bahawa tokoh yang sangat gembira ketika Dr. Mahathir berjaya menjadi PM ialah Anwar Ibrahim. Mereka akrab, dan mereka hebat. Lama kemudian mereka bermusuh pula. Mereka bermusuh ketika Anwar sudah memperoleh tempat yang tinggi. Kita, orang kecil yang bercakap dari jauh tidak perlu terlalu serius memikirkan apa yang dibuat oleh kedua-dua tokoh hebat itu. Kita hanya boleh mengagak apakah yang dibuat oleh Anwar yang menyebabkan persahabatan dia dengan Mahathir bertukar menjadi permusuhan. Itu hal mereka berdua, hal dua orang sahabat. Atau hal adik-beradik, atau mungkin juga anak-beranak. Saya percaya sungguh, Mahathir amat mengasihi Anwar dari segi peribadi, dan tahu menghadapi Anwar dari segi politik. Bukan mudah untuk seseorang mengahadapi Anwar setelah meletakkan dia di tempat yang ada kuasa. Semasa Anwar tiada kuasa, iaitu semasa beliau hanya ketua ABIM, sudah ketara pengaruh politiknya, apatah lagi semasa diberi tempat yang

sangat tinggi. Mahathir memilih Anwar dulu kerana Anwar ialah kroninya dalam perjuangan menentang Tunku pada akhir dekad 1960-an. Oh, saya teringat akan baris-baris sajak saya ‘Aku Anak Kroni’ yang dideklamasikan oleh Tengku Khalidah di kaca TV: *Seperti Tuah dan Jebat zaman bahari/ mereka kroni sebelum berkelahi*. Sajak itu saya tulis selepas berbual-bual dengan Datuk Zainuddin Maidin (ZAM) tentang hal ehwal kroni. Bagi saya ZAM baik dan lucu. Bagi parti pembangkang ZAM terlalu keras dan kasar kerana mengarahkan TV mengutuk pembangkang. Namun, khusus untuk sajak ‘Aku Anak Kroni’, saya kira saya objektif, kerana saya mengatakan kesemua puak-puak itu kroni belaka. Tokoh besar yang berperang sekarang ialah kroni pada masa lepas. Sajak ‘Aku Anak Kroni’ saya masukkan ke dalam buku saya *Anjung Deklamator*, akan segera terbit.

MS:

Dapatkah saudara nyatakan tanggapan keseluruhan saudara sendiri, dan tanggapan penulis-penulis tanahair secara keseluruhannya, tentang Dr. Mahathir, dan tentang nasib Anwar Ibrahim?

RS:

Penulis ialah rakyat, dan rakyat ialah manusia. Jadi, pandangan adalah berbagai-bagai. Manusia memang berbagai-bagai. Saya tidak tahu berapa banyak kelompok dalam hal ini. Saya sendiri sebagai penulis, telah ditakdirkan untuk tidak berubah-ubah dalam membuat penilaian terhadap Mahathir. Dalam ingatan yang samar-samar, saya rasa saya telah mengikuti beliau sejak tahun 1968, iaitu ketika saya masih bersekolah. Mahathir berwibawa sejak zaman itu, sama ada dari pandangan orang dewasa, mahupun daripada pandangan anak sekolah. Saya ikuti ketika beliau dipecat oleh Tunku. Mahathir rapat dengan Anwar Ibrahim ketika itu. Kemudian, saya berpeluang menjadi pelajar Anwar Ibrahim dalam kelas tutorial subjek *Islam dalam Kebudayaan Melayu*. Di dalam kelas itu ada penulis-penulis lain, iaitu Awang Sariyan, Othman Puteh, Rahim Marasidi dan beberapa lagi. Itu pun samar-samar dalam ingatan, tetapi yang pasti, saya akui kewibawaan Anwar selaku tutor yang berupaya memahami subjek Prof Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Profesor Naquib pernah berkata, hanya Anwar yang diperayainya untuk mewakilinya, iaitu untuk mengelolakan kelas tutorial

subjek itu.

Berbalik kepada Mahathir. Saya gembira beliau diterima masuk UMNO dalam zaman Tun Razak. Saya masih ingat, ada lukisan kartun yang menggambarkan Mahathir ialah *superman* yang terbang pulang ke UMNO. Saya gembira beliau menjadi menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri. Saya tidak terperanjat apabila beliau memilih atau menyediakan tempat kepada Anwar Ibrahim dalam UMNO dan kerajaan, kerana dulunya, seperti yang telah saya katakan, saya pernah melihat mereka berdua di pentas politik dan belia. Ketika Anwar memasuki UMNO atas jemputan Mahathir, saya bertugas di Kementerian Pendidikan. Saya berolok-olok dengan Ketua Bahagian Bahasa, iaitu Haji Hamdan Abdul Rahman. "Tuan Haji, kenapa Anwar dijemput Mahathir? Kenapa kita tidak dijemput?" Haji Hamdan menjawab, "Dia dijemput untuk mengukuhkan UMNO. Kalau kita dijemput, kita hanya boleh menyendeng!". Itu hanya gurauan kecil antara saya dengan bos, tapi saya ingat betul. Memang betul pun, Mahathir menjemput Anwar bukan untuk menyendeng. Mahathir tahu akan hebatnya Anwar.

Saya juga tidak terperanjat apabila beliau memecat Anwar, dan kalau saya berjumpa dengan Haji Hamdan (bekas bos saya tu), saya akan berkata, "Mujur kita tidak dijemput oleh Mahathir. Kalau dijemput, masa ni kita kena pecat pula." Haji Hamdan mungkin berkata, "Kalau dia dah lantik kita, tak akan dipecatnya, sebab kita bukannya berani melawan. Kita menyendeng saja!"

Itu tanggapan saya. Apabila saya berbual-bual dengan penulis lain, saya dapati ada persamaan. Sesetengahnya, misalnya A. Samad Said, amat berharap Mahathir dan Anwar dapat berbaik-baik semula. Saya sendiri ada mewawancarai Dinsman, dan saya mendapat kefahaman bahawa Dinsman mulamulanya menyenangi Mahathir, dan kemudiannya ketara kritis dan marah-marah. Dinsman mempunyai alasan untuk bersikap demikian, dan dia juga mempunyai alasan untuk menyenangi Nik Abdul Aziz yang disamakannya dengan Mahatma Ghandi dalam aspek tertentu. Bacalah pandangan Dinsman. sendirinya dia hebat dan bagus.

Shahnon Ahmad telah

menghasilkan novel *Shit* untuk menyatakan sikap anti-Mahathirnya. Itu cara dia dan hak dia. Dia menang pilihanraya kerana sikapnya yang sedemikian. Pada masa *Shit* terbit sejumlah orang senang dengan sikap keras seperti yang dikemukakan oleh Shahnon. Ketika itu carutan sudah menjadi baik bagi mereka. Masyarakat seharusnya terperanjat apabila Nik Aziz menyatakan bahawa Tuhan pun mencarut, tetapi tampaknya semua itu tiada apa-apa. Kenapa orang boleh terima cakap-cakap Nik Aziz? Jawapannya mudah: Keulamakan telah ditindih oleh kepolitikan. Kemudian kita dapati Kassim Ahmad yang sedari awal amat keras dalam hal pendirian, tidak menerima sikap Shahnon. Kassim kini tidak bersikap antagonistik terhadap pemerintah. Beliau ketara sekali menyokong tindakan Mahathir dalam banyak hal. Ya, Kassim menyenangi Mahathir dalam banyak hal, termasuk dalam hal pemecatan Anwar, dan dalam hal lain yang berkaitan dengan kejatuhan Anwar.

Jumlah penulis Malaysia adalah besar. Saya yakin Anwar Ridhwan, Wahab Hamzah, Zakaria Ariffin, Othman Puteh, Rahim Abdullah, Noordin Hassan, Siti Zainon Ismail,

Zurinah Hassan, T. Alias Taib, Azizi Haji Abdullah, Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, Hashim Yaacob, Ghafar Ibrahim ... berderet.... mempunyai pendapat dan pendirian tertentu. Saya masih ingat, Allahyarham Usman Awang menyatakan pendiriannya begini: "Kalau abang kuat macam dulu, abang berada di baris hadapan membela Anwar...."

Dari segi naluri golongan penulis, membela Anwar adalah menarik, dan banyak menimbulkan ilham. Saya ada menulis cerpen "Wira Gokgek", disiarkan oleh *Dewan Masyarakat*. Saudara baca, tak? Tentu tak baca, kan? Seorang sasterawan negara, bukan Usman dan bukan Samad, berkata kepada saya, "Sasterawan mesti menentang kerajaan." Agak pelik kenyataan itu, tetapi saya fikir dia bermaksud menyatakan naluri. Isi karya yang menentang kerajaan lebih menarik. Isi karya untuk menyokong kerajaan sudah diketahui ramai melalui akhbar dan televisyen, oleh itu tidak menarik lagi. Sajak-sajak T. Alias Taib sedap dibaca ketika beliau memberikan simpati kepadan Anwar, yang seerti dengan menentang kerajaan. Sajak-sajak Dinsman juga sedap, malah lebih

sedap, kerana dia terang-terang menentang. Kita tidak bersua dengan idea-idea tentang mata lebam dan keburukan kronisme dalam karya-karya Hashim Yaacob dan Firdaus Abdullah. Aziz Deraman tampaknya banyak bersajak tentang hubungan manusia dengan Allah, dan menyembunyikan pandangannya tentang hal politik ini. Saya kira A. Samad Said berpendirian tengahan, iaitu beliau mahu Mahathir dan Anwar bersatu kembali untuk menentukan Malaysia maju dan selamat. Yahaya Ismail yang pernah menyebelahi Tengku Razaleigh, kini kelihatan kukuh dalam menyatakan kehebatan Mahathir. Cuma, dia tidak menyenangi Azmi Khalid. Itu hal lain, dan pembaca yang akrab dengan cara Yahaya tentu tahu tentang rahsianya. Itu hal dia.

MS:

Kata orang, Mahathir kurang patriotik apabila membuat dasar yang mengutamakan bahasa Inggeris. Maksud saya, apabila Sains dan Matematik di sekolah diajarkan dalam bahasa Inggeris, maka Bahasa Melayu akan merosot di kalangan rakyat pada masa hadapan. Apa pandangan saudara?

RS:

Kalau saudara perhatikan tulisan-tulisan saya tentang bahasa Melayu, saudara tentu dapat memahami sikap saya terhadap bahasa kita. Tapi kecintaan terhadap bahasa Melayu hanya untuk maksud memuaskan emosi. Dunia orang Melayu kini bukan seluas dunia bahasa Melayu, tetapi seluas dunia yang betul-betul. Dalam dunia yang betul-betul, kita tidak boleh bergantung kepada bahasa Melayu sahaja. Ketika saya belajar di Sekolah Alam Shah (SAS) dalam tahun 1965-1968, saya mempunyai kawan di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, atau yang dikenali dengan panggilan STAR. Namanya Azizan Bahari. Itu kawan rapat betul, sahabatlah, atau macam saudara kandung, atau lebih tinggi tarafnya daripada saudara kandung. Dia kini dah ada Ph. D. Saya ketika remaja berasa terpencil apabila mendapati kawan saya itu berupaya berbahas di atas pentas dalam bahasa Inggeris. Hebat dia. Dia kemudian dengan mudah dapat mempelajari bermacam-macam ilmu. Dia faham tentang ideologi yang bermacam-macam sejak zaman remaja, kerana dia berupaya membaca buku-buku Inggeris. Tidak hairanlah dia mudah mempelajari sosiologi di Amerika dan di England. Ketika saya aktif sebagai penulis di

Perlis, saya dapati alangkah jauhnya perbezaan antara Azizan dengan penulis Perlis yang agak besar jumlahnya. Bukan salah siapa-siapa, salah pendidikan yang menganjurkan pelajar hanya berbahasa Melayu di sekolah. Saya sendiri berusaha mengejar bahasa Inggeris Azizan, dan bahasa Inggeris Sharif Shaary juga, tetapi sampai sekarang saya tetap *inferior*, tetap rendah berbanding dengan mereka. Cuma, kini saya sudah *confident* bertutur dalam bahasa itu. Saya tidak hebat, sekadar yakin. Walau bagaimanapun, saya mahu menyatakan bahawa kini saya amat menyukai nahu atau *grammar* Bahasa Inggeris.

Saya ada menulis skrip drama tentang perkara ini. Judulnya *Wisma Wahub*, kelak tersiar dalam Dewan Sastera, Disember 2003.

Dalam persatuan-persatuan penulis sekarang, terdapat ketua-ketua penulis yang berapi-api memperjuangkan bahasa Melayu. Di UPM, dalam satu acara, seorang ketua penulis bangun menyindir penggunaan bahasa Inggeris oleh seorang pembicara. Kata ketua penulis itu, "Amboi, macam berada di England." Sindiran begitu saya kira karut, kerana

datangnya dari orang yang tidak tahu berbahasa Inggeris. Kenapa menyindir? Selesaikah masalah dengan menyindir begitu? Kalau kita mahir berbahasa Inggeris, lainlah. Kita boleh menegur pengguna bahasa Inggeris dengan mengatakan begini: Alangkah baiknya dalam majlis tertentu kita gunakan bahasa Melayu, manakala dalam majlis yang sesuai dengan bahasa Inggeris, kita gunakan bahasa Inggeris. Itulah realiti. Tidak usah menyindir.

MS: Bukankah beberapa negara dapat membangun dan maju dengan menggunakan bahasa ibunda, misalnya Jepun...

RS: Janganlah kita puji mana-mana negara berkenaan dengan hal ini. Di mana-mana pun ada baik, ada buruknya. Adakah saudara fikir orang Jepun yang tidak tahu berbahasa Inggeris berasa megah ketika berada di kalangan orang yang mahir berbahasa Inggeris? Mereka tidak megah dan tidak gembira kerana mereka tertanya-tanya: Apakah yang dicakapkan oleh orang lain? Orang Melayu yang mahir berbahasa Inggeris sentiasa selesa ketika berada di kalangan orang-orang yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa, yang semuanya berbahasa Inggeris. Dr.

Mahathir, saya kira, mahu menimbulkan kebanggaan Melayu yang sedemikian. Itu mungkin bukan nombor satu. Nombor satunya ialah orang Melayu yang mahir berbahasa Inggeris akan dapat mencapai ilmu yang tinggi, termasuk ilmu agama, yang tersebar dalam bahasa Inggeris. Sesiapa yang mahir berbahasa Inggeris akan dapat menguasai forum antarabangsa. Kumpulan yang tidak mampu berbahasa Inggeris, walaupun mengikut GAPENA ke seluruh dunia, hanya ikut saja. Orang berforum dalam bahasa Inggeris, mereka monyok.

MS: Termasuk ilmu agama?

RS: Kebanyakan buku agama yang ditulis dalam bahasa Melayu, yang dipamerkan di kedai-kedai buku, di pasaraya, bahkan di universiti-universiti juga, mengulangi hal-hal yang telah diketahui umum. Buku-buku itu kebanyakannya dilambakkkan sekali dengan buku tahayul dan buku seks. Buku tahayul memuatkan ayat-ayat Qur'an, kononnya berguna untuk menentang berbagai-bagai sihir yang direka-reka oleh penulis itu sendiri. Atau penulis itu memang peminat cerita tahayul, yang menyamar menjadi ahli agama. Kemudia kita bersua dengan

buku-buku yang berkisah tentang cara-cara melaksanakan hubungan seks. Ada kaedahnya, jangan celapak terus. Buat dengan sopan, supaya isteri gembira dan merasakan nikmat yang tidak terhingga. Ada hadis-hadisnya. Itulah dia isi buku-buku agama yang melambak di pasaran. Saya boleh sebutkan sederet judul buku agama dalam bahasa Melayu yang tidak mungkin memajukan pemikiran kita. Selain itu, dapat dikesan sejumlah buku agama yang ditulis untuk tujuan berkelahi, iaitu yang menyokong parti tertentu dan menyalahkan parti lain. Memang banyak betul buku jenis ini. Memang banyak, dalam bahasa Melayu belaka. Buku-buku agama yang tebal dengan pemikiran dan falsafah selalunya terdapat dalam bahasa Inggeris. Kenapa begitu? Saya tak perlu jawab.

MS: Bagaimana dengan buku sastera?

RS: Lebih kurang sama. Banyak sekali buku sastera di peringkat popular yang ditulis dalam bahasa Melayu. Buku sastera remaja juga banyak, satu bukti bahawa sasterawan Melayu secara umumnya berfikiran remaja. Sasterawan yang hebat, misalnya Muhammad Haji Salleh, Baha Zain,

Zakaria Ali, Abdullah Hussain, Johan Jaafar dan beberapa lagi, bagus dalam bahasa Inggeris. Mereka maju dalam sastera Melayu setelah mahir berbahasa Inggeris. Jika dibandingkan dengan sasterawan aliran Melayu, terutama sasterawan yang yakin dengan cerita-cerita rakyat, macam mana? Eloklah yang kedua itu mengaku kalah awal-awal. Janganlah berbangga dengan kerja membuat rakaman Tuk Selampit dan Awang Batil tanpa rujukan dan panduan teori. Zaman menulis semula cerita rakyat secara kampungan telah berlalu. Kini zaman untuk sasterawan memahami Semiotik, Hermeneutik, Intertekstualiti, dan banyak lagi. Kini zaman teori, zaman ilmu tanpa batasan kampung.

MS: Saya ingin merakamkan pandangan saudara yang lebih jelas tentang Datuk Seri Anwar Ibrahim....

RS: Telah saya nyatakan bahawa saya menyenangi Datuk Seri Anwar, terutama kerana ilmunya. Beliau guru saya. Beliau berupaya berfalsafah, kerana beliau mendalamai pemikiran tokoh-tokoh dunia. Anwar juga cekap berpidato. Beliau mempunyai kekuatan dan gaya tersendiri, yang amat sukar dikehjarn oleh isterinya Dr. Wan Azizah,

misalnya. Mungkin Datuk Seri Abdul Hadi Awang ialah tandingannya dalam pidato, biarpun isinya lain. Dari segi pemikiran, saya yakin Anwar jauh mengatasi Hadi. Anwar terdedah kepada kemasukan ilmu dari seluruh penjuru dunia. Oleh sebab kualiti yang sedemikian, maka kesediaan untuk mengetuai rakyat Malaysia memang ada padanya. Dia berkelayakan menjadi PM, tetapi langkahnya silap. Dia memahami ekonomi dunia, cuma kurang mengerti.

Di samping yang positif seperti yang di atas, Anwar kelihatan gopoh ketika berada di tahap tinggi. Mungkin kerana sifat kurang mengertinya. Sepatutnya beliau bersikap seperti Musa Hitam, iaitu kalau dapat bagus, kalau tak dapat pun ok., tak apa. Musa pernah berkata kepada saya dalam tahun 1991, bertempat di pejabatnya di New York, "Kita lahir ke dunia tanpa apa-apa. Kita ketika itu tanpa pakaian, tanpa harta dan tanpa kuasa. Jadi, tidak perlulah kita terlalu mengejar harta atau kuasa..." Saya yakin Musa mempraktikkan pandangan hidup yang sedemikian. Sekurang-kurangnya, sejak wawancara saya dengan beliau di New York itu, sehingga setakat ini, Musa belum pernah menunjukkan

hasrat untuk menjadi PM. Maksud saya ialah: Jika Anwar menerima pemecatan oleh Mahathir, seperti mana tokoh lain menerima ‘pemecatan’ masing-masing, kedudukannya tidaklah seperti yang kini. Kawan-kawannya pun tidak memerlukan Parti Keadilan untuk memperjuangkannya. Saya teringat akan sajak saya yang berjudul “Cita-Cita”: *alam dilingkungi kudrat di bawah juga nikmat.*

MS: Pada pendapat saudara, mungkinkah Anwar kembali berkuasa?

RS: Perkataan ‘kembali’ itu salah. Anwar belum pernah berkuasa. Beliau hanya pernah berpengaruh. Anwar sangat berpengaruh, tetapi di Semenanjung sahaja. Saya mendapat kesan beliau kurang difikirkan oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

MS: Ertinya tiada kemungkinan dia berkuasa nanti?

RS: Politik ialah seni kemungkinan. Kalau dulu dia dijemput oleh Mahathir, manalah tahu ada sesiapa menjemputnya nanti. Dalam politik Malaysia, jemputan itu penting. Najib pun dijemput sebenarnya. Beliau dijemput kerana tokoh-tokoh UMNO

menghargai jasa bakti bapanya.

MS: Suruhanjaya Pilihanraya mengatakan kempen terbuka akan diamalkan semula. Dalam keadaan demikian, Anwar yang akan dibebaskan entah bila, akan muncul di pentas politik. Tidakkah dia akan mendapat kuasa melalui jalan ini?

RS: Yang pasti wujud ialah kemeriahinan kempen, iaitu kemeriahinan teater politik. Dalam dekad 1960-an dulu, meriah betul kempen Parti Rakyat. Hadirin suka mendengar cemuhan pembangkang terhadap kerajaan. Undi untuk pembangkang sedikit sahaja. Jika Anwar menaiki pentas selaku pemimpin pembangkang, hadirin pasti ramai. Undi belum tentu. Lagi satu perkara, jika Anwar dijemput menyertai UMNO oleh pimpinan baru, dia mungkin menerima. Memanglah kelibat sekarang menunjukkan Anwar tidak akan menyertai UMNO semula. Tapi politik ni lain. Ingat tu, politik ni lain betul.

MS: Maksud ‘lain’ itu.

RS: Saya pernah menebual Ustaz Hadi Awang tentang makna sekularisme.

Hadi mengatakan Ustaz Nakhaie lebih tahu tentang sekularisme. Ketika itu Nakhaie orang kuat PAS. Tidak lama kemudian Nakhaie keluar PAS, dan masuk UMNO. Kalau saya berjumpa Hadi sekali lagi, tentu dia tidak akan menyebutkan nama Nakhaie sebagai rujukan. Politik ini lain, iaitu kita tidak dapat menjangka bahawa tokoh PAS akan mudah menyertai UMNO. Jadi, kemungkinan Anwar memasuki UMNO semula, atau dia akan menyertai Keadilan, atau PAS, kita tidak tahu. Itu perkiraan peribadi. Oleh itu, kemungkinan dia akan berkuasa juga demikian. Dulu, manalah kita tahu Abdullah Ahmad Badawi yang pernah tersingkir akan naik menjadi PM. Cuma, agak sukar kita bayangkan Anwar akan berkuasa melalui Parti Keadilan. Lagipun, Parti Keadilan kini sudah bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang berada dalam rimba kerumitan untuk mencapai kemenangan.

MS: PRM dalam rimba kerumitan?

RS: Itu metafora sahaja. PRM (dulu PSRM) ialah parti yang terlalu baik. Syed Husin Ali sebaik Kassim Ahmad. Sejak dahulu saya ikuti parti itu. Bilakah parti itu menang? Itu

masalahnya. Baik lain, menang lain. Saya bersimpati kepada parti sosialis, sampaikan saya melukiskan watak Johan, tokoh parti sosialis (saya namakan Parti Jelata) dalam novel saya *Mufarakah*. Johan ialah watak fiksyen, bukan tokoh PSRM yang wujud. Cuma, oleh sebab PSRM ialah satu-satunya parti sosialis, maka dapat dikatakan PSRM ialah pencetus idea saya untukk melukiskan watak Johan. Walau bagaimanapun, saya tetap mengatakan parti itu sentiasa berada dalam rimba kerumitan. Kasihan dia!

MS: Apakah harapan saudara terhadap Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi?

RS: Seseorang akan dinilai apabila dia berada di tempatnya. Abdullah sebagai TPM sudah cukup baik. Dia tidak kontroversial. Dia tahu menilai dan memberikan respon terhadap keadaan yang runcing. Jadi, dia akan menjadi PM yang baik, mungkin. Saudara bertanya tentang harapan, saya jawab begini: Semoga Abdullah akan menjadi PM yang cemerlang dan gemilang. Dia memahami politik nasional dan politik dunia. Dia memahami ajaran Islam. Pada perkiraan saya, ilmu agama Abdullah tidak kurang berbanding dengan ilmu agama Anwar. Baru-baru

ini kita berpeluang menatap sajak Abdullah, temanya agak berat ke agama, lain daripada sajak Mahathir.

MS: Apakah kata-kata terakhir saudara tentang PM yang akan bersara?

RS: Malaysia telah menjadi cukup maju di bawah pentadbiran Dato' Seri Dr. Mahathir. Memang timbul berbagai-bagi kekacauan dan keadaan huru hara, tetapi kesemua itu masih kecil berbanding jasa bakti dan pencapaian Mahathir. Oleh itu, saya mewakili rakyat Malaysia yang seperti saya, mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tinggi dan sebesar-besarnya kepada beliau.

# BICARA TENTANG MAHATHIR



## Wawancara Politik Rahman Shaari (RS) dengan DINSMAN

RS: Adakah saudara masih menganggap diri saudara sebagai aktivis budaya, iaitu ahli teater dan penyair?

Dins: Dalam hal menganggap diri... (bermenung sekejap), sesekali saya menulis puisi, kalau ada orang mengatakan karya saya bukan puisi, itu tak kisahlah. Saya kata puisilah. Ini (*Dinsman menunjukkan sebuah buku*) ialah buku puisi saya, *Macam Orang Gila*. Jika ada sesiapa, selalunya kumpulan yang memanggil saya untuk membaca sajak - kumpulan yang saya libatkan diri sekarang - memanggil saya, saya baca yang macam inilah. Dari segi penglibatan dalam seni lain, saya sudah lama tidak buat teater, ada ura-ura, tetapi belum lagi... Tumpuan saya masa ini ialah membuat dokumentari video. Sama ada itu bidang seni atau bukan, tak kisahlah.

RS: Saya telah membaca buku *Macam*

\* *Dinsman ialah dramatis terkemuka. Beliau mengambil berat tentang perkembangan politik negara.*

*Orang Gila*. Buku itu ditulis selepas Anwar Ibrahim dipecat. Bagi saya, pendirian saudara jelas terlihat dalam sajak-sajak saudara itu. Saya membaca, antara lain "Jebat Oh Jebat". Saya teringat akan drama saudara yang berjudul "Jebat". Berkenaan dokumentari pula, apakah yang saudara tekankan semasa membuat dokumentari video itu? Adakah aspek kesenian ditekankan?

Dins: Contohnya, *Seminggu dalam Hidup Tok Guru Nik Aziz*. Saya buat ini bersama-sama Nasir Jani. Nasir sebagai pengarah dan saya sebagai penerbit. Saya penentu dalam hal memilih apa-apa yang akan diambil. Membuat dokumentari (ini bukan biografi betul), memilih apa-apa yang mahu diambil sama juga dengan kerja menulis. Saya kira ini ialah kesenian. Tak kisahlah. Terpulang kepada orang yang berautoriti mengatakan ini kesenian atau pun bukan. Saya buat kerja saja.

RS: Dalam hal pemilihan Tok Guru Nik Aziz untuk didokumentarkan, adakah pilihan itu kerana dia seorang ulama, atau kerana dia seorang pemimpin?

Dins: Sebab saya menulis dia? Pertama saya

memilih dia kerana dia tokoh. Ada banyak perbezaan antara Tok Guru Nik Aziz dengan tokoh-tokoh lain. Saya bandingkan dia dengan Mahatma Ghandi, manusia yang pelik juga, yang dalam ukuran sekarang ‘pemimpin bukan begitu’. Dalam ukuran sekarang, ‘pemimpin mestilah macam lain’. Dia menjadi pemimpin sejumlah manusia yang ramai juga, dan dia telah mengubah rakyat Kelantan menjadi seperti yang sekarang ini. Orang Melayu secara keseluruhannya juga mengikut dia. Dia juga orang yang dapat mencabar kewibawaan Dr. Mahathir. Ada banyak keistimewaan perwatakan tokoh ini.

RS: Dalam tahun 1980-an, zaman awal Mahathir, bertempat di Rumah Malaysia, saudara menganjurkan satu majlis. Dr. Mahathir datang. Nama saudara disebut dalam ucapan Mahathir ketika itu, walaupun saudara masih muda. Saya harap saudara boleh sebutkan bentuk hubungan saudara dengan Dr Mahathir ketika itu, yang menyebabkan dia sanggup datang ke majlis, dan dia menyebut nama saudara dalam ucapannya.

Dins: Hubungan saya dengan Dr. Mahathir ketika itu memang baik. Hubungan

terjadi secara kebetulan melalui saudara saya dari kampung. Ini dieratkan lagi kerana Noor Azam akrab dengan dia. Saya pun pernah menjemput dia, atas nama Grup Teater, menonton persembahan tarian. Dia pun pernah menjemput saya menonton drama dengan dia. Majlis yang saudara sebut itu dibuat setelah saya buat majlis puisi panjang untuk Mahathir. Majlis puisi panjang itu tentu dianggapnya sesuatu yang baik untuknya.

RS: Menurut A. Samad Said, setelah ditanya tentang alasan saudara beralih, Dr. Mahathir ada menyebutkan kemungkinan ada perkara yang tidak disukai Dinsman. Dr. Mahathir tidak pasti alasannya. Di sini saya bertanya kepada saudara, kenapakah saudara beralih daripadanya?

Dins: Saya ada menulis buku tentang gagalnya formula Dr Mahathir. Saya melihat Mahathir masa dulu tidak sama dengan Mahathir sekarang. Tak sama. Masa tu dia tak jadi macam sekaranglah. Masa itu belum banyak kejayaan-kejayaannya. Lagipun, masa itu anaknya masih belum terlibat dalam busines. Saya nampak, apabila anaknya, dan kawan-kawannya banyak terlibat dalam busines, dan dia pula terbawa-

bawa dengan pemikiran ekonomi terlampau sangat, hingga benda lain semua sudah tidak penting. Mula-mula ok, tetapi kemudian dia ada menyebutkan kalau ekonomi maju, bahasa kita akan turut maju. Kemudian ekonomi gawat. Kata Mahathir, ekonomi masa itu sudah 40 tahun terkebelakang. Jadi macam mana budaya boleh maju jika ekonomi sudah balik ke belakang 40 tahun? Dia kata ke belakang 40 tahun, tetapi taklah sampai 40 tahun. Saya lihat ekonomi bila-bila boleh naik dan boleh jatuh. Jelas sekali ekonomi memang boleh jatuh, boleh naik dan jatuh semula. Jadi kalau Mahathir bergantung sangat pada ekonomi, saya rasa itu satu formula yang tidak betul bagi memimpin satu bangsa. Selepas itu saya dapati banyak kenyataannya tentang ugama yang tidak wajar dikeluarkan. Dia menghentam PAS secara keterlaluan. Bukan bermakna saya menganggap PAS betul semua, ada juga hal yang tak betul, tetapi saya kira bila dia menghentam PAS melebih-lebih sangat, saya tidak dapat terima.

RS: Tak bolehkah kita melihat hentam-menghentam dalam politik ini perkara biasa? Walaupun hentam-menghentam secara keterlaluan ini tidak matang,

tetapi itulah cara berpolitik di Malaysia. Apa komen saudara?

- Dins:
- Satu perkara yang jelas antara pimpinan Mahathir dengan pimpinan PAS - yang tidak boleh bertemu sampai bila-bila - ialah bahawa PAS mengatakan politik dan agama tidak dapat dipisahkan. UMNO kata, iaitu Mahathir kata PAS memperalatkan agama untuk tujuan politik. Sampai bila pun perkara ini tidak akan habis dibahaskan. Orang yang memahami PAS, memang akan melihat perbezaan, dan ini saya katakan tak boleh bertemu sampai bila-bila. Bila Mahathir menghentam PAS, dia tidak buat tuduhan yang betul. Orang UMNO kata PAS mengkafirkan UMNO. Mahathir selaku berkata bahawa PAS membawa Islam yang tak betul, jadi bila dia berkata begitu, Mahathir mengkafirkan orang-orang PAS. Kalau Islam sudah tak betul apa lagi kalau bukan kafir? Sebagai Perdana Menteri, kesilapan Mahathir terlalu besar. Keterlaluan. Saya dapati pimpinan PAS, misalnya Nik Aziz tidak mengkritik UMNO sampai begitu. Media massa selalu mengatakan dalam PAS penuh maki hamun, tapi sebenarnya terbalik.

- RS:
- Kita nampak di dunia ini, dalam isu

yang sama, orang mengambil *approach* seperti *approach* Mahathir. Jadi Mahathir mempunyai kawan-kawan di kalangan pemimpin Islam, di samping tidak akrab dengan yang lain.

Dins: Tak jelas

RS: Kumpulan Afghanistan, Taliban misalnya, mereka mengambil kaedah antagonistik...

Dins: Salah satu alasan saya membuat dokumentari Tok Guru Nik Aziz, ialah untuk menunjukkan Islam bukan ganas. Ini untuk dunia, bukan untuk Malaysia saja. Tok Guru Nik Aziz bukan militan. Ini contohnya. Tiada siapa yang akan percaya dia ganas, walaupun anaknya ditangkap atas tuduhan militan. Mahathir jauh lebih ganas, jauh lebih militan daripada PAS. PAS tak ada media untuk menunjukkan benda tu. Peristiwa Memali, dan peristiwa lain adalah bukti. UMNO merampas rovalti Terengganu, kenapa? Walaupun ada wang ehsan, itu lain. Ada pemungkiran janji. Yang Sabah dan Sarawak tak dibuat macam tu, tapi yang Terengganu buat. Terengganu dapat kepada PAS, dirampas hak yang berbilion ringgit. UMNO berjuang untuk Melayu, dan Terengganu negeri

yang orang Melayu ramai, sama seperti Kelantan. Adakah ini contoh pimpinan Islam? Apabila royalti minyak Terengganu dirampas maka tandanya UMNO tidak menghiraukan orang Melayu. Yang menonjolkan soal hudud sebagai aspek penting dalam PAS bukannya PAS, tetapi UMNO. UMNO mempermainkan seolah-olah itu satu perkara yang penting. Kelantan sudah lama diperintah oleh PAS tidak pernah pun perkara itu ditonjolkan. Nik Aziz nak buat tapi Mahathir kata kalau dibuat akan diambil tindakan, ok tak usah buat, banyak lagi benda lain boleh dibuat. Bukan PAS yang menonjolkan benda tu.

Balik kepada soal dunia, pimpinan Nik Aziz ada impaknya kepada dunia, saya bandingkan dengan Ghandi. Seorang yang tinggal di kampung, rumah tiada pagar, tiada orang gaji, boleh memimpin bukan sahaja Kelantan, tetapi Malaysia pun boleh. Dia saya percaya boleh pimpin Malaysia lebih baik daripada Dr Mahathir. Dia memimpin manusia, bukan memimpin ekonomi. Dr Mahathir memimpin ekonomi. Ekonomi boleh jatuh dan naik. Nik Aziz menekankan hati nurani manusia, aspek yang tidak terlalu berubah-ubah.

RS: Saudara menyebutkan Mahatma Ghandi dua tiga kali sebagai perbandingan dengan Tok Guru Nik Aziz. Ertinya susah sungguh untuk kita menemukan tokoh Islam sebagai contoh.

Dins: Kita tidak mengharapkan semua pemimpin Islam macam itu. Kita sudah ada orang yang demikian, maka kita sebut dia. Tokoh seperti Hadi Awang berperawakan lain. Caranya kelihatan militan, tapi tidak ada apa-apa yang dibuatnya bersifat militan. Cuma penampilan dirinya dilihat sebagai penampilan yang militan, itu saja. Media memaparkan dia demikian. Sebenarnya dia tidak militan, tetapi digambarkan demikian. Nik Aziz mempunyai gerak badan yang lembut. Kita mempunyai tokoh yang begini ketika ini, jadi apa salahnya kita tonjolkan dia.

RS: Seharusnya dalam politik kita elok menerima pandangan-pandangan yang berbeza-beza, tanpa konfrontasi yang tajam. Tetapi malangnya, kita berada dalam konflik yang tajam, iaitu bermusuhan antara anggota politik yang berbeza parti. Seharusnya, perbezaan parti politik, perbezaan ideologi dapat diterima baik. Apakah

pandangan saudara tentang hal ini?

- Dins:
- Sepatutnya itulah yang berlaku. Tetapi benda ni terjadi apabila dilihat pembangkang Melayu semakin kuat. Dan media mengambil peranan yang utama. Media utama, atau media arus perdana, tidak mahu menerima apa-apa kritikan terhadap Mahathir. Kita secara umum kata ada demokrasi di sini, tetapi saya sudah lama menganggap tidak ada demokrasi dalam Malaysia. Mahathir itu kediktatoran. Dia berlagak demokratik, hakikatnya diktator. Kita sebut saja demokrasi, tetapi mana ada demokrasi, tiada! Dalam pimpinan arus perdana, apabila calon PAS menang, peruntukan diberikan kepada wakil yang kalah. Itu tidak betul. Itu bukan demokrasi. Pimpinan kerajaan diperkuat oleh pimpinan media. Pimpinan media itu kawan-kawan kita lahir. Apabila Zam masuk menguasai TV, lebih-lebih lagi.

- RS:
- Pelantikan Anwar ialah tanda bahawa Mahathir memikirkan tokoh yang berbeza. Kemudian, Mahathir bertindak keras ke atas Anwar. Apa pandangan saudara? Pelantikan itu menandakan keakraban Mahathir dengan Anwar. Kemudian peluang

yang banyak diberikan kepada Anwar, dalam UMNO dan dalam Kerajaan. Selepas itu, setelah berlaku konflik, dipecat pula, dan kini nasib Anwar tak perlu disebut lagi lah.

- Dins: Orang di sebelah sana, iaitu Barisan Nasional, nampak bahawa tindakan terhadap Anwar itu betul. Bagi orang di sebelah sini, iaitu Barisan Alternatif (BA), ketika tuduhan dilonggokkan ke atas kepala Anwar, belum pernah berlaku dalam sejarah, surat khabar menyatakan sepenuhnya afidavit (Nala) yang tak ada kena mengena. Surat khabar keluarkan dulu. Yang disebutkan itu penuh kelucahan, memalukan bangsa Melayu. Itu tidak wajar. Isu ketika itu sama ada Nala akan dibawa ke Penjara Sungai Buluh atau kekal di lokap Bukit Aman. Itu saja. Kenapa *detail* afidavit dikeluarkan? Tak perlu. Nampak sangat itu sengaja dibuat. Sampai sekarang tiada bukti yang tuduhan itu betul.

- RS: Dalam zaman pemerintahan mereka berdua, kita tak nampak perbezaan. Apabila berlaku konflik yang hebat baru nampak bezanya. Beza dalam hal ekonomi, dalam hal tindakan kepada perusahaan dan lain-lain, hanya timbul apabila ada konflik. Saya kira Anwar

ialah pendukung cara atau kaedah Mahathir.....Cuba saudara lukiskan senario pemecatan dan tindakan-tindakan lain supaya ketara.

Dins:

Pada saat Mahathir menyingkirkan Anwar, dia tiada pilihan. Kalau dia kekalkan Anwar, dia akan jatuh. Dia terpaksa bertindak. Kebetulan Malaysia dikatakan masih memerlukan pimpinan Mahathir, kata orang, kerana Mahathir ada *vision*, ada apa semua. Pihak ini berpandangan orang lain tak boleh buat sama seperti Mahathir. Jadi, pandangan ini mengatakan kita korbankan orang seperti Anwar ini, asalkan apa yang mahu dibuat oleh Mahathir akan tercapai. Jadi, Mahathir korbankan Anwar asalkan dia terus berkuasa. Pada masa tu ekonomi genting. Anwar memperlihatkan perbezaan - dan dia sengaja memperlihatkan perbezaan itu - kerana dia nampak peluang itu. Dia mesti menunjukkan bahawa *approach* dia lebih baik daripada *approach* Mahathir.... .... Anwar pun tiada pilihan, dia kena berbeza. Yang lebih licik, saya akui, ialah Mahathir. Mahathir lebih pandai daripada Anwar. Saya akui, dalam politik, Mahathir tiada tandingan. Dia bertindak cepat pada masa dia perlu bertindak. Itulah

yang berlaku. Dalam politik memang tak ada kawan. Dirasakan perlu bertindak, kena bertindak.

RS: Bagaimana dengan masa depan setelah Mahathir meletakkan jawatan akhir Oktober ini? Adakah ketajaman permusuhan PAS dan UMNO akan berlangsung? Ramalanlah ni....

Dins: Saya tak mau buat ramalan. Setakat yang kita kenal Mahathir sehingga ini, lebih baik tak usah kita meramal. Saya ulang, baik tak usah buat ramalan. Dia kata dia akan meletak jawatan. Saya bukan tak percaya dia akan meletakkan jawatan, tetapi saya tak ambil sikap, biarkan begitu saja. Kalau betul, betullah. Ada kemungkinan Mahathir tak letak, walaupun kepada satu dunia dia kata dia akan letak...Saya buat keputusan untuk tidak mengambil perhatian.

RS: Saya memang membaca sajak-sajak saudara. Baru-baru ini saya baca sajak saudara yang mengupas frasa "Tuhan samseng" yang dikemukakan oleh Nik Aziz. Itu kegiatan berpuisi. selain itu, saudara berminat dalam teater, bagaimana minat ini dapat saudara hubungkan dengan Nik Aziz yang mengkhusus kepada agama?.

- Dins: Saya terlibat mencari-cari bentuk persembahan yang diterima oleh Islam. Memang ada bentuk yang diterima Islam. Jadi, memang ada, dan boleh kita membuat persembahan. Cerita "Tok Ampu" Hishamuddin Rais ialah contoh, dan saya tak terlibat. PAS kurang senang dengan keterlibatan wanita, tak pakai tudung pula. Polemik tu sedang berlangsung. Nik Aziz ada meminta dibuat persembahan teater yang dia pun nak terlibat sama untuk melihat sejauh mana Islam membenarkan benda tu. Dia sendiri sendiri ada mengatakan ada bentuk teater yang dapat diterima. Dia haramkan wayang kulit kerana tasyul, kerana khurafat. Kalau nak dibuat wayang kulit tanpa tasyul tanpa khurafat, dia benarkan. Saya sendiri kini berminat untuk membuat dokumentari dan filem fiksyen. Masalah kita masalah bajet. Bajetlah penghalang untuk berkarya dalam bentuk ini.
- RS: Kegiatan wanita menjadi satu masalah jugalah. Dalam yang gambar yang dibuat oleh orang di tanah Arab pun wanita berlakon juga. Mereka membuat cerita-cerita Nabi, wanita terlibat.
- Dins: Kadang-kadang PAS merujuk kepada

tanah Arab, tetapi PAS sampai pada satu peringkat pemikiran, bukan kita patut ikut apa-apa yang dibuat di mana-mana, di Iran pun juga. Bukan mengikut yang di sana tu mesti betul, kita boleh buat yang lebih baik. Kita tak boleh tanya Iran buat filem yang ada penglibatan wanita, kenapa kita tidak? Kenapa tak ikut Iran? Tapi, biarlah pemikiran tu jelas. Saya ada terlibat dalam satu persembahan teater, ada penglibatan wanita. Itu tentang penganiayaan ISA. Ada penglibatan wanita. PAS kata tak boleh. Satu cara yang kita fikirkan ialah kita hadirkan benda itu dalam bentuk *screen*. Perempuan boleh berlakon, tetapi ada caranya. *Shoot* dulu perempuan tu berlakon, dan tayangkan apabila sampai *scene* dia. Saya dapati tiada bangkangan. Secara rasionalnya perempuan boleh berlakon, iaitu kita ambil terlebih dahulu. Ada banyak lagi persoalan dalam PAS yang masih dalam proses. Mungkin satu hari nanti akan timbul bentuk kesenian termasuk teater yang benar-benar sesuai.

Perlu ditegaskan, saya banyak bercakap tentang PAS, tapi sebenarnya saya bukan ahli PAS, cuma bergiat dalam kegiatan PAS. Saya jadi ahli Keadilan secara kebetulan. Saya tidak

bercita-cita untuk aktif dalam politik.

RS: Saudara berkata, sampai bila-bila pun PAS dan UMNO tidak boleh bersatu. Pertentangan berterusan. Adakah itu satu kesimpulan yang pasti? Bukanakah pertentangan pendapat dapat dilayan dengan baik. Kita bawa ke arah itu, bagaimana?

Dins: Masalahnya, saya perhatikan sudah lama, dalam masyarakat kita golongan seniman selalu pasif. Mereka membiarkan golongan politik dan ekonomi menentukan arah dan corak perlakuan masyarakat. Ada sajak saya yang mengesali golongan ini. Penyair, wartawan...yang tidak mahu mengubah keadaan ini. Kita penulis boleh berbuat sesuatu. Kalau kita mengambil sikap seperti dulu, iaitu sikap zaman ASAS 50, atau sikap zaman Baha Zain sanggup sапу cat tanda jalan yang tak pakai bahasa Melayu, tak akan berlaku apa-apa yang berlaku kini. Kini orang politik dan ekonomi saja yang menentukan segala hal. Saya selepas tragedi Anwar, tuduhan tak dapat dibuktikan, mengharapkan golongan penulis berani mengemukakan pandangan tentang kebenaran, berani menyatakan sikap. Kalau kita tidak aktif dalam

masyarakat, orang politik akan terus buat apa yang menguntungkan mereka.

RS: Bagaimana kehidupan saudara sebagai penulis selepas keluar daripada kumpulan arus perdana? Kongkongan kuat, bukan?

Dins: Kalau kita kata kongkongan kuat, itu kerana kita menyerah kepada orang politik. Satu contoh, misalnya, tempat saya duduk sekarang ni. Saya masih dapat mengeluarkan surat khabar. Ini kerana saya bertegas. Ahmad Lotfi Othman sanggup menerima risiko.

RS: Apakah kegiatan saudara yang terdekat, maknanya yang akan saudara buat dalam jangka masa beberapa hari lagi.

Dins: Saya akan bergiat di Terengganu. Tapi bukan menghasilkan karya kreatif.

RS: Boleh kita bercakap sedikit tentang bahasa?

Dins: Tentang bahasa Inggeris yang sedang dibincangkan sekarang?

RS: Ya

Dins: Saya fikir tak payahlah.

RS: Oh, tak payah. Terima kasih.

Dins: Sama-sama.

# BICARA TENTANG MAHATHIR



## Wawancara Politik Aidi Rahimi (AR) dengan SHARIF SHAARY

AR: Apa pendapat saudara tentang Malaysia?

SS: Malaysia adalah sebuah negara yang menarik kerana di dalamnya ada kepelbagaian bangsa dan budaya. Menarik kerana bangsa-bangsa yang ada boleh hidup dalam harmoni kecuali satu dua sejarah hitam rusuhan kaum yang pernah berlaku. Dari sudut ekonomi, Malaysia mempunyai sumber semulajadi yang baik dengan bijih timah (suatu ketika dulu), getah, kelapa sawit dan petroleum. Sekarang pula Malaysia sedang memasuki era perindustrian. Per kapita sudah menjangkau RM 13,000 lebih (seperti yang dibentangkan oleh PM dalam Bajet 2004). Pelayar Datuk Azhar Mansur dan Perenang Abd Malik Mydin telah mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. KLIA, KLCC dan Putrajaya menjadi kebanggaan negara. Malaysia terkenal juga sebagai negara yang banyak

\* Sharif Shaary ialah dramatis berbakat. Beliau mengambil berat tentang perkembangan politik negara.

mengadakan mesyuarat dan tidak ketinggalan juga sebagai negara yang banyak mencatatkan kemalangan jalanraya.

AR: Tadi saudara telah memberi gambaran tentang Malaysia secara umum. Boleh saudara perkatakan secara lebih khusus dari sudut sosio-ekonomi-politik, terutamanya dalam dua dekad mutakhir ini.

SS: Jika dilihat pada per kapita yang terkini, RM 13000 lebih adalah sesuatu yang membanggakan. Tapi harus diingat bahawa itu adalah angka atas kertas semata-mata. Di atas kertas memang setiap rakyat Malaysia yang 23 juta lebih itu mendapat RM13000 lebih setiap seorang! Alangkah indahnya dan sejahteranya jika setiap rakyat Malaysia mendapat pendapatan RM 13000 lebih setiap seorang. Setiap isi rumah sudah pasti akan memiliki sebuah komputer. Setiap anak akan dapat pergi ke kelas-kelas tuisyen dan sekolah yang terbaik di negara ini. Setiap rakyat akan mendapat sebuah rumah yang selesa dan mewah. Setiap rakyat akan mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik di pusat-pusat kesihatan elit di negara ini. Alangkah indahnya kota-kota besar di negara kita kerana rumah-

rumah setinggan sudah tidak ada lagi. Pengemis-pengemis tidak lagi mengotori pemandangan kotaraya yang bersih. Gedung-gedung membeli-belah yang mega-mega akan menjadi rancak dan gamat dengan kunjungan rakyat yang hebat kuasa membelinya. Setiap ibubapa dapat membawa anak-anak mereka ke tempat-tempat rekreasi yang terbaik seperti di Genting Highlands dan Sunway Lagoon. Alangkah bahagianya keluarga-keluarga di Malaysia. Tapi sayang seribu kali sayang, semuanya ini hanya indah di atas kertas. Realitinya, masih ramai rakyat yang tidak berumah. Masih ramai rakyat golongan petani yang tidak bertanah sendiri. Kemiskinan masih berleluasa terutamanya di luar bandar. Apabila disebut luar bandar, majoritiya terdiri dari orang-orang Melayu. Kita ingin menyeru kepada pakar-pakar ekonomi kita yang patriotik lagi nasionalistik untuk memikirkan tentang bagaimana hendak memindahkan keindahan di atas kertas itu supaya menjadi keindahan di atas tanah. Supaya keindahan di atas kertas itu tidak menjadi suatu igauan ngeri kepada rakyat. Realitinya 70% penghuni pusat-pusat Serenti adalah orang-orang Melayu. Pakar-pakar pengkaji sosial kita cubalah cari sebab-

musababnya. Bentangkan kepada umum apakah punca sebenarnya 70% penagih dadah itu milik orang Melayu. Di samping itu cari juga puncanya mengapa 70% lebih ekonomi negara milik bukan Melayu. 30% pemilikan Bumiputera dalam ekonomi Malaysia belum kecapaian. Apakah punca sebenarnya? Setelah 46 tahun merdeka, ekonomi Bumiputera masih terkapai-kapai. Di mana silapnya. Tentu ada puncanya. Pasti ada salah dan silapnya. Pakar-pakar ekonomi negara yang patriotik lagi nasionalistik, tampilah ke depan dan berbuat sesuatu untuk agama, bangsa dan negara!

AR: Bagaimana dari sudut pembangunan?

SS: Sesuai dengan status sebuah negara sedang membangun, Malaysia memang sedang membangun dengan pesatnya. Namun pembangunan kita tidak seimbang. Pembangunan kita tempang. Kita lebih mengutamakan pembangunan material, pembangunan fizikal. Pembangunan kemanusiaan kita kesampingkan. Ini bukan saya saja yang kata, para cendekiawan kita pun kata, dan orang-orang kampung yang buta huruf dan celik huruf pun kata.

AR: Mengapa terjadi demikian?

SS:

Hal ini mungkin berkaitan dengan dasar-dasar tertentu seperti dasar belia, dasar sosial, dasar pendidikan dan dasar-dasar lain. Saya bukan seorang sarjana. Saya sekadar seorang pemerhati. Saya perhatikan, kita agak terlebih menekankan unsur hiburan kepada generasi muda kita, sama ada melalui media cetak atau media elektronik dan di kawasan-kawasan terbuka atau tertutup. Generasi muda kita lebih mengenali tokoh-tokoh artis pujaan mereka daripada mengenali para pemimpin dan para ilmuan kita. Majalah-majalah hiburan yang pelbagai berlambak di kedai-kedai buku berbanding dengan majalah-majalah ilmu dan pendidikan. Guru-guru di sekolah sudah jenuh mengajar pelajar-pelajar supaya jadi baik. Di rumah pun sama, ibu bapa tidak henti-henti menyuruh anak-anak supaya jadi baik. Tetapi apabila keluar saja dari pintu pagar sekolah dan rumah, tu dia! Banyaknya perkara yang tidak baik yang di luar kawalan sekolah dan ibubapa. Teringat saya suatu seminar pendidikan yang pernah saya hadiri. Seorang pensyarah tanya satu soalan: “ Mengapa kanak-kanak dipanggil kanak-kanak?” Beberapa peserta menjawab. Kesimpulannya ialah, kanak-kanak dipanggil kanak-kanak

kerana: umur belum cukup, ilmu kurang, kemahiran kurang, emosi tidak stabil dan belum matang. Pensyarah itu bertanya lagi: "Tugas siapakah untuk memberi ilmu dan kemahiran secukupnya serta menstabilkan emosi dan mematangkan pelajar-pelajar ini? Adakah tugas kanak-kanak?"

Masakan kanak-kanak mengajar kanak-kanak! Jawabnya tugas itu adalah tugas orang dewasa! Siapa dia orang dewasa? Kalau di rumah, semua orang dewasa di dalam rumah itu bertanggungjawab. Kalau di sekolah, seluruh orang dewasa di sekolah itu bertanggungjawab. Kalau di luar rumah dan sekolah? Jawabnya seluruh orang dewasa yang berada di luar sana, bertolak daripada orang biasa sampai kepada pemimpin, sama ada pemimpin peringkat rendah sampai ke pemimpin peringkat tertinggi. Semuanya bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku kepada kanak-kanak. Justeru jangan salahkan kanak-kanak. Salahkan kita orang-orang dewasa yang tidak pandai mendidik kanak-kanak tadi dengan sebaiknya. Kita sering dengar orang berkata: kanak-kanak adalah aset negara. Kanak-kanak adalah pemimpin masa depan negara. Jika kanak-kanak itu adalah

aset dan pemimpin masa depan negara, maka pembangunan manusia itu harus bermula dari masa kanak-kanak lagi. Jangan sekali-kali menyalahkan kanak-kanak, salahkan orang dewasa yang tidak pandai mendidik kanak-kanak. Jika seseorang kanak-kanak membuat silap, mungkin ada yang tidak kena dengan kaedah yang diguna. Jangan biarkan kanak-kanak berada dalam kekeliruan. Contoh yang paling klasik ialah rokok. Kanak-kanak dilarang menghisap rokok sama ada dengan memberi alasan atau tidak. Tetapi orang dewasa hisap rokok! Di sekolah, pelajar akan dirotan jika menghisap rokok. Sampai ke peringkat pelajar boleh dibuang sekolah jika menghisap rokok. Ini suatu bentuk amalan *double standard* yang diamalkan oleh orang dewasa yang membahayakan dan mengelirukan kanak-kanak. Banyak lagi amalan *double standard* lain yang diamalkan oleh orang dewasa. Bercakap tentang rokok ini, rasa lucu ada rasa bodoh pun ada! Kelucuan dan kebodohan orang dewasa! Para pengkaji telah memberitahu bahawa terdapat 1000 lebih bahan kimia di dalam sebatang rokok. Rokok juga adalah penyebab kepada beberapa jenis penyakit, seperti kanser paru-paru dan lain-lain. Jika sudah jelas betapa

bahayanya rokok itu, haramkan saja penjualannya. Ini tidak, rokok terus dijual dan diiklankan dengan pelbagai cara untuk menarik orang menghisapnya. Dan orang yang tertarik untuk menghisap ini bukan hanya orang dewasa sahaja tetapi termasuk juga kanak-kanak. Yang lucu dan bodohnya ialah di kotak rokok itu ditulis: (1) AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA: MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN (2) JUALAN PADA UMUR 18 KE ATAS SAHAJA. Semua orang tahu bahawa merokok ini adalah sesuatu yang mengakibatkan ketagihan serta membahayakan. Sedangkan menaikkan harga rokok orang tidak hairan apa lagi memberi amaran. Manusia sanggup berbelanja dengan kadar apa saja kerana melayani ketagihan. Jawapan kepada masalah rokok ialah haramkan saja sepetimana najis dadah. Kadang-kadang saya terfikir, apakah perkara semudah ini tidak dapat diatasi? Atau memang sengaja orang dewasa tidak mahu mengatasinya!

Demikianlah secebis contoh bagaimana kesalahan kita orang-orang dewasa yang lalai mendidik, mendatangkan akibat buruk kepada

kanak-kanak. Mengapa kita mesti takut untuk mengaku kesilapan kita sendiri. Setelah mengaku, jangan pula kita ulangi kesilapan yang sama! Kerana “*Only the fools repeat their mistakes!*”

AR: Boleh saudara berikan satu lagi faktor lain?

SS: Satu lagi faktor lain ialah golongan korporat yang memiliki wang berjuta dan berbilion ringgit sering dijadikan model atau ukuran kejayaan dalam hidup. Gaya hidup mewah mereka diperagakan melalui akhbar, majalah dan televisyen. Pemimpin-pemimpin atasan kita sering pula mengulangi perkara ini berulangkali dalam ucapan-ucapan mereka. Apabila sesuatu itu diulang dengan kerapnya maka ia akan diterima oleh rakyat sebagai benar. Bahawa ukuran kejayaan dalam kehidupan itu ialah apabila seseorang itu memiliki rumah mewah, kereta mewah dan hidup secara afuan dengan wang berjuta dan berbilion ringgit. Justeru, rakyat pun berlumba-lumbalah mengumpul kekayaan untuk mencapai taraf hidup mewah tadi. Akan sampai ke satu tahap manusia sanggup melakukan apa saja untuk mencapai impian hidup mewah itu. Sudah menjadi adat dalam mana-mana

perlumbaan, bahawa yang kuat saja yang akan menang. Dan yang kuat ini sebenarnya tidak ramai! Begitulah halnya dalam perlumbaan mengumpul kekayaan ini. Mereka yang kuat dalam konteks ini adalah mereka yang berkuasa, berpengaruh, berpangkat, berkedudukan dan bermodal besar. Unsur-unsur ini saling mempengaruhi. Melalui kuasa ,orang boleh mendapat pengaruh, pangkat, kedudukan dan modal. Melalui modal orang boleh mendapat kuasa, pengaruh, pangkat dan kedudukan. Begitulah seterusnya. Lantaran itu, mereka yang sering menang adalah terdiri dari mereka yang ada kuasa, pengaruh , pangkat, kedudukan dan modal.

Mereka yang kalah dalam perlumbaan ini sudah tentulah akan kecewa. Impian untuk hidup mewah mereka tidak tercapai . Lalu mereka mencari jalan pintas. Di antara jalan pintas yang popular ialah rasuah, pecah amanah wang syarikat sama ada swasta atau kerajaan, penipuan, merompak, berjudi dan sebagainya. Jalan pintas untuk jadi kaya ini dilakukan oleh setiap lapisan masyarakat. Daripada peringkat ikan bilis hingga ke peringkat paus! Kalau bilis mengambil rasuah puluhan ringgit, maka peringkat paus

mengambil rasuah jutaan dan bilionan ringgit! Dalam proses mengejar kekayaan ini biasanya unsur-unsur agama terabai. Nilai-nilai murni akan terhakis. Apabila nilai-nilai keagamaan dan nilai murni sudah tidak ada maka runtuhlah pembangunan manusia. Yang berdiri megah hanya pembangunan fizikal dan material semata-mata! Kerana itu kita lihat di antara mereka yang terlibat dengan gejala negatif di atas itu terdiri daripada mereka yang terpelajar, berpangkat Datuk, Tan Sri dan sebagainya. Di sini sekali lagi kanak-kanak dan orang-orang muda kita akan terkeliru. Ini kerana yang menyeru kanak-kanak dan remaja kita supaya jadi orang baik ialah terdiri daripada orang-orang dewasa yang terpelajar, yang bergelar Datuk, Tan Sri dan sebagainya. Apabila gejala negatif yang diamalkan oleh orang-orang dewasa ini tidak dibendung, maka golongan kanak-kanak dan remaja ini akan menganggap gejala negatif seperti rasuah yang diamalkan ini sudah menjadi suatu perkara biasa yang akan diamalkan oleh mereka kelak apabila sampai masa mereka menjadi dewasa.

AR:

Bagaimana dengan perkembangan politik sejak dua dekad yang lepas?

SS:

Perkembangan politik di Malaysia tidak kurang menariknya jika hendak diperkatakan. Izinkan saya untuk bernostalgia dengan menyorot ke belakang melalui empat dekad yang lalu. Saya berumur 6 tahun ketika itu. Yang saya ingat saya dibawa oleh ibu bapa untuk menyaksikan permainan bunga api pada malam 31 Ogos 1957 malam menyambut kemerdekaan di Bandar Kangar. Selepas itu saya tidak tahu apa-apa tentang pergolakan politik, sehingga tahun 1964, tahun Pilihanraya Umum. Di Perlis 3 parti bertanding, iaitu Parti Perikatan, PAS dan Parti Rakyat Malaya. Ceramah politik disebut sebagai rapat umum ketika itu. Ia diadakan pada waktu malam. Biasanya diadakan di padang-padang sekolah. Semua parti dibenarkan mengadakan rapat umum di tempat yang sama iaitu di padang-padang sekolah secara bergilir-gilir. Zaman kanak-kanak sungguh indah. Hiburan pada ketika itu agak terhad. Jadi rapat umum parti politik pun boleh juga dianggap sebagai salah satu bentuk hiburan. Saya dan rakan-rakan tidak melepaskan peluang untuk pergi "berhibur" dengan mendengar ceramah-ceramah parti politik. Semua ceramah parti politik kami pergi. Kadang-kadang sebelum ceramah

diadakan tayangan wayang gambar terlebih dahulu untuk menarik kehadiran orang ramai. Biasanya Parti Perikatan yang mengadakan tayangan wayang gambar ini. Sekarang, empat dekad kemudian, saya dapat merasakan kehilangan dua keindahan, pertama keindahan zaman kanak-kanak, kedua keindahan demokrasi, iaitu kebebasan bersuara. Semua parti ketika itu diberi kebebasan bersuara di platform yang sama tanpa sebarang diskriminasi dan halangan. Memang saya rasa kehilangan, keindahan seperti ini sukar dilihat pada hari ini.

Berbalik pada pertanyaan saudara tadi, perkembangan politik terutamanya politik arus perdana iaitu politik UMNO/BN, kita dapat menyaksikan suatu perubahan daripada segi barisan kepimpinannya. Kalau 30/40 tahun dahulu, barisan kepimpinannya (UMNO) kebanyakannya terdiri daripada guru-guru Melayu. Tetapi sekarang golongan koporat dan profesional pula mengambil alih. Dahulu, orang tidak berapa gemar hendak jadi Wakil Rakyat. Pertama kerana tanggung-jawab sebagai Wakil Rakyat itu berat dan elastrinya pula tidak seberapa. Berbanding hari ini, orang berebut-

rebut hendak menjadi Wakil Rakyat . Pertama kerana elauan Wakil Rakyat jauh lebih baik daripada yang dulu. Kedua , peluang untuk menjadi kaya adalah lebih cerah. Untuk itu orang sanggup berbelanja besar . Dan untuk berbelanja besar hari ini seseorang itu perlulah terdiri dari para profesional dan koporat. Politik dijadikan sebagai platform untuk jadi kaya. Akibatnya wujudlah apa yang dipanggil gejala politik wang. Mereka yang bercita-cita besar sanggup berbelanja jutaan ringgit untuk mendapat tempat dalam politik. Ini kerana politik itu sudah sinonim dengan peluang untuk membina kekayaan. Apabila telah mendapat wang yang banyak, maka di sinilah bermulanya "*the vicious circle*". Duit buat duit! Inilah salah satu wajah jelek sistem kapitalisme jika tidak dikawal dengan baik. Harus diingat bahawa keinginan manusia itu tidak terbatas. Setelah mempunyai 1 juta, dia hendak 2 juta. Setelah ada 10 juta dia hendak pula 100 juta. Setelah ada 100 juta dia hendak lagi 1000 juta. Setelah ada 1000 juta dia hendak tambah lagi bagi jadi 10000 juta. Begitulah seterusnya. Tidak pernah ada noktah bagi penambahan ini. Apabila keadaan ini wujud dan berterusan wujud, maka kek kekayaan negara tidak teragih dengan

adil. Maka wujudlah jurang pendapatan yang semakin melebar antara yang kaya dengan yang miskin. Maka sahlah kata-kata: "Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin" dalam amalan sistem ekonomi seperti yang kita saksikan dalam dua dekad mutakhir ini. Ini sebenarnya suatu fenomena yang amat tidak sihat. Dalam masa yang sama juga kita menyaksikan politik cantas mencantas, selalunya dalam politik arus perdana UMNO/BN. Kata-kata: "Dalam politik tidak ada yang kekal. Hari ini kawan, esok boleh jadi musuh. Hari ini musuh esok boleh jadi kawan" sudah menjadi perkara biasa dan betul-betul diamalkan. Buktinya ramai sudah pemimpin-pemimpin UMNO/BN yang telah menjadi mangsa. Pada saya amalan politik seperti ini juga amat tidak sihat dan patut dihentikan segera tanpa syarat!

Dalam dua dekad ini juga kita menyaksikan konsep penswastaan diperkenalkan. Melalui penswastaan, saya melihat lebih banyak keburukan daripada kebaikan. MISC, MAS dan PERWAJA adalah di antara contoh kegagalan penswastaan. Yang sedihnya wang rakyat terpaksa

dibelanjakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat swasta ini! Sepatutnya syarikat-syarikat swasta yang gagal ini tidak ditolong. Apakah maknanya penswastaan jika ia ditolong. Ditolong dengan wang rakyat pula tu!

AR: Bagaimana saudara melihat penyingkiran Anwar Ibrahim dari politik arus perdana UMNO/BN?

SS: Dari sudut politik Malaysia, ini satu lagi fenomena yang menarik. Saya teringat sebuah cerita dalam hikayat lama kita *Hikayat Hang Tuah*. Hang Tuah difitnahkan berlaku curang atau melakukan skandal. Aduan dibuat kepada Sultan Melaka. Sultan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Hang Tuah. Tetapi Bendahara tidak melaksanakan hukuman itu. Ekoran itu Hang Jebat mendurhaka. Ada perkaitan yang menarik di sini. Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara Hang Tuah dan Anwar Ibrahim. Hang Tuah difitnah dan Anwar Ibrahim juga dikatakan difitnah (sekurang-kurangnya wujud segolongan orang yang percaya nahawa dia difitnah). Hang Tuah tidak mati, walaupun dia diarahkan agar dihukum mati. Anwar Ibrahim tidak diarahkan agar dihukum

mati, tetapi cedera teruk dipukul oleh Rahim Nor. Di peringkat awal semacam ada persamaan antara Anwar Ibrahim dengan Hang Tuah iaitu daripada segi kesetiaan. Kesetiaan Hang Tuah berupa setia "gila" kepada Sultan. Anwar Ibrahim juga setia (tapi tidak sampai tahap setia "gila") kepada Dr Mahathir. Perbezaannya ialah, apabila Anwar Ibrahim dihukum, dia melawan. Ada semacam transformasi di dalam watak Anwar Ibrahim di sini, iaitu daripada Hang Tuah dia menjadi Hang Jebat. Ini seronok, kerana Hang Tuah berubah menjadi Hang Jebat! Daripada wira yang setia dia berubah menjadi wira pendurhaka, wira reformasi. Bezanya lagi, Hang Jebat berjuang seorang diri, manakala Anwar Ibrahim berjuang bersama rakyat melalui gerakan reformasi secara besar-besaran. Inilah yang menariknya, seronok! Dalam sejarah orang-orang Melayu Malaysia, "pendurhakaan" Anwar Ibrahim merupakan kejutan yang kedua kepada mereka setelah mereka tidur lama dibuai mimpi indah setelah kejutan pertama pendurhakaan Hang Jebat ke atas Sultan Melaka dulu. Cerita dari *Hikayat Hang Tuah* mungkin benar mungkin tidak. Atau mungkin juga separuh benar. Tetapi yang sahih benar ialah *Hikayat Hang*

*Tuah* adalah sebuah hasil sastera yang begitu bererti . Ia adalah buah tangan daripada sasterawan tanpa nama Melayu zaman dahulu yang mengandung pemikiran yang amat berasas di dalamnya.

Hang Jebat adalah simbolik kemerdekaan minda seorang Melayu (pengarang tanpa nama *Hikayat Hang Tuah*) yang menentang pemerintah yang zalim ketika itu.

AR: Apa benarkah Anwar Ibrahim difitnah?

SS: Ada pro dan kontra dalam hal ini. Masing-masing dengan bukti dan alasan yang tersendiri. Secara peribadi, saya melihat begini. Anwar Ibrahim adalah seorang manusia biasa seperti mana manusia-manusia lainnya. Dia bukan *super human*. Adalah tidak mustahil Anwar Ibrahim melakukan apa-apa seperti yang dituduhkan ke atasnya. Di samping itu, adalah tidak mustahil juga Anwar Ibrahim tidak melakukan seperti mana yang dituduhkan ke atasnya. Saya tidak tahu kerana saya tidak melihatnya dengan mata saya sendiri! Saya kira majoriti rakyat Malaysia yang lain seperti saya, tidak melihatnya dengan mata sendiri.

Persoalan penting di sini ialah adakah Anwar Ibrahim dibicarakan dengan adil. Wujud beberapa keraguan di dalam diri saya akan perkara-perkara tertentu sepanjang perbicaraan ke atas Anwar Ibrahim. Ini menyebabkan saya berkecenderungan kuat untuk mengatakan isu Anwar Ibrahim adalah isu politik.

AR: Jadi apakah status Anwar Ibrahim sekarang mengikut tanggapan saudara?

SS: Seorang banduan yang sedang sakit teruk yang kehilangan hak untuk mendapat rawatan seperti yang diingininya.

AR: Maksud saya, saya ingin tahu adakah dia seorang Hang Tuah atau Hang Jebat?

SS: Saya sudah analogikan Anwar Ibrahim adalah Hang Tuah dan Hang Jebat pada masa yang berbeza. Kalau dia Hang Tuah, mungkin suatu hari dia akan dibebaskan! Kalau dia benar-benar dibebaskan, saya ingin menyeru kepada beliau, jadilah orang lain yang lebih baik daripada Hang Tuah dan Hang Jebat.

AR: Pandangan saudara tentang parti politik

alternatif?

SS:

Politik alternatif semakin mendapat tempat di Malaysia. Dalam Pilihanraya kebangsaan ke sepuluh yang lepas (1999), jika dilihat dari aspek undi popular, BN mendapat 56%, manakala Parti Alternatif mendapat 44%. Jika pilihanraya negara kita berdasarkan undi popular, maka BN tidak dapat menubuhkan kerajaan kerana tidak dapat 2/3 majoriti. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa cara berfikir rakyat Malaysia sudah mula memperlihatkan perubahan yang agak menonjol, terutamanya di kalangan pengundi-pengundi Melayu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa hal ini boleh terjadi kerana wujud undi protes khususnya di kalangan ahli-ahli UMNO yang tidak puas hati dengan tindakan yang dilakukan ke atas Anwar Ibrahim. Soalnya kita perlu bertanya di sini, mengapa timbul undi protes? Mengapa orang memprotes? Adakah orang memprotes kerana isu Anwar Ibrahim seorang sahaja? Atau ada lagi isu-isu lain yang tidak kurang pentingnya. Adakah orang memprotes semata-mata kerana hendak memprotes? Jawabnya mesti ada sebab yang kuat mengapa seseorang itu memprotes. Dalam hal ini pihak

UMNO/BN mesti bermuhasabah dan banyak membuat kritikan kendiri menjelang pilihan raya yang akan datang.

AR: Apa pula pandangan saudara tentang ISA?

SS: Ada yang bergurau bahawa ISA itu ialah "ikut suka aku". Secara berterus terang dan ikhlas saya katakan bahawa jika hendak membina sebuah negara madani yang bertamadun tinggi, tak bolehlah memerintah dengan undang-undang "ikut suka aku". Apa pun alasan yang diberikan untuk menjustifikasi ISA, saya sama sekali tidak setuju. Kalau hendak diperlakukan juga ISA, maka jangan bercakap lagi tentang keadilan, tentang kebenaran dan tentang demokrasi. Amalan ISA adalah suatu amalan preemptif. Ada yang berkata ISA adik-beradik primitif. Kalau kita boleh mengutuk Amerika kerana tindakan preemptifnya menyerang Iraq, maka logiknya kita juga harus mengutuk diri sendiri yang ada ISA. Kerana ISA juga dengan jelasnya adalah suatu tindakan preemptif. Jika seseorang itu disyaki atau dituduh melakukan kesalahan, bicarakan dia dengan seadil-adilnya. Jika dia sah bersalah, hukumlah dia.

Habis persoalan. Tidak ada apa yang harus dipertikaikan lagi. Ini barulah dikatakan kedaulatan undang-undang. Barulah seseorang itu berasa selamat dan menghargai serta berasa bangga menjadi warganegara sesebuah negara.

AR: Di sepanjang perbualan kita setakat ini, kelihatannya saudara semacam lebih cenderung menentang *establishment*!

SS: Saya menimba sedikit pengalaman ilmiah semasa belajar di universiti dulu. Saya dilatih supaya menjadi objektif dan kritis melalui beberapa disiplin ilmu seperti subjek Pemikiran Kritis dan Pemikiran Lateral. “*Call a spade a spade*”, katakan cangkul itu cangkul, inilah pemikiran objektif. Jika benar katakan benar. Jika salah katakan salah. Untuk mengatakan benar atau salah, baik atau jahat, kita perlu menjadi kritis terlebih dahulu. Banyak perkara yang baik dilakukan oleh pihak pemerintah. Jika kita tidak sebut pun orang tahu. Membina lebuhraya itu baik. Membina hospital itu juga baik. Membina sekolah, masjid, universiti, dan lain-lain lagi, itu semua yang baik-baik. Semua ini adalah menjadi tanggungjawab bagi mana-mana saja orang atau parti yang jadi pemerintah. Kalau dia tidak buat benda-benda yang

baik seperti yang disebutkan tadi, maka dia bukan pemerintah yang baik. Tetapi yang menjadi isunya sekarang ialah, di samping yang baik yang dilakukan oleh pemerintah, yang tidak baik pun dilakukan juga yang mungkin segolongan rakyat tidak tahu. Ini yang perlu diberitahu. Dan untuk memberitahu itu memerlukan kebebasan, iaitu kebebasan bersuara. Apabila ada kebebasan bersuara barulah demokrasi namanya. Kita kena melihat penentangan secara positif. Melihat penentangan sebagai *check and balance*. Bukan susah sangat untuk mengamalkan demokrasi ni! Yang buat bagi jadi susah ialah kita sendiri! Yang senang buat bagi jadi senang, maka senanglah jadinya. Jangan yang senang buat bagi jadi susah, maka susahlah jadinya.

AR: Saya agak kurang faham dengan pernyataan terakhir saudara itu tadi.

SS: Maksud saya begini. Dalam hidup ini ada dua peraturan utama. Satu peraturan Tuhan dan yang satu lagi ialah peraturan yang manusia buat. Tuhan jadikan api itu boleh membakar. Jadi jika hendak selamat, ikutlah peraturan apabila berurusan dengan api. Apabila berada di jalan raya, lampu

merah berhenti. Lampu hijau, jalan. Ikut peraturan. Selamat! Susah sangatkah hendak ikut peraturan lampu trafik? Tak susahkan? Bezanya peraturan Tuhan tidak boleh diubah. Tapi peraturan ciptaan manusia boleh diubah jika didapati tidak sesuai lagi dengan peredaran zaman. Dengan kehendak semasa. Jika sesuatu peraturan atau undang-undang itu didapati tidak sesuai lagi, maka ia boleh diubah atas persetujuan ramai, demi kebaikan bersama. Misalnya, kita dah buat perlumbagaan negara Malaysia. Ikut betul-betul apa yang terkandung di dalam perlumbagaan itu. Senanglah jadinya. Yang jadi susahnya ialah apabila kita separuh ikut, separuh lagi tidak ikut.

AR: Yang separuh tidak ikut itu dia buat apa?

SS: Itulah yang dikatakan "ikut suka aku" itu! Apabila "ikut suka aku", itulah yang susah. Yang asalnya senang sudah jadi susah! Apabila tidak ikut undang-undang yang kita sendiri buat, maka itulah yang sering disebut *the law of the jungle*. Tetapi yang ironinya ialah di dalam *jungle* pun ada *lawnya*! Kadang-kadang jika difikirkan dalam hal-hal tertentu, *law of the jungle* lebih

baik daripada *law outside the jungle*, Contoh seekor harimau akan memakan hanya seekor mangsa tangkapannya. Selepas beberapa hari kemudian baru dia tangkap mangsa yang baru. Tetapi di luar *jungle* ada makhluk yang dipanggil manusia mengaut keuntungan berbilion-bilion ringgit yang boleh disimpan ratusan tahun walaupun dia sudah tidak ada lagi untuk memakannya! Nampaknya orang seperti ini lebih teruk daripada makhluk *jungle*.

AR: Boleh saudara perkatakan sikit tentang demokrasi?

SS: Ada banyak definisi serta versi tentang demokrasi. Ada versi Amerika. Ada versi Republik Rakyat China . Ada versi Britain. Ada versi Iran. Ada versi Malaysia dan berbagai-bagai versi lagi. Begitu juga dengan definisi. Salah satu definisi berbunyi begini: demokrasi ialah suatu corak pemerintahan yang membenarkan hak kepada rakyat untuk kebebasan bersuara, beragama, menyatakan pendapat politik dan berpersatuan, penegasan pelaksanaan undang-undang, pemerintahan majoriti berserta dengan menghormati hak-hak golongan minoriti. Semua ini terangkum dalam kata-kata Presiden

Abraham Lincoln: Demokrasi adalah pemerintahan rakyat, dari rakyat dan untuk rakyat. Kata-kata ini membawa implikasi makna yang amat luas lagi mendalam. Secara ringkasnya kita boleh simpulkan bahawa prioriti utamanya di dalam sesebuah pemerintahan itu ialah rakyat. Jika dia pemimpin, maka dia harus jadi pemimpin rakyat. Pemimpin rakyat adalah pemimpin yang mengambil berat tentang rakyat. Dia kena bagi rakyat senang dulu. Contohnya, dia mesti sediakan hospital yang terbaik untuk rakyat. Pendidikan yang terbaik untuk anak-anak rakyat. Dia juga mesti menyediakan rumah yang terbaik untuk rakyat. Pendek kata dia mesti merancang apa saja perkara yang terbaik untuk rakyat. Itulah pemimpin rakyat. Bunyinya agak idealistik. Tapi itulah hakikatnya jika mahu dipanggil pemimpin rakyat yang memimpin kerajaan rakyat. Jika tidak jangan syok sendiri menggelar diri sebagai pemimpin rakyat. Wakil Rakyat di Negara kita seharus dan semestinya adalah pemimpin rakyat. Ungkapan "pemerintahan dari rakyat" pula membawa implikasi segala dasar yang hendak dilaksanakan mesti datangnya dari kehendak rakyat, keperluan rakyat bukan keperluan peribadi individu

pemimpin atau keperluan parti. Kerana itu setiap Wakil Rakyat mesti senantiasa prihatin kepada kehendak rakyat. Senantiasa melihat kehidupan mereka. Senantiasa mendengar suara mereka. Dan ungkapan yang akhir "pemerintahan untuk rakyat" membawa implikasi segala apa yang dirancang dan dilaksanakan akhirnya kembali kepada faedah dan kebaikan serta kesejahteraan rakyat. Adakah ini berbunyi idealistik? Saya fikir tidak. Ketiga-tiga unsur demokrasi yang diperkatakan tadi bukan sesuatu yang luarbiasa dan mustahil untuk dilaksanakan. Soalnya antara muhun dengan tidak muhun saja.

AR: Tidakkah terdapat sebarang kelemahan pada demokrasi?

SS: Pernahkah anda mendengar kata-kata berikut: "Yang menang tidak semestinya benar dan yang benar tidak semestinya menang"? Disebabkan demokrasi diasaskan pada suara majoriti, maka di sinilah terletaknya kelemahan apabila majoriti rakyat yang mengundi itu terdiri daripada mereka yang jahil atau yang rendah penguasaan ilmunya. Apabila tahap penguasaan ilmu majoriti rakyat rendah maka mereka dengan mudahnya

dapat dimanipulasi oleh pemimpin yang jahat. Pemimpin-pemimpin yang jahat lagi licik akan berjaya mengelirukan majoriti rakyat yang jahil untuk mengundi mereka. Manakala pemimpin yang benar-benar berjuang untuk rakyat telah difitnah oleh pemimpin jahat dan rakyat mempercayainya lalu tidak mengundi pemimpin yang baik itu. Jika hal seperti ini berlaku, maka benarlah kata-kata tadi: "Yang menang tidak semestinya benar dan yang benar tidak semestinya menang". Inilah kelemahan yang terdapat pada demokrasi. Jika peristiwa seperti ini berlaku berterusan dalam sesebuah negara, maka malanglah bagi rakyat negara tersebut.

AR: Bagaimana dengan penyelewengan dalam demokrasi?

SS: Yang ini banyak. Ramai yang bertopeng di sebalik demokrasi untuk mengabui mata rakyat yang sedia "buta", "rabun", "separuh celik" atau yang "celik tapi buta". Seperti Amerika dan Britain. Masing-masing mengamalkan demokrasi, tetapi demokrasi mereka adalah demokrasi yang fasis dan impearilis! Pemimpin yang jahat dan tidak bermoral sahaja yang mengamalkan demokrasi fasis-

impearilis ini. Tetapi yang saya hairan, rakyat kedua-dua negara ini duduk buat apa? Terutamanya Amerika. Sejak sekian lama pemimpin mereka mengamalkan tindakan jahat fasis-impearilis ini, mengapa rakyat Amerika berdiam diri? Mana dia segala jaguh demokrasi mereka. Mana dia jaguh hak asasi manusia mereka? Mana dia jaguh moral mereka? Mana dia jaguh keadilan mereka? Mana dia jaguh perdamaian mereka? Mana dia intelektual-intelektual tersohor mereka. Alvin Toffler jaguh futuris dan moralis di mana anda? Semuanya *SHIT* belaka! (Dengan apologi kepada Shahnon Ahmad- Tabik Cikgu! Cikgu jangan bimbang, perkataan ini orang putih dah lama menggunakan sebelum cikgu. Mereka sebut *Bull Shit*. Tapi cikgu sebut *shit* lain yang lebih hebat aromanya daripada *bull*). Bill Gates duduk buat apa? Duduk buat apa, duduk kumpul duit lagi la!

AR: Bagaimana dengan di Malaysia?

SS: Apa pendapat anda?

AR: Saudara tanya saya balik? Bolehkah saya menjawabnya. Saya ditugaskan untuk bertanya saja!

- SS: Mana ada undang-undang kata tak boleh? Cuba jawab.
- AR: Saya ingat di Malaysia lebih kurang macam di sana juga.
- SS: Saudara kena hati-hati dengan ungkapan lebih kurang tu. Jawab biar jelas!
- AR: Saya ingat demokrasi di Malaysia banyak kurangnya berbanding dengan di Amerika dan Britain. Kebebasan bersuara mereka lebih luas ruangnya. Saya dengar di London ada suatu tempat disediakan untuk Sudut Pidato (*Speaker's Corner*) di Hyde Park. Kita belum ada sudut yang seperti itu. Di tempat itu orang ramai bebas untuk mengeluarkan pendapat mereka. Malaysia juga kurang kerana kita belum lagi menjadi, impearis! Calon-calon presiden Amerika dibenarkan berdebat secara *live* di TV yang dipancarkan bukan hanya di Amerika tetapi ke seluruh dunia! TV kita belum bersedia lagi untuk membuka ruang perdebatan antara calon-calon BN dan Barisan Alternatif. Ini juga merupakan kekurangan demokrasi kita.
- SS: Yang lebihnya?

AR: Yang lebihnya, saya belum ingat apa-apa lagi!

SS: Yang lebihnya Malaysia ada ISA. Britain tidak ada ISA walaupun mereka yang memperkenalkan ISA di negara kita semasa menjajah dulu. Amerika pun tidak ada. Tapi dengar khabar pemimpin kita kata Amerika pun akan tiru Malaysia untuk adakan ISA, versi Amerika agaknya. Hebat juga Malaysia dalam konteks ini. Inilah yang dikatakan Malaysia boleh! Bertambahlah lagi senarai Malaysia Boleh kita.

AR: Bagaimana dengan politik perkauman?

SS: Politik perkauman adalah bahaya, jahat, antidemokrasi dan antikemanusiaan. Sampai bila-bila pun ia tidak sesuai diamalkan. Begitu juga agama, tidak harus dijadikan sebagai alat membahagi-bahagi dan melaga-lagakan manusia demi mencapai sesuatu tujuan para pemimpin yang opurtinis dan jahat. Realiti yang ada dengan jelas di depan mata kita sekarang ialah, penindasan kelas. Penindasan kelas ini boleh dilihat di peringkat dalaman sesebuah negara atau di peringkat global. Di peringkat global, kita lihat kelas pemimpin negara-negara maju

bersatu tanpa mengira bangsa dan kepercayaan untuk kepentingan mereka sendiri. Pemimpin-pemimpin dari negara-negara *super power* pula membentuk satu lagi jenis kelas pemimpin. Tujuan kelas-kelas pemimpin ini tidak lain tidak bukan adalah untuk mengenakan pengaruh dan tekanan ke atas negara-negara lemah dan tidak maju. Dengan perkataan lain mereka menindas negara-negara yang lemah dan kurang maju iaitu melalui penjajahan bercorak baru yang lebih dikenali sebagai globalisasi itu. Begitu juga halnya di peringkat dalaman sesebuah negara. Penindasan kelas berlaku. Kelas di peringkat atasan tidak kira apa bangsanya apa kepercayaannya boleh bersatu dengan harmoninya. Mengapa boleh bersatu dengan begitu erat dan mesra sekali? Jawabnya, mereka berada dalam kelas yang sama. Kelas elit. Kelas koporat. Kelas jutawan. Kelas bilionwan. Realitinya sekarang ialah kelas yang kaya menindas kelas yang miskin. Kelas berkuasa menindas kelas yang lemah. Penindasan kelas sungguh kejam. Sesuatu bangsa boleh menindas bangsanya sendiri. Jangan terkejut jika suatu masa nanti ada ahli keluarga akan menindas ahli keluarganya sendiri hanya kerana

mereka berbeza kelas!

AR: Apakah yang saudara faham dengan keadilan? Bolehkah keadilan dicapai?

SS: Keadilan ialah suatu keadaan di mana seseorang manusia itu diberi dan menikmati hak-hak asasi sebagai seorang manusia. Di antara hak-hak itu ialah: hak untuk hidup, hak untuk mendapat perlindungan (rumah), hak untuk mendapat ilmu, hak untuk mendapat pekerjaan, hak untuk mendapat kesihatan dan lain-lain lagi. Ringkasnya keadilan adalah suatu keadaan di mana seseorang mendapat hak untuk hidup sejahtera dari segi fizikal, mental, rohani sosial dan emosi. Keadilan akan wujud apabila setiap institusi masyarakat/negara senantiasa berusaha memperbaiki keadaan unsur-unsur yang baru disebut tadi terhadap golongan massa yang merupakan golongan yang terbanyak yang serba kekurangan dan yang memerlukan pembelaan. Bagaimana untuk merealisasikan keadilan? Keadilan tidak akan tercapai hanya dengan bercakap dan berbahas mengenainya. Keadilan juga tidak akan tercapai kalau wujud ketidakadilan. Apa dan siapakah yang bertanggungjawab untuk menjamin keadilan tercapai? Jawabnya

sudah tentulah pemerintah, yang bertindak sebagai pelaksana dasar-dasar yang berkaitan dan pihak agensi-agensi tertentu sama ada awam atau swasta. Kesemua mereka yang bertanggungjawab ini mesti didedahkan dengan nilai-nilai murni dan akhlak yang tinggi. Pastikan nilai-nilai murni dan akhlak ini dilaksanakan. Teringat saya suatu ketika pada peringkat awal pemerintahan Dr Mahathir, beliau memperkenalkan beberapa slogan yang sungguh indah bagi pegawai-pegawai kerajaan sebagai panduan dan landasan untuk menjalankan tugas, iaitu slogan seperti "BERSIH,CEKAP, AMANAH", "KEPIMPINAN MELALUI TELADAN", "PERKHIDMATAN CEMERLANG" , " PERKHIDMATAN YANG TELUS " dan ada lagi. Sekarang slogan-slogan ini sudah tidak kedengaran lagi. Mungkin sudah tidak suka diamalkan lagi. Mungkin sudah tidak relevan lagi! Pemimpin-pemimpin kita pun sudah tidak bercakap lagi mengenainya. Yang bercakap ialah *lawyer-lawyer* buruk di tepi jalan yang membuat cerita tentang barisan kepimpinan sekarang, ramai yang tidak boleh diteladani. Ramai yang tidak amanah. Ramai yang tidak telus, banyak rahsia yang

disembunyikan (kecualilah rahsia-rahsia rasmi kerajaan yang kadang-kadangnya ada juga yang tersesat di dalamnya rahsia peribadi individu tertentu!) . Untuk menjamin pelaksanaan itu dilaksanakan maka satu sistem pemantauan dan sistem akauntabiliti diwujudkan. Dan sistem pemantauan dan akauntabiliti ini mesti diperlakukan dari peringkat bawah hingga ke peringkat negara. Tiga tonggak utama perjalanan kerajaan kita ialah Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman. Ketiga-tiga tonggak ini perlu bebas dan saling telus dan akauntabel. Jangan ada yang satu mempengaruhi dan menguasai yang lain. Hanya dengan demikian barulah keadilan rakyat terbanyak terjamin. Contoh akauntabiliti yang pertama ialah para pemimpin daripada segenap lapisan dan peringkat mesti mengisyiharkan harta mereka. Daripada pemimpin bawahan hingga kepada Perdana Menteri! Inilah yang dikatakan ketelusan dan akauntabiliti dari segi teori dan praktisnya! Jika tidak, semuanya omong kosong belaka! Cakap tak serupa bikin.

AR: Siapa pula yang bertanggungjawab untuk memantau ketiga-tiga tonggak ini menjalankan tugas masing-masing

dengan betul dan saling telus dan akauntabel?

SS: Kewibawaan rakyat. Untuk itu rakyat perlu berani. Untuk berani rakyat perlu berilmu. Tanpa ilmu rakyat akan berada dalam keraguan, kebimbangan, kekeliruan, ketakutan dan lantaran itu akan senantiasa ditindas. Ini kerana sejarah turun temurun telah membuktikan, bahawa mereka yang jahil senantiasa menjadi mangsa mereka yang cerdik, yang berilmu. Jadi rakyat perlu berilmu untuk jadi orang yang berani memantau dan menegur pemimpin-pemimpin yang diamanahkan untuk melaksanakan keadilan untuk rakyat. Pemimpin yang tidak menjalankan amanah rakyat adalah pemimpin yang mengkhianati rakyat dan pemimpin seperti itu perlu diberhentikan sama ada melalui pilihanraya atau melalui undi kepercayaan (*vote of confidence*).

AR: . Bagaimana dengan golongan intelektual? Siapakah mereka dan apakah peranan mereka?

SS: Intelektual ini sering dikaitkan dengan mereka yang berkelulusan universiti. Umum faham begitu. Tapi hakikatnya ia tidak semudah itu. Belajar di

universiti bukan jaminan seseorang boleh menjadi intelektual. Intelektual ada kaitan dengan kegiatan berfikir. Dengan kata lain seorang intelektual itu adalah seorang pemikir yang sentiasa berfikir dan mengembangkan ideanya dan menyumbangkan ideanya untuk kesejahteraan masyarakat. Dia juga adalah seorang yang mempergunakan ilmu dan ketajaman fikirannya untuk mengkaji, menganalisis, merumuskan segala perkara dalam kehidupan manusia, terutama masyarakat di mana dia hadir khususnya dan di peringkat global amnya untuk mencari kebenaran dan menegakkan kebenaran itu. Lebih daripada itu seorang intelektual juga adalah seorang yang kenal akan kebenaran dan berani pula memperjuangkan kebenaran itu, orang yang kenal kebebasan dan berani pula memperjuangkan kebebasan itu, meski bagaimanapun tekanan dan ancaman yang dihadapinya, terutama sekali kebenaran, kemajuan dan kebebasan untuk rakyat.

AR: Berat sekali bunyinya tu!

SS: Memang berat. Kerana peranan intelektual itu sungguh murni. Dia bukan hanya sekadar berfikir tentang kebenaran tetapi harus menyuar-

kannya walau apapun rintangannya. Dia juga harus memihak. Dia tidak boleh berkecuali. Dan harus memihak kepada kebenaran dan keadilan. Dia tidak boleh jadi intelektual bisu. Kecualilah dia betul-betul bisu atau dibilisukan. Kalau dia betul-betul bisu pun dia masih boleh bertindak dengan menyatakan fikiran melalui penulisan yang akhirnya akan sampai juga kepada orang ramai. Inilah yang dikatakan intelektual bisu yang tidak bisu. Sebaliknya terdapat intelektual yang tidak bisu tapi bisu. Dia menjadi bisu mungkin kerana dia takut atau dia berkepentingan. Maka intelektual seperti ini adalah intelektual palsu. Intelektual palsu akan mengabui mata dan minda rakyat dengan kebenaran palsu dengan menyelewengkan fakta dan pernyataan-pernyataan yang mengelirukan yang tidak pro rakyat terbanyak. Intelektual palsu banyak menggunakan retorik-retorik kosong.

AR: Boleh saudara sebutkan beberapa nama mereka yang layak diberi status intelektual di negara kita?

SS: Saya fikir, kita tidak perlu menyebut nama-nama mereka di sini. Kalau saudara rajin membaca majalah-majalah (yang ilmiah), jurnal-jurnal,

suratkhabar, menonton TV melalui program-program seperti "Bicara Siswa" misalnya atau menghadiri seminar-seminar, wacana-wacana, kolokium-kolokium dan entah apa-apa lagi, saudara akan ketemui mereka ini. Kalau hendak mudah terus saja pergi ke universiti-universiti yang ada di Malaysia ini, berjumpalah saudara dengan mereka.

AR: Macam mana kita hendak pastikan yang mana satu intelektual yang benar dan yang palsu.

SS: Saudara boleh rujuk kepada kriteria-kriteria yang saya beri di atas sebagai panduan. Yang selebihnya saudara gunalah budi bicara dan kebijaksanaan sendiri dalam membuat penilaian. Mudah-mudahan saudara akan kenal di antara mereka ini mana yang benar mana yang palsu.

AR: Bagaimana pula tentang rakyat Malaysia.?

SS: Seperti yang saya sebut pada awalnya, rakyat Malaysia sungguh indah dengan kepelbagaian etnik dan budayanya . Ada keindahan *unity in diversity*. Tetapi dalam keindahan itu juga ada cabaran dan bahayanya yang tersendiri

jika disalah urus oleh pihak-pihak tertentu yang opurtinis dan berkepentingan jahat. Masalah masyarakat *plural* seperti Malaysia adalah masalah perpaduan. Perpaduan di negara ini belum cukup murni lagi. Ucapan-ucapan perpaduan di kalangan pemimpin tertentu terutamanya kalangan pemimpin arus perdana masih lagi berbau *pretentious*. Beberapa penunjuk yang ketara sekali ialah parti-parti politik yang terdapat di negara ini, terutamanya parti politik arus perdana BN, masih lagi berdasarkan perkauman. Semasa bercakap di khalayak para pemimpin masing-masing bercakap tentang perpaduan, tetapi apabila balik ke kelompok masing-masing mereka bercakap tentang kaum/bangsa masing-masing. Saling tidak percaya dan curiga-mencurigai masih berlaku di antara parti-parti komponen BN. Tetapi tanda-tanda positif bibit-bibit perpaduan yang lebih murni sedang tumbuh dan berkembang melalui parti seperti Parti Keadilan Rakyat. Ini suatu perkembangan yang amat sihat kepada masa depan Malaysia yang bersatu padu. BN sepatutnya mencontohi Parti Keadilan Rakyat ini! Begitu juga parti-parti lain yang bersifat perkauman elok berubah.

AR: Apakah pandangan dunia saudara tentang kehidupan?

SS: Salah satu aspek penting tentang kehidupan sejak dulu hingga sekarang ialah wujudnya dualisme unsur baik dan unsur jahat. Unsur dualisme ini amat mempengaruhi kehidupan manusia, walaupun konsep baik dan jahat adalah sesuatu yang subjektif mengikut kelompok-kelompok manusia tertentu dengan budaya masing-masing yang tersendiri. Namun begitu kita masih dapat melihat beberapa nilai universal tentang aspek baik dan jahat ini. Di antara nilai-nilai universal yang baik ini ialah seperti: perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan, berperikemanusiaan, kehidupan beragama dan bermoral serta berakhhlak mulia, bertoleransi, hormat-menghormati sesama manusia, saling membantu dan bekerjasama, membuat kebaikan sesama manusia dan banyak lagi kebaikan yang boleh dilakukan. Jika ada manusia atau golongan manusia yang melanggar atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai-nilai kebaikan yang universal ini maka orang itu atau golongan sepertinya sudah jelas merupakan orang-orang yang jahat. Sebagai contoh ambil amalan dwi-

standard Amerika dalam menangani masalah di Timur Tengah. Kepada Amerika, Palestin dan Iraq adalah ganas. Tapi Israel tidak ganas. Lalu Amerika mengambil tindakan menyerang Iraq dengan kejamnya atas alasan memerangi keganasan tapi membiarkan keganasan Israel ke atas orang-orang Arab Palestin. Tindakan Amerika itu terang-terang jahat! Dan kejahatan juga adalah suatu unsur yang universal. Ia berlaku di mana-mana. Unsur jahat boleh dilihat dalam bentuk rasuah. Jika ada sesiapa memberi, menerima, membenar atau apa lagi melindungi rasuah, maka sudah jelas orang itu adalah jahat. Rasuah boleh merosakkan ekonomi negara. Dan ekoran itu juga rasuah boleh merosakkan institusi-institusi lain di negara kita. Pada fikiran saya orang-orang yang jahat ini tidak ramai. Tapi walaupun tidak ramai, kehadiran mereka sudah cukup untuk menimbulkan huru-hara dan merosakkan keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat terbanyak. Di antara orang yang jahat ini adalah terdiri daripada mereka yang berkuasa. Sama ada kuasa politik, kuasa ekonomi, kuasa fizikal atau segala bentuk kuasa yang lain yang tidak ada pada rakyat terbanyak. Lazimnya

orang-orang yang berkuasa ini adalah golongan yang minoriti . Kita ambil contoh perompak. Perompak tidak ramai. Tapi kehadiran mereka amat ditakuti. Orang yang menguasai ekonomi boleh menindas orang miskin. Orang yang berilmu juga boleh menjadi penindas! Bunyinya macam tidak percaya. Bunyinya aneh tapi benar. Orang yang berilmu yang menindas inilah yang dikenali sebagai *the educated barbarians*. Daripada *the educated barbarians* inilah lahirnya para penguasa ekonomi yang menindas, penguasa politik yang menindas, penguasa ketenteraan yang menindas dan segala macam penguasa lagi yang bersifat babarik. Kita jangan terkejut jika terdapat seorang doktor yang jahat, seorang peguam yang jahat, seorang hakim yang jahat dan banyak lagi orang terpelajar yang jahat. *The educated barbarians* ini ada yang dapat kita kenal dan ada yang tidak dapat dikenal. Yang tidak dapat dikenal itu yang paling membahayakan. Ada yang berselindung di sebalik kata-kata yang lembut, merdu, lunak, tingkah laku yang lemah lembut dan sopan. Yang berselindung inilah biasanya termasuk dalam kategori *the educated barbarians* yang berbahaya tadi.

- AR: Bagaimana hendak mengenali *the educated barbarians*? Dan bolehkah mereka dihapuskan?
- SS: Ini adalah persoalan yang berat tapi amat menarik. Untuk mengenali *the educated barbarians* ilmu diperlukan. Hanya ilmu dapat mengalahkan ilmu. Sepertimana kita merawat bisa ular dengan menggunakan bisa ular itu juga! Setelah mempunyai ilmu kita perlu berani mendepani mereka. Dan untuk berani juga memerlukan ilmu!
- AR: Kata orang, ilmu juga ada dua, iaitu ilmu baik dan ilmu jahat?
- SS: Tepat sekali. Itulah yang saya maksudkan dualisme penting dalam kehidupan sebentar tadi. Tuhan tidak akan jadikan para syaitan kalau bukan untuk kejahatan! Dan para syaitan ini tidak bersendirian sekarang dengan adanya segolongan manusia yang menyertai mereka! Mungkin ramai para syaitan sudah bersara kerana tempat mereka telah diambil alih oleh para syaitan manusia!
- AR: Nampaknya misi para syaitan sekalian di muka bumi ini sudah tercapai, sudah berjaya?

- SS: Nampaknya begitulah.
- AR: Tapi, mampukah kita melawan syaitan-syaitan manusia ini?
- SS: Seperti yang saya katakan tadi, pertama kita perlu mengenali mereka. Untuk itu kita perlu berilmu. Ilmu itu terlalu luas dan pelbagai. Sebagai individu sudah tentu kita tidak mampu menguasai ilmu yang luas dan pelbagai itu. Kita perlu bergabung tenaga dengan penguasaan ilmu kita masing-masing. Barulah kita menjadi kuat. Ini kerana mereka, para syaitan manusia itu juga bergabung tenaga. Mereka tidak bertindak secara individu. Sejak sekian lama para syaitan manusia ini telah berjaya dengan tindakan kesyaitanan mereka dengan cara bergabung. Dengan kata lain mereka bertindak secara bersinergi! Kalau saudara pernah mendengar istilah-istilah seperti "konglomerat, konsortium dan syarikat multinasional", inilah platform-platform mereka beroperasi. Di antara ilmu awal untuk mengenali mereka ini ialah ilmu "Pemikiran Kritis". Pemikiran Kritis mengajar kita untuk jadi kritis! Kita tidak akan mudah terpengaruh dan percaya akan apa yang kita dengar dan lihat. Kita akan memeriksa, menyiasat, mengkaji,

menyelidik sehingga kita sah akan kebenarannya, baru kita percaya. Di dalam hal ini elakkan diri kita daripada menjadi keliru. Kekeliruan akan terjadi apabila kita tidak berilmu dan tidak kritis. Jika kita tidak mempunyai ilmu dalam satu-satu perkara, bertanyalah kepada orang yang berilmu dalam bidang yang berkaitan. Jangan buat-buat pandai seperti orang yang berilmu. Di antara ilmu-ilmu yang kita patut tahu ialah tentang politik, ekonomi, agama dan kemahiran berfikir. Apabila kita berilmu, kita menjadi seorang yang faham dan tahu. Apabila kita faham dan tahu akan sesuatu perkara, orang tidak boleh "goreng" kita lagi. Orang tidak boleh tipu dan perbodoh kita lagi. Bahayanya jika kita keliru ialah kita akan memilih sesuatu yang palsu yang kita anggap benar. Jika kita keliru, kita akan menolak sesuatu yang benar yang kita anggap palsu! Jika ini berlaku, maka kita telah melakukan suatu kesilapan yang maha besar dalam hidup kita. Lebih-lebih lagi dalam memilih pemimpin. Memilih pemimpin ini bagaikan penjual dan pembeli. Pemimpin sebagai penjual dan kita sebagai pembeli. Kita harus menjadi pembeli yang bijak. Pembeli yang bijak akan hanya membeli barang yang

bermutu dengan harga yang patut. Jika penjual itu menjual barang yang tidak bermutu dan cuba menipu dengan mendakwa barang berkualiti tinggi lalu meletak pula dengan harga yang tinggi, maka kita jangan membelinya. Dalam menentukan kualiti barang inilah kita memerlukan ilmu jika tidak kita akan ditipu oleh penjual yang tidak bermoral.

Pemimpin juga seperti penjual, ada yang baik ada yang jahat. Senantiasalah elakkan daripada membeli daripada penjual yang jahat. Bercakap tentang barang ini, teringat saya falsafah yang diamalkan oleh orang-orang Jepun, iaitu "*The best is yet to come*". Yang terbaik itu berada di depan. Orang-orang Jepun tidak mengaku yang mereka sudah mencapai yang terbaik. Mereka belum berpuas hati dengan pencapaian semasa mereka. Kerana itu bangsa Jepun merupakan bangsa yang termaju di dunia sekarang, sama ada kita setuju atau tidak setuju, itulah hakikatnya. Falsafah yang Jepun pegang ini selaras dengan ketidakterbatasan ilmu Tuhan yang ada di alam ini. Kerana itu Orang-orang Jepun tidak pernah berhenti mencipta. Mereka tidak mudah terperangkap dalam zon selesa. Mereka tidak pernah berhenti membuat penambahbaikan

dari segi kualiti dan penciptaan baru. Saya fikir falsafah "*The best is yet to come*" ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang kehidupan kita termasuk dalam memilih sistem pemerintahan dan pemimpin negara. Kita jangan cepat berpuas hati dengan set pemimpin dan sistem yang sedia ada. Kita perlu membuat penambah baikan. Yang terbaik itu berada di depan. Katakan kita memiliki seorang pemimpin yang baik. Baguslah jika kita memiliki pemimpin yang baik. Tapi jangan lupa, mungkin ada yang lebih baik. Tapi jika kita hanya berpuas hati dengan yang baik itu saja, kita tidak akan mendapat yang lebih baik yang ada di depan kita. Ingat: "*The best leader is yet to come!*"

AR: Adakah ini juga bermakna kita perlu dan berani membuat perubahan?

SS: Persis sekali. Tapi jangan lupa, perubahan itu ada dua, iaitu sama ada ke depan atau ke belakang! Perubahan bukanlah sesuatu yang mesti ditakuti, digeruni. Perubahan adalah sesuatu yang mesti dicari dan dilalui. Sesbuah kapal yang dibina bukan untuk ditambat di pelabuhan, tetapi untuk dilayarkan dengan maksud menuju dan sampai ke destinasi seperti yang dicita-citakan.

Perubahan bukanlah sesuatu yang aneh dan pelik. Setiap sesuatu di alam ini mengalami perubahan. Perubahan adalah fitrah alam. Jika ada sesiapa yang cuba menentang fitrah ini dia akan mengalami permasalahan.

AR: Terima kasih.

SS: Bagaimana?

AR: Fahamlah saya sekarang.

SS: Faham apa?

AR: Faham akan apa yang berlaku di negara kita sejak dua dekad lebih mutakhir ini dan juga sebelumnya. Terima Kasih.

SS: Sama-sama.

## BICARA TENTANG MAHATHIR



**Wawancara Mohd Hafiz Salim dengan JINS SHAMSUDDIN,**

**MHS:** Dato', saya ingin bertanya Dato', apakah sumbangan Dr. Mahathir yang paling besar kepada negara dan rakyat?

**Jins:** Sumbangan Dr. Mahathir? Pertama sekali Dr. Mahathir membangunkan Malaysia. Dari segi fizikalnya, kita tidak pernah mimpi sebelumnya, bahawa kita akan ada kereta sendiri. Itu sumbangan dia, itu hasil pemikiran dia. Kita kini ada LRT, monorail dan macam-macam lagi. Sistem hari ini cukup menarik. Idea Dr. Mahathir juga telah membangunkan Putrajaya. Dulunya estet, kini Putrajaya, kita tidak pernah bermimpi juga sebelumnya. KLCC, dulu lumba kuda di situ. Ini mercu tanda. Selain itu, dulu jika pelancong datang ke sini, mereka ke kota Melaka, mengambil gambar kota yang bukan boleh mengangkat martabat kita. Itu tanda kita dijajah. Kini Dr. Mahathir mengubah persepsi dan pemikiran mengenai Malaysia

\* Dato' Jins Shamsuddin ialah pengarah filem, pelakon yang terkemuka. Beliau berkebolehan dan aktif memberikan penerangan tentang pencapaian UMNO dan kerajaan

kepada sebuah negara membangun. Dari segi pemikiran pula Dr.Mahathir telah mengubah pemikiran rakyat khususnya orang Melayu bagi mengangkat martabat bangsa supaya maju setanding dengan bangsa lain dan tidak mudah diperkotak-katikkan serta tinggi ketamadunannya. Ini dibangunkan oleh Dr.Mahathir dalam banyak ucapan-ucapan beliau sama ada dalam negara atau luar negara bagi mengangkat martabat bangsa dan negara di mata dunia. Ini sesuatu yang tidak dilakukan oleh pemimpin sebelumnya, barangkali mungkin tidak berkesempatan. Ini adalah sesuatu yang kita anggap Dr.Mahathir adalah sebagai *architect of Malaysia*. Beliau membina Malaysia, walaupun sudah diusahakan oleh Tunku Abdul Rahman dalam mencapai kemerdekaan. Tetapi mencapai kemerdekaan saja tidak bererti apa-apa jika kita tidak isi serta dibina kemerdekaan itu. Kemerdekaan yang ada itu hanya tinggal merdeka. Banyak negara yang telah merdeka. Kita lihat negara-negara lain merdeka tetapi mundur kerana tidak dibangunkan kemerdekaan itu. Pemikiran Dr.Mahathir mengisi ] kemerdekaan itu dengan memberi segala suntikan semangat dan jiwanya supaya kita menganggap bahawa

dengan izin Allah dan kita berusaha bersungguh-sungguh kita boleh berjaya. Rintangan dan halangan yang dihadapi olehnya dapat diatasi dengan cara yang cukup bijaksana. Tidak sehingga menghancurkan negara. Beliau *very calm*, pandai bijaksana menyelesaikan masalah-masalah umpamanya tentang krisis-krisis kepimpinan. Salah satu daripadanya beberapa pemimpin-pemimpin negara telah melakukan sesuatu. Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Muhammad Taib, Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh. Ada yang telah terkeluar dari parti. Namun Dr.Mahathir mengambil tindakan secara tenang. Terdapat yang mengatakan beliau gila kuasa. Tetapi ini semua dibuktikan dalam masa terdekat bahawa beliau ingin meletakkan Malaysia ke tangan orang yang dapat meneruskan perjuangannya. Jika beliau melepaskan jawatannya kepada orang yang tidak dapat meneruskan perjuangan yang menentukan masa depan Malaysia, tentulah negara akan berpecah belah, kucar-kacir dari segi ekonomi dan sebagainya. Beliau juga kalau kita lihat bukan *economist*, tetapi dapat menyelesaikan soal ekonomi. Kita lihat tahun 1997, seluruh dunia pinjam wang kepada IMF. Tetapi Dr.Mahathir

mencari jalan lain supaya tidak meminjam dari IMF. Ini kebijaksanaan, kalau bukan dia barangkali sebagai pemimpin negara dan selaku Menteri Kewangan ketika itu, tentu tidak terjadi demikian. Mungkin kita akan meminta-minta menjadi peminta sedekah kepada Amerika Syarikat dan lain-lain negara. Ini adalah kebijaksanaan dari pemikiran Dr.Mahathir yang kita lihat secara terbuka dan orang kampung pun faham. Ini semua tidak ramai orang berani melakukan kerana boleh menyebabkan negara *collapse*, tetapi kerana kebijaksanaannya masalah itu dapat diatasi dengan berjaya. Hari ini semua orang puji. Pada tahun 1997 di Hong Kong semua orang cakap Dr.Mahathir gila kuasa kerana melakukan sesuatu yang bertentangan sama sekali dengan pemikiran orang *economist*. Tetapi tahun 1999 semua orang kembali mengatakan ‘bijak Dr.Mahathir’ sehingga kertas kerja, pemikiran yang dibentangkan itu dibawa ke Amerika Syarikat, dibawa oleh Tun Daim pada ketika itu untuk dibentangkan semula. Ini adalah sesuatu sumbangan Dr.Mahathir. Saya rasa sumbangan ini yang tidak boleh diperkecilkan dan tidak boleh dianggap satu usaha bagi mengangkat dirinya. Dia adalah arkitek Malaysia yang ingin

mengangkat martabat bangsa dan negaranya. Dia juga dapat mengatasi masalah keganasan ketika menjadi Menteri Dalam Negeri. Beberapa kumpulan-kumpulan yang ingin merampas kuasa secara bersenjata dan sebagainya, beliau *handle* dengan cara yang bijaksana. Oleh itu ada orang mestilah marah dan mengkritiknya kerana gunakan ISA sebagai satu senjata untuk menahan mereka ini. Tetapi itu adalah untuk bangsa dan negara. Kalau dibiarkan apa akan terjadi apabila mereka telah merampas senjata di Grik sehingga akan menghancurkan negara dan mungkin akan merebak dengan lebih besar. Baru-baru ada lagi kumpulan yang mengaku wakil dari Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan satu kumpulan kononnya untuk menyekat daripada anasir-anasir luar sedangkan mereka ini adalah kumpulan yang akan menentang dan akan menghancurkan negara. Ini semua adalah pemikiran yang amat bijak,. Tidak ada mana-mana negara Perdana Menterinya hampir setiap bulan ke luar negara. Sebab kalau selalu ke luar negara, dalam negara akan kucar kacir. Kita lihat Suharto kembalinya dari luar negara, balik turun di lapangan terbang orang dah jatuhkannya. Jadi kita lihat, Dr.Mahathir pergi satu dunia dia balik

tetap teguh kerana beliau sudah bina kekuatan yang ada di kalangan pemimpin-pemimpin dengan fikiran ke arah membina kepentingan bangsa bukan kepentingan peribadi. Oleh sebab itu tidak pernah terjadi rampasan kuasa cuma ada kumpulan kecil yang berusaha ke arah itu tetapi gagal kerana kebijaksanaannya. Jadi ini kalau kita lihat adalah jasa yang terbesar yang dilakukan, iaitu yang pertama adalah membangunkan negara dan keduanya pemikirannya dapat mempertahankan maruah bangsa. Ini disematkan dalam pemikiran khususnya orang Melayu dan rakyat Malaysia seluruhnya. Cintakan negara, cintakan bangsa, cintakan bahasa, cintakan agamanya diletakkan di hadapan bukan cintakan kepada pemimpin sahaja. Pemimpin adalah sebagai satu tonggak penggerak menjadikan rakyatnya cintakan bangsa dan negara.

**MHS:** Apakah pandangan Dato' tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam?

**Jins :** Kita melihat negara-negara Islam seluruh dunia. Saya juga pernah pergi banyak negara-negara Islam. Tetapi negara-negara Islam di luar berbeza dengan negara Islam Malaysia. Perbezaannya amat jauh sekali, kalau

kita lihat di Uzbekistan misalnya saya lihat Islam di sana keislamannya tidak begitu kental seperti yang ada di sini. Barangkali mereka mengikut mazhab yang berbeza tetapi kalau kita lihat pegangannya tidak begitu kuat. Dari segi kebersihan sebagai contoh, dalam perjalanan saya dari Tuskent ke Bukhara lebih kurang 900 kilometer toilet pun tak ada, negara Islam. Kita terpaksa cari hotel yang besar-besar bertaraf antarabangsa untuk menggunakan tandas. Sebenarnya Islam mementingkan kebersihan. Di mana kita nak ambil air sembahyang? Air tidak ada .Hanya di tepi jalan ada orang menjual air botol sahaja. Itulah yang hanya boleh digunakan untuk pelbagai tujuan. Masjid-masjid di sana juga tidak teratur, banyak masjid di sana yang telah dijadikan *church* masa pemerintahan Russia dahulu. Tetapi apabila dikembali pun mereka masih takut-takut nak bersembahyang dan melaungkan azan. Apabila kami ke situ untuk bersembahyang dan melaungkan azan mereka berasa hairan. Mereka tidak begitu teliti. Kalau kita lihat di sini ada makanan halal dan sebagainya. Jika di sana tak pasti,kita tak berani nak cakap halal atau tidak sebab tidak ada tanda halal. Negara kita usahakan ini sebagai negara Islam. Kita bukan baru

sahaja mengamalkan negara Islam, kita bina semenjak awal lagi. Kalau kita lihat semenjak zaman Inggeris lagi, kita sudah menentukan bahawa agama Islam menjadi agama rasmi, dan agama Islam dipimpin oleh raja-raja yang tidak boleh dipersoalkan. Pihak British juga tidak pernah mengganggu hal-hal yang berhubung dengan Islam, tidak pernah runtuhkan masjid atau tukarkan kepada gereja. Ini kita telah bina sejak awal lagi. Oleh sebab itu wajarlah kita anggap Malaysia negara Islam. Kitalah yang memulakan Tafakul Islam, kita mulakan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam dan sebagainya. Kita bina masjid-masjid di seluruh negara bukan yang biasa-biasa tetapi yang tersergam indah. Maka itu Islam itu ditonjolkan, Islam itu diutamakan, diletakkan di tempat yang tertinggi sekali. Ini semua adalah usaha dari pemimpin kita iaitu Dr.Mahathir. Dari semua ini akan meletakkan kita sebagai satu negara yang memangnya meletakkan Islam di tempat yang tertinggi walaupun kita membenarkan agama-agama lain juga. Kita dapat melihat penonjolan Islam di negara ini adalah lebih tinggi daripada semua agama lain. Semasa upacara kita selalunya memulakan majlis dengan membaca doa. Itu sudah menunjukkan

bahawa kita telah membina sebuah negara yang telah diakui bukan saja oleh orang dalam negara malah dari luar negara. Kita lihat sewaktu pertemuan ulamak-ulamak seluruh dunia baru-baru ini, seorang sheikh dari Universiti Al-Azhar telah mengakui bahawa Malaysia telah mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar. Malaysia bukan sekadar negara Islam malah menjadi negara contoh Islam. Kita bangunkan Islam dengan cara bersungguh-sungguh, cara yang teratur dan cara tersendiri. Mungkin ada beberapa kumpulan-kumpulan kecil yang tidak menganggap bahawa ini adalah sebuah negara Islam, tetapi kita tidak boleh ambil pandangan itu. Pandangan itu pandangan menentang bukan pandangan yang benar-benar datang dari kejujuran hati mereka. Dari itu kita melihat Dr.Mahathir telah membina Islam. Beliau juga telah berucap, telah memberikan pandangan, telah memberikan ciri-ciri dan nilai-nilai Islam melalui ucapan-ucapan dari masa ke semasa bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara. Ini menunjukkan bahawa beliau boleh dianggap seorang ulamak kerana ulamak tidak semestinya hafiz Al Quran. Sebab manusia ini berfikir, kalau dilihat pada zaman dahulu pun

bukan bermula daripada orang yang mempunyai pemikiran dalam bidang agama. Al Quran itu diturunkan hanya 23 tahun selepas Islam diterima. Sebelum Islam diturunkan sudah ada pemikiran-pemikiran untuk membina sebuah negara Islam. Maka pemikiran itu ada pada Dr.Mahathir, seorang ulamak yang berfikir ke arah bagaimana mengangkat Islam itu. Islam ini Addin yang boleh diterima di seluruh dunia. Walaupun terdapat di antaranya yang menganggap Islam itu untuk akhirat. Sedangkan Islam itu untuk dunia dan akhirat, membangunkan bangsa adalah sesuatu yang dianjurkan oleh Islam. Jadi ini dapat diterjemahkan dalam bentuk membangunkan negara berpandukan kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Kalau Islam itu dilihat pada sudut agama dan akhirat sahaja maka kita akan berada di sebuah negara yang mundur. Apabila Islam itu mundur bagaimana kita nak membangun? Tak ada masjid , kolej, universiti. Maka itu, pembangunan Islam itu adalah serentak dengan pembangunan ummah .Kita bangunkan fardhu kifayah dan fardhu ain secara serentak. Ini dilakukan olehnya, beliau tidak pernah melupakan pembangunan fardhu kifayah. Pembangunan ini dapat membuka mata dunia melihat bahawa Islam di Malaysia

adalah hebat. Ini bukan sahaja mengangkat nama pemimpin kita tetapi negara. Dalam bulan 10 2003 kita menganjurkan Persidangan Negara Islam OIC yang secara jelas telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ini adalah antara penghargaan yang diberikan bahawa negara ini adalah negara Islam yang sebenarnya bukan negara Islam yang hanya kita sebut-sebut saja. Ini adalah pemikiran Dr.Mahathir yang dilaksanakan menerusi segala acara-acara Islam itu.

**MHS:** Apakah pandangan Dato' tentang kewibawaan Pak Lah dalam menggantikan Dr.Mahathir?

**Jins :** Kalau kita lihat Dr.Mahathir sudah 22 tahun lamanya menjadi Perdana Menteri.Dan kita lihat juga beliau pernah terkeluar satu ketika. Ini dibandingkan apabila Dr.Mahathir dipecat daripada UMNO, sebagai ahli parti beliau patuh kepada parti. Dia tidak menentang parti, yang memecatnya itu. Tetapi pemecatannya itu memberinya semangat yang lebih kental. Ada orang apabila dipecat memberontak. Maka jadilah seorang yang beralih haluannya daripada parti kiri atau menjadi pembangkang

menentang parti yang pernah dianggotainya. Tetapi tidak kepada Dr.Mahathir. Dan kita lihat falsafah yang ada itu pada Dr.Mahathir menjadi satu falsafah pada pemimpin-pemimpin UMNO selepas ini. Siapa saja yang bertentangan dengannya, menentangnya kalau kita lihat, akan gagal. Contohnya Tengku Razaleigh yang menentangnya dalam merebut jawatan presiden pada masa itu, dan ia kalah lalu keluar. Apabila keluar daripada parti maka ditubuhnya parti lain, dan menentang Dr.Mahathir bertanding dan akhirnya ia kalah. Akhirnya ia kembali ke pangkal jalan, ia bubarkan parti itu. Ia balik kepada UMNO. Ini adalah kebenaran Dr.Mahathir, kerana apa yang dilakukan itu adalah benar. Dia pernah mengundang semula dengan menawarkan jawatan apabila Tengku Razaleigh kalah dalam pertandingan merebut jawatan presiden tetapi ditolaknya bahkan selepas itu ditubuhnya Parti Semangat 46. Dr.Mahathir telah meletakkan satu prinsip iaitu walaupun dia dipecat, diusir tetapi dia tidak menentang parti kerana parti itu adalah satu landasan untuk membina negara bukannya untuk peribadi. Kita lihat falsafah itu telah diikuti oleh Pak Lah. Apabila Pak Lah terkeluar daripada kabinet selama

beberapa tahun, Pak Lah tidak pernah menentang parti, tidak pernah menentang Dr.Mahathir. Dia terus membantu dan menyokong UMNO. Dia pergi ke mana-mana, semuanya dilakukan untuk UMNO, dia terus menjadi orang UMNO, dia menjadi pemimpin UMNO walaupun tidak berada dalam kabinet. Walaupun ada ura-ura untuk menariknya masuk ke dalam parti pembangkang tetapi tidak terjadi di atas kekuatan dan falsafah yang telah diletakkan oleh Dr.Mahathir. Falsafah itu diikuti oleh Pak Lah. Oleh kerana itu, maka akhirnya dia kembali bukan saja kembali sebagai seorang ahli parti tetapi sebagai Timbalan Perdana Menteri yang amat dekat dengan Perdana Menteri. Sedangkan sebelum itu apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tersingkir dia menentang parti. Dari itu jelas dilihat bagaimana Dr.Mahathir melihat pemimpin bawahannya. Apabila menentang parti ia akan hancur kerana menentang parti adalah bertentangan dengan prinsip pembangunan negara. Menentang peribadi berbeza, dia menentang parti, maka itu hancurlah. Dan akhirnya kita lihat Pak Lah, kerana tidak menentang parti dan sentiasa membangunkan parti akhirnya dia dipanggil semula menyertai kabinet dan

dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tentunya apa yang ada pada Pak Lah telah dinilai dan dirancang oleh Perdana Menteri. Kita lihat urutan Dr.Mahathir dengan Pak Lah tidak jauh bezanya. Masing-masing telah terkeluar tetapi tidak melawan parti malah terus berbakti kepada parti sehingga diterima semula. Akhirnya Dr.Mahathir telah menjadi Perdana Menteri manakala Pak Lah telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Semua ini diperhatikan oleh Pak Lah. Itu prinsip dan diikutnya ke landasan yang benar. Pak Lah juga adalah orang yang mempunyai latar belakang agama dan bapaknya seorang pemimpin agama. Maka itu beliau melihat segala yang dilakukan oleh Dr.Mahathir ini adalah benar. Jadi kebenaran itu diikut maka akhirnya dengan izin Allah penghujung 31 Oktober ini, maka Pak Lah akan ditabalkan menjadi Perdana Menteri. Dr.Mahathir adalah orang yang bijak bagi saya, dia *test* setiap pemimpin bawahannya yang hendak diberi tempat. Dulu juga dia pernah uji pemimpin sebelumnya, dia ke luar negara selama 3 bulan dan ternyata ada berlaku perkara-perkara yang bertentangan. Lalu dia pulang, dia terpaksa perbetulkan semula apa yang

dilakukan oleh pemangkunya yang dianggap tidak mengikut prinsip dan nilai-nilai yang telah diatur. Oleh kerana itu dia cuba sekali kepada Pak Lah kaedah yang sama, dan apabila Dr.Mahathir pulang dia umumkan Pak Lah telah lulus sebagai Pemangku Perdana Menteri dengan cemerlang. Berbeza dengan sebelumnya. Jadi ini menyebabkan bahawa pucuk pemimpin negara ini diserahkan kepada tangan yang akan meneruskan perjuangan Dr.Mahathir. Maka itu saya percaya dan yakin Pak Lah sebagai pemimpin yang akan meneruskan perjuangan yang berunsurkan prinsip-prinsip yang diatur atau disusun oleh Dr.Mahathir kerana tidak ada kepentingan peribadi. Sebab itulah saya anggap Pak Lah bijak untuk melihat bagaimana perjuangannya mengikut prinsip yang sebenarnya.

**MHS:** Adakah kerjasama pakatan antara parti pembangkang akan berkekalan selepas pilihanraya nanti?

**Jins :** Saya melihat tidak. Gabungan parti-parti pembangkang ini kalau kita lihat ada bermusim. Apabila ada pilihanraya maka mereka pun bergabunglah, dengan tujuan untuk memenangi beberapa kerusi di dalam pilihanraya.

Maka itu mereka pun berpeluk-peluk, bergabung dan bersahabatlah buat sementara. Apabila lepas pilihanraya, sahabat-sahabat itu akan berpecah kembali. Ini sudah banyak bukti kita lihat, sebelum ini pun ada terjadi. Itu sudah menjadi satu lumrah, satu trend. Persaudaraan politik ini bolehlah dianggap di dalam politik ini tidak ada musuh yang kekal dan tidak ada kawan yang kekal. Satu hari musuh akan menjadi kawan dan kawan akan menjadi musuh. Kita lihat saja dalam parti-parti lawan hari ini dia berkawan dan menjadi musuh. Jadi saya tidak yakin bahawa gabungan parti-parti pembangkang ini boleh kekal dan akan terus menjadi parti yang kuat. Kita lihat yang dipanggil Barisan Alternatif sebelumnya, saya tidak tahu apa yang akan dipanggil selepas ini. Barisan Alternatif sebelumnya tidak ramai yang menyertainya, kenapa PBS apabila keluar dari Barisan Nasional parti ini tidak pergi ke Barisan Alternatif, ia bersendirian sehingga ketika yang tepat ia kembali kepada Barisan Nasional. Padahal ia boleh bebas ke mana-mana parti. Dr.Mahathir pernah berkata sesiapa pun yang hendak memohon untuk menjadi ahli atau kembali ke BN kita akan timbang. Bererti BN bukanlah satu parti yang

berkepentingan sendiri tetapi berkepentingan umum. Jika ada di antara ahli-ahli BN atau ahli komponen BN yang tidak merestui parti yang ingin memohon kembali, BN tidak akan menerimanya. Ini sebagai satu prinsip parti. Bukan mengambil sebarang parti. Prinsipnya adakah mereka ingin masuk ke parti ini tujuannya untuk membina negara atau hanya untuk mencari sesuatu kepentingan sendiri. Pemikiran pemimpin BN melihat dari sudut itu. Mereka tidak mudah untuk menerima mana-mana parti. Jadi percaturan di kalangan parti-parti pembangkang ini adalah percaturan yang sementara, persahabatan yang sementara, perpaduan yang sementara bagi tujuan pilihanraya. Selepas pilihanraya ia akan menjadi *quiet*, mungkin ia tidak akan umumkan perpecahannya tetapi ia akan menjadi *quiet*. A *silent killer*. Itu sudah menjadi lumrah pemikiran mereka kerana mereka berpendapat dengan bergabung mereka boleh lawan BN. Bererti ada serampang yang berbagai mata digunakan. Tetapi kadang-kadang mereka juga tersilap dengan banyaknya mata itu parti-parti ini akan menjadi bertambah kecil. Apabila berpecah akan bertambah kecil dan apabila bertambah kecil ia tidak boleh menjadi

pemerintah di peringkat pusat. Gabungan dalam 4 buah parti ini PAS, DAP, PRM dan Keadilan tidak dapat menandingi lebih daripada 20 parti-parti BN. Memang pembangkang tetap ada di mana-mana negara tetapi kekuatan pembangkang itu amat kecil jika dibandingkan dengan parti pemimpin yang menjadi pemerintah negara ini. Jadi tidaklah akan menggugat kepimpinan masa depan. Pak Lah sebagai pemimpin kelak boleh merasa selesa walaupun kita tahu ada pembangkang. Tetapi pembangkang kadang-kadang agak keterlaluan, membangkang sesuatu yang agak tidak masuk akal dan tidak membantu serta membina negara. Kita boleh ada pembangkang yang dapat memberi pandangan dan membina negara bukan pembangkang yang menghina pemimpin-pemimpin kita.

**MHS:** Jadi parti-parti pembangkang memang sukarlah untuk bersatu seperti Barisan Nasional?

**Jins :** Sukar.Pada saya sukar bersatu.Bersatu hanya pada musim-musimnya.

**MHS:** Sejauh manakah faktor Anwar Ibrahim telah menyebabkan kekalahan BN di Terengganu?

Jins :

Bukan hanya di Terengganu. Melibatkan banyak tempat. Di antara sebab-sebabnya adalah kerana mereka ini telah diracuni pemikirannya. Bukan sahaja di Terengganu. Di Kelantan dari awal lagi memang diramalkan sukar, tetapi kita masih berusaha. Tetapi di Terengganu atas sebab-sebab dalaman, dan juga sebab faktor Anwar Ibrahim. Tetapi yang paling penting sekali bukan sahaja kerana Anwar Ibrahim, tetapi kerana ada usaha pihak pembangkang meracuni pemikiran orang-orang kampung. Itu faktor yang sebenarnya, iaitu ada orang yang telah memutarbelitkan fakta-fakta sebenar. Mengapa Anwar Ibrahim dipecat. Disebabkan fakta-fakta sebenar tidak dinyatakan. Mereka menggunakan kesempatan untuk memancing undi. Mereka memancing pemikiran dan meracuni pemikiran pengundi bahawa pemimpin yang ada ini zalim, maha zalim dan sebagainya. Mereka memberi fakta-fakta yang tidak tepat. Oleh kerana itu, orang-orang di kampung-kampung tentulah apabila sesuatu yang ada kaitan dengan agama, kaitan dengan kezaliman, mereka mudah melenting. Mereka mudah menerima. Oleh kerana fakta salah itu lebih kuat, mempengaruhi pemikiran pengundi maka kalahkan fakta

sebenarnya. Ini adalah usaha pihak pembangkang bagi memancing undi, untuk kepentingan parti bukan kepentingan bangsa dan negara. Dalam membina sesebuah negara, kerajaan mengasingkan pemimpin yang boleh merosakkan. Maka faktor itu memang telah dieksplotasikan oleh pihak pembangkang. Mereka telah pengaruhi parti-parti yang lain dan ahli-ahlinya termasuk ahli UMNO sendiri pun dipengaruhi oleh mereka. Maka akhirnya BN telah kalah dibeberapa buah tempat. Bukan kerana mereka benci kepada UMNO dan pemimpin tetapi hasil di pengaruh maklumat yang disampaikan itu adalah salah. Maka itulah mereka tanpa berfikir dua kali tidak mahu undi kerajaan. Tetapi mereka tidak fikir jika tidak undi kerajaan yang kuat, kerajaan mana lagi yang nak kita undi. Adakah mereka ini boleh memajukan negara ini seperti yang ada sekarang. Tak boleh. Kita tahu, tak boleh. Kerana pemikiran itu belum sampai ke situ. Jadi kerana itu, kita harus memikirkan bahawa faktor-faktor Anwar Ibrahim bukan penyebab yang sebenarnya, tetapi kerana dipengaruhi oleh parti pembangkang. Itu lebih tepat. Kalau setakat Anwar Ibrahim banyak yang lain boleh dipergunakan. Bagi saya bukan kerana

Anwar Ibrahim tetapi kerana fakta yang tidak benar disampaikan dan dipengaruhi oleh parti pembangkang yang ada kepentingan parti dan peribadi. Maka itulah kita kalah di Terengganu. Di antaranya juga di Terengganu yang mengundi parti PAS ialah ahli UMNO. Mereka ini telah dipengaruhi dan diasuh oleh parti pembangkang. Maka itu terjadi demikian. Itu paling jelas. Sebab kita tahu, kita boleh kira berapa majoriti undi sesebuah daerah itu sebelum pilihanraya tahun 1999. Bukan ini bererti mereka bukan ahli UMNO, mereka masih kekal ahli tetapi mengundi PAS di atas sebab-sebab mereka dipengaruhi. InsyaAllah perkembangan semasa, dan saya juga banyak banyak berceramah di Terengganu, dapat dilihat perubahan sikap sekarang sudah berbeza kerana pergolakan yang berlaku pada masa itu sudah reda sedikit. Maka itulah mereka menubuhkan satu usaha ke arah mengambil semula Terengganu dengan mewar-warkan gelombang biru. Dapat dilihat lebih 20 000 penyokong BN berkumpul di Ulu Terengganu dan lebih 30 000 penyokong berada di Dungun untuk program gelombang biru. Jadi mereka akan teruskan. Kalau tidak ada sokongan dari penduduk bukan mudah

untuk kumpul 30 000 penduduk. Ini bererti segala usaha ke arah itu sudah nampak hasilnya, segala sengketa itu sudah reda dan penduduk sudah mula sedar bahawa kalau tidak kembali ke pangkal jalan, maka akan sesat terus. Oleh sebab itu, kita lihat ahli-ahli UMNO sekarang sudah mulai sedar dan berfikir matang bahawa apabila Dr.Mahathir berhenti, kita harus terus menyokong parti supaya lebih kuat dan tidak berpecah belah.

**MHS:** Pada pendapat Dato', apakah kesilapan utama Anwar Ibrahim yang menyebabkan berlakunya pemecatan beliau?

**Jins:** Pemecatan ini, kesilapan yang pertama ialah dipengaruhi. Dia dipengaruhi anasir-anasir luar. Kedua kesilapan beliau ialah saya menganggap Anwar Ibrahim bukan seorang *politician* yang sebenar. Dalam erti kata yang sebenar dia adalah seorang pemimpin pelajar. Dari sudut pandangan saya apabila dia menjadi pemimpin pelajar kita lihat sejarahnya, pemimpin pelajar biasanya akan memberontak apabila sesuatu yang tidak kena. Maka dia akan buat demonstrasi. Maka nilai-nilai itu, falsafah hidupnya itu, dibawanya ke dalam politik. Sedangkan *approach* politik sangat berbeza dari *approach*

pemimpin pelajar. Politik ada kalanya kita kena langkah dua tapak ke belakang untuk maju ke depan. Kita boleh lihat Dr.Mahathir dia dipecat, dia berundur. Dan dia bekerja secara diam-diam untuk masuk kembali. Itulah cara yang terbaik. Tetapi ini tidak berlaku kepada Anwar Ibrahim. Apabila dia dipecat, maka dia terus memberontak, dia terus mengadakan pertemuan, dia hentam Dr.Mahathir, hentam UMNO, macam-macam perkataan yang dilontarkannya. Dia berbuat sebagai bekas pemimpin pelajar. Kerana dalam politik tidak seharusnya begitu. Kita lihat seluruh dunia kalau kita baca berkenaan pemimpin-pemimpin politik dunia, ada di antara pemimpin yang apabila dia tersingkir dia undur. Kalau dia lawan pun dia akan kalah. Begitulah kalau ini terjadi, maka kita memberontak dan akhirnya kita menubuhkan beberapa pasukan untuk menentang. Di mana akhirnya kita akan kecewa. Yang kecewa bukan kita saja. Negara kita akan hancur. Jadi oleh kerana itu, Dr.Mahathir amat bijak, dia telah menawarkan supaya Anwar Ibrahim *quietly*. Letak jawatan dan berdiamlah diri buat sementara. Ini dari sumber-sumber yang saya percayai. Maka segala apa yang berlaku mungkin tidak terjadi jika dia menerima nasihat

dari Perdana Menteri. Tetapi dia tidak mahu menerima kerana dia menganggap dia mempunyai satu kuasa yang lebih besar. Dia percaya ada satu pengaruh luar yang telah masuk di dalam pemikirannya. Pengaruh itu telah memberikannya satu yang baru, pemikiran baru bahawa dia mesti menentang. Itulah Amerika Syarikat. Buktinya dapat dilihat apabila Al Gore datang ke Kuala Lumpur dan merestui serta menyokong demonstrasi jalanan yang dilakukan di sini. Ini buktinya Anwar Ibrahim berfikiran selaras dengan Al Gore. Di situ kelemahan Anwar Ibrahim saya lihat. Kalau dia bijaksana dalam menangani masalah itu, dia tarik diri secara terhormat. Dia kena mendengar masihat Perdana Menteri. Dia mungkin akan kembali sebagai wira. Dia akan kembali menjadi Timbalan Perdana Menteri dan mungkin Perdana Menteri kalau ia ikut lunas-lunas yang ada hari ini. Kita lihat Dr.Mahathir cukup baik sebagai contoh, dia dipecat, dia diam, dia tak melawan dan akhirnya menjadi Perdana Menteri. Kalau itulah prinsip yang diikuti, jangan mudah melatahlah kata orang Melayu, jangan mudah melenting. Bila melenting semua kerja tak jadi. Kita lihat saja seperti raja-raja kita, sultan-sultan kita. Apabila ada di

antara anak-anaknya yang menentang, maka tidak akan dilantik sebagai Raja Muda. Akan diketepikan dahulu, tetapi apabila sudah tidak ada jalan lain lagi, sudah selesai masalah maka akan kembali semula. Jadi prinsip ini kita harus pegang. Menentang bukanlah sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah. Kita hendak menyelesaikan masalah kita manarik diri secara baik. Seperti Tan Sri Mohamad Taib dan Dato' Abu Hassan Omar apabila diminta letak jawatan mereka meletak jawatan. Kalau mereka tidak letak jawatan, mereka menentang, mungkin macam-macam dibongkar, dan mungkin lebih teruk. Tapi oleh kerana Anwar Ibrahim sebagai pemimpin pelajar, saya anggap dia masih berada di dalam kerangka pemimpin pelajar. Dia tidak terkeluar dari situ kepada seorang *politician*. Kalau dia sebagai seorang *politician*, dia harus baca perkembangan politik dunia, harus baca falsafah-falsafah pemimpin politik. Dalam negeri sendiri dia harus baca sejarah Dr.Mahathir, Tunku Abdul Rahman, Dato Onn Jaafar dan Tun Hussein Onn. Pemimpin yang berjiwa besar tidak akan memberontak, tidak akan menentang tetapi meneruskan perjuangannya dengan cara yang bijaksana. Ada orang tidak meng-

gunakan kebijaksanaan tetapi menggunakan emosi. Saya selalu sebut dia bertindak sebelum berfikir. Banyak pemimpin bertindak dulu sebelum berfikir. Bila masa itu sudah terlewati, maka hancurlah perjuangan.

**MHS:** Adakah kemungkinan Anwar Ibrahim akan muncul kembali?

**Jins:** Soal muncul atau tidak bukanlah menjadi persoalan kepada saya, saya tidak mahu menyatakan dia muncul atau tidak. Itu soal kuasa Allah. Kalau Allah menentukan demikian maka ia terjadi. Tetapi kita harus lihat dari senario politik. Boleh terjadi apa saja, dalam politik kawan tidak akan kekal dan lawan juga tidak akan kekal. Kawan boleh jadi lawan dan lawan boleh jadi kawan. Oleh itu kita tidak harus membuat satu andaian ini akan terjadi apa-apa. Di dalam senario politik, saya melihat sukar, sukar. Kerana apabila melihat dari segi undang-undang sekali pun, apabila seseorang itu telah dituduh atau didenda, maka ia tidak dibenarkan untuk kembali berpolitik. Kecuali parti pemerintah sekarang sudah tidak ada. Sudah ada parti pemerintah yang lain, tukar undang-undang dan diubah segala keputusan. Ini mungkin boleh

terjadi. Tetapi siapa yang boleh mengubah undang-undang? Keputusan dua per tiga majoriti di Parlimen. Kalau majoriti di Parlimen masih dikuasai oleh parti yang ada hari ini, perkara ini tidak terjadi. Tetapi kalau kuasa berubah kepada tangan orang lain, apa saja boleh terjadi. Jadi kita tidak boleh meramal, itu adalah hal kuasa Allah. Berdasarkan pergolakan politik tanahair, saya melihatnya agak sukar untuk dia kembali di atas sebab-sebab undang-undang.

**MHS:** Mengapakah politik kata-mengata terjadi di Malaysia, seperti mengatakan sesuatu pihak itu kafir, barua dan sebagainya?

**Jins:** Itu bukan politik. Itu bukan politik yang sebenarnya. Politik yang sebenarnya ialah perjuangan parti, bukan tuduhan peribadi. Kita selalu mendengar *politics is a dirty game*. Yang *dirty game* itu bukan politik, yang *dirty* tu adalah manusia-manusia yang berada di dalam politik. Pernahkah kita dengar Dr. Mahathir maki orang, dia sebut beberapa hal, tapi dia tak maki. Yang maki ini hanya dari ahli-ahli politik yang ada kelemahan. Mereka ialah orang-orang suruhan.

Jadi soal maki bukan politik tapi soal individu, individu yang lemah. Politik tulen tak ada maki hamun. Kita baca buku sains politik, tiada disarankan maki hamun. Jika ada *banner* yang menyebutkan orang tertentu ‘jaga babi’, itu bukan *banner* politikk.

Orang kata kita tak bebas, sebenarnya kita yang paling bebas. Berpeluanglah orang memaki hamun. Kita bandingkan dengan Korea Selatan, bila buat saja demonstrasi ditangkap, dihentam setengah maut. Tetapi orang kita mengambil kesempatan di atas keterbukaan kerajaan. Mereka mengambil kesempatan itu untuk menghina orang lain. Dr.Mahathir pun pernah dipanggil dengan gelaran ‘firaun’ oleh puak pembangkang. Mereka menggunakan Islam itu untuk memaki hamun dengan harapan supaya orang benci kepada pihak yang dituduh ‘firaun’.

**MHS:** Saya ingin meminta pendapat Dato’. Adakah kekuatan pengaruh Haji Hadi Awang dapat mengatasi Allahyarham Haji Fadzil Noor?

**Jins:** Saya melihat tidak. Daripada *statements* yang dibuat, Haji Hadi selalunya agak bertentangan. Kadang-

kadang kita tak percaya bahawa itu *statements* dia. Kita melihat bahawa dulu dia tidak begitu. Dia berubah sama sekali. Kerana dia sudah ada rasa ‘inilah peluang’. Jadi dia akan bekerja ke arah itu untuk memperkuatkan kedudukannya. Kalau dilihat secara peribadi, Fadzil Noor berbeza, orangnya agak lebih *approachable*. Pemerhatian pada pertemuan Dr.Mahathir dengan Fadzil Noor di Dewan Bahasa dan Pustaka, menghasilkan rumusan bahawa unsur-unsur positif sudah ada pada Fadhil. Haji Hadi sukar akan bertemu kembali dengan pemimpin tertinggi kerajaan Malaysia, kerana pendiriannya agak berbeza. Haji Hadi tidak boleh menyaingi Fadzil Noor kerana daripada pandangan saya Fadzil Noor lain segi personalitinya. Apabila beliau meninggal dunia seluruh bandar Alor Star sesak teruk.. Seluruh penduduk negeri Kedah datang untuk menghormati kematiannya. Tetapi Haji Hadi lebih bersifat menentang, saya belum pernah dengar lagi dia memuji Dr.Mahathir.

**MHS:** Bagaimanakah pandangan Dato' tentang Hassan Shukri, Timbalan Presiden Pas sekarang?

- Jins:** Saya sebenarnya tidak kenal Hassan Shukri. Secara peribadi saya tidak kenal, secara politik pun saya tidak kenal. Jadi sukar untuk saya membuat sebarang pandangan tentang beliau.
- MHS:** Apakah penerimaan orang-orang Pas dan parti-parti pembangkang terhadap Dato\*?
- Jins:** (Agak terperanjat) Ha? Saya? Saya pulak.... Saya tidak ada masalah semasa saya pergi berceramah di seluruh negara. Saya boleh buktikan, begitu tebal surat undangan ceramah yang saya simpan. Saya pergi ke rancangan-rancangan FELDA yang hampir separuh daripadanya sudah ada parti pembangkang, Pas. Kebanyakan tempat saya pergi ada orang Pas turut sama. Ada di antaranya berada di barisan hadapan. Oleh kerana *approach* saya barangkali berbeza, saya bukan wakil rakyat, bukan pegawai kerajaan, bukan *politician*, maksud yang sebenarnya saya penyokong parti. Jadi oleh kerana itu, *approach* saya ialah *approach* seniman. Jadi sebagai seorang seniman saya melihat dari sudut kesenian, sudut budaya. Saya melihat orang Melayu adalah golongan yang sensitif. Jadi kalau kita sentuh tentang peribadinya, tentang apa yang

dia tidak suka maka dia akan melenting. Seterusnya dia akan benci kepada kita dan berikutnya dia benci kepada parti. Sebagai contohnya, satu tempat yang saya pergi ada lebih kurang 15 orang penyokong Pas. Mereka itu guru sekolah. Jadi saya ambil pendekatan yang berbeza. Pertama sekali saya puji profesion perguruan secara tak langsung pada pendahuluan ucapan saya. Saya memuji peranan dan tanggungjawab guru dengan jelas. Akhirnya dengan pendekatan itu, mereka menunjukkan minat terhadap ceramah yang saya sampaikan. Maka mesej saya sudah tercapai. Jadi ini diharapkan mereka juga akan menjadi penyokong kita. Jangan kita marahi dan musuhi mereka kerana mereka adalah sebahagian dari kkehidupan kita. Jadi *approach* kita kena baik. Kita perlu bercakap untuk menyenangkan audien kita. Kita mesti tahu siapa audien kita. Kalau audien bangun, mesej kita tak sampai. Kita nak sampaikan mesej untuk menguatkan parti dan kerajaan. Oleh itu saya lihat, saya tidak ada masalah apabila saya pergi ke mana-mana. Saya berceramah di mana-mana kawasan Pas pun tiada masalah, malah sambutannya amat menggalakkan, penuh sesak dewan malah perlu ditambah khemah lagi. Ini kerana

*approach* saya. Saya pergi bukan di atas tiket sebagai wakil rakyat, tetapi sebagai seorang seniman. Pandangan saya sebagai seorang seniman. Saya selalu mengutarakan soal perpaduan.

**MHS:** Apakah sikap ahli UMNO secara umum yang menyenangkan dan tidak menyenangkan?

**Jins:** Biasalah, ini sudah menjadi lumrah manusia. Apabila seseorang tersingkir, tidak diberi jawatan di atas sebab-sebab tertentu, dia tidak menjadi penyokong parti lagi. Inilah orang-orang yang harus kita puju kembali dengan cara meyakinkan dirinya bahawa jawatan bukanlah sesuatu tiket untuk kita berjaya. Untuk menguatkan parti bukan jawatan. Jawatan adalah sesuatu *platform* untuk kita bekerja lebih kuat. Itu saja.

**MHS:** Terima kasih kerana Datuk meluangkan masa untuk diwawancara.

**Jins:** Sama-sama

# BICARA TENTANG MAHATHIR



Wawancara Haji Abdullah Sani Bin Mohamed Zin dengan **MOHD ZAIDI HAJI MOHAMED ZAIN**,

## Haji Abdullah Sani Mohamed Zin (AS) :

Dalam diskusi ini, kita akan membicarakan tentang seorang tokoh yang tidak asing lagi kepada kita, seorang pemimpin-wira tersohor mutakhir ini. Tokoh yang dimaksudkan itu adalah Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kita akan membincangkan tentang kedudukan Y.A.B Perdana Menteri sebagai tokoh negarawan ulung negara. Kita juga akan menyoroti rantaian pemikiran, kepemimpinan dan sumbangan tokoh raksasa ini kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Juga dalam diskusi ini, kita akan memperkatakan pembaharuan-pembaharuan yang dibawa oleh Dr. Mahathir termasuk Wawasan 2020. Apakah yang dapat diperkatakan oleh Dato' tentang ketokohan Dr. Mahathir ?

\* *Dato' Mohd Zaidi bin Haji Mohamed Zain ialah Setiausaha Agung Persatuan Peguam Syarie Malaysia. . Beliau ialah tokoh muda UMNO yang aktif dan berbakat.*

## DATO' MOHD ZAIDI BIN HAJI MD ZAIN (MZ):

Terima kasih. Realiti Dr. Mahathir adalah sebuah watak yang sangat '*significant*' dan relevan sebagai sesuatu yang berfaedah untuk diteladani. Memberi panduan kepada hala tuju yang diperlukan untuk bergerak, sama seperti satu fokus yang dikenal sebagai petunjuk kepada sesuatu perjalanan. Tidak ramai dari pemimpin-pemimpin kita dahulu dan sekarang yang benar-benar mantap sepertinya, berupaya membangunkan kekuatan dan mendirikan sebuah model pembangunan ekonomi yang mengagumkan. Penghargaan sememangnya patut diberikan kepada beliau kerana berpandangan jauh, mempunyai perspektif jangka panjang dan bersifat pragmatik.

AS : Bolehkah kiranya Dato' jelaskan tentang sesuatu yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir yang begitu bernilai pada pandangan massa ?

MZ : Apa yang telah Dr. Mahathir lakukan atau tidak lakukan untuk bangsanya, harus diserahkan kepada ahli-ahli sejarah untuk menilainya. Bagaimanapun, satu ciri penting dari zaman beliau menjadi Perdana Menteri sebegitu lama itu terserlah tanpa diragukan lagi bahawa beliau adalah '*Bapa Pemodenan*' dan '*Pencipta Kemajuan*' bagi negara ini. Peranan Dr. Mahathir yang paling besar,

menurut hemat saya dapat dilihat sebagai seorang yang menyelamatkan keadaan, membangun dan membina agama, bangsa dan negara dalam suasana kegetiran dunia menghadapi natijah globalisasi yang tidak ada batas dan belas. Dr. Mahathir nampaknya berjaya menangani dan menguruskan globalisasi dengan penuh kewaspadaan dan langkah-langkah pembetulan.

AS : Cabaran terbesar harus dihadapi oleh seorang pemimpin ialah menangani perubahan dan masalah terbesar ialah kadar berlakunya perubahan dalam tempoh yang semakin pantas. Bagaimanakah Dato' melihat Y.A.B Perdana Menteri menangani persoalan ini ?

MZ : Menangani perubahan yang semakin pesat adalah tugas yang amat berat dan memenatkan. Perubahan adalah suatu hakikat kehidupan. Kita boleh bersikap pasif atau aktif dalam menghadapi perubahan. Sikap pasif dan mengalah bermakna kita menerima perubahan yang baik dan buruk tanpa pilihan yang wajar. Sukar hendak diterangkan dalam sesuatu perbendaharaan kata betapa kenyataan dunia sentiasa berubah dan menjadi semakin bertambah kecil. Anjakan

paradigma yang wujud di Malaysia adalah seiring dengan arus globalisasi dunia yang bukan lagi satu rantai ringkas kesan sehala, tetapi suatu bentuk perhubungan timbal balas yang kompleks. Tumpuan harus diberikan kepada beberapa trend mega yang akan mengubah cara hidup dan peradaban manusia dengan serba kepantas.

Bukan semua orang sukaan perubahan. Sikap tidak mahu berubah merupakan cabaran dan masalah yang paling besar perlu diatasi oleh pemimpin negara. Kita perlu mempunyai kemauan untuk berubah dan perubahan ini membolehkan negara bersiap sedia menghadapi cabaran masa depan. Dr. Mahathir sering menekankan kepada usaha-usaha pembaharuan kerana rentak perubahan yang pantas. Sekiranya kita berdiam diri, kita tidak akan berkembang dan maju sebaliknya kita akan diatasi oleh mereka yang lebih cenderung membawa perubahan. Dalam sistem ekonomi hari ini, segalanya ditentukan oleh serba kepantas. Kepantasan urus niaga, masa yang diperlukan untuk membuat keputusan, kepantasan menghasilkan idea baru, kepantasan idea memasuki pasaran, kepantasan aliran modal, dan kepantasan menyebarkan data,

maklumat dan pengetahuan dalam sistem ekonomi.

**AS :** Sejak merdeka, kerajaan mula merancang dan melaksanakan beberapa usaha rancangan pembangunan untuk mengatasi berbagai-bagai masalah politik dan sosio-ekonomi akibat dari dasar-dasar penjajah. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) mulai tahun 1971 merupakan permulaan transformasi ekonomi negara kita ke arah pmodenan. Pada pengamatan Dato', apakah asas, dasar dan strategi yang telah diambil Dr. Mahathir untuk mencapai pembangunan yang lebih maju dan seimbang dalam semua sektor?

**MZ :** Saudara Pengerusi, seperti yang mudah dilihat, kedudukan sejarah dan strategik Malaysia menjadikannya amat penting khususnya kepada tenaga-tenaga demokratik di seluruh dunia. Kepentingannya dalam bidang ekonomi ialah kekayaan, dan kerana inilah juga keamanan, kemakmuran, keselamatan dan kestabilan Malaysia menjadi perhatian yang sangat penting di rantau ini dan juga di kalangan antarabangsa. Semasa negara mencapai kemerdekaan, kita hanya merupakan sebuah ekonomi yang bergantung sepenuhnya

kepada keluaran utama seperti getah dan bijih timah. Transformasi ekonomi yang dilaksanakan sejak tahun 1970an telah berjaya secara keseluruhannya membawa negara ke tahap pembangunan ekonomi yang lebih pesat. Namun di sebalik kejayaan yang tercapai dari segi pertumbuhan ekonomi, masalah kemiskinan dan penguasaan ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum masih terlalu ketara, terutamanya di kalangan masyarakat Bumiputera yang tidak menikmati hasil pembangunan seperti yang mereka harapkan jika dibandingkan secara mutlak atau relatif dengan kaum-kaum lain.

Dari sudut ini, Malaysia dianggap beruntung kerana mempunyai kepimpinan yang berpengalaman jauh dan berani untuk menetapkan suatu wawasan jangka panjang yang berperanan sebagai titik penyatuan bagi negara secara keseluruhannya. Dr. Mahathir dilihat peka kepada keyakinan bahawa menjadi suatu kewajipan moral (*moral imperative*) untuk mencapai teknologi 'kemerdekaan ekonomi' (*natural determination*) meskipun hakikat masa depan ekonomi negara kita tidak boleh dipisahkan sama sekali dengan ekonomi antarabangsa,

globalisasi dan kebergantungan antara negara dan benua.

Sejak tahun 1980, Malaysia mengalami berbagai-bagai masalah ekonomi seperti kemerosotan dalam imbangan bayaran, komoditi, kelembapan sektor swasta dan peningkatan kadar pengangguran. Tidaklah begitu menghairankan dalam situasi yang sedemikian Dr. Mahathir masih mempunyai keupayaan menjangka arah aliran mengenalpasti peluang, melihat di sebalik perkara yang sedang berlaku dan meramal apa yang akan berlaku. Beberapa dasar dan strategi baru diperkenalkan seperti perlaksanaan Sistem Mini - Estet Pertanian, Sistem Koperasi dan Strategi Perbandaran Luar Bandar. Usaha ini selaras dengan Dasar Pertanian Negara (dilancarkan 12 Januari 1984) dan Dasar Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar. Dalam sektor perindustrian, Malaysia memasuki era pembangunan industri berat. Ini termasuklah pengeluaran barang-barang pengguna tahan lama, barang perantaraan dan barang modal. Industri-industri berat yang dilaksanakan termasuklah pengeluaran simen, besi waja, kompleks petrokimia, baja urea, palpa dan kertas dan kereta

nasional. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) ekonomi Malaysia telah berkembang dengan memuasnya.

**AS :** Bagaimanakah kedudukan kita pada hari ini ?

**MZ :** Pada hari ini, Malaysia telah menjadi sebuah negara moden di mana sektor perindustrian dan perkhidmatan kini menyumbang hampir 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Malaysia menjadi negara perdagangan yang ke 17 terbesar di dunia dan pengeksport utama barang elektronik manakala eksport barang buatan pula melangkaui 85 peratus dari eksport negara. Umum mengetahui bahawa proses perindustrian membawa pemesatan rangkaian infrastruktur yang moden dan efisien. Kita memiliki rangkaian Lebuh Raya yang moden dan selamat, Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Monorel dan Keretapi Komuter Elektrik. Malahan Malaysia adalah terkehadapan di rantau Asia dalam sistem pengangkutan laut dan pelabuhan, pengendalian penumpang dan kargo udara. Di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), negara kita mempunyai Koridor

Raya Multimedia (MSC) yang dibangunkan secara bersepada dengan ciri *state-of-the-art-technology*.

**AS :**

Kejayaan yang dicapai oleh negara kita pada hari ini amatlah dikagumi masyarakat antarabangsa khususnya Dunia Ketiga. Kemampuan Malaysia membina kemajuan menyebabkan ramai daripada pemimpin dan rakyat asing bertumpu kepada Malaysia untuk mempelajari kaedah dan formula kita menguruskan negara. Apakah kaitan kejayaan ini dengan maksud firman Allah yang bermaksud '*Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka mengubahnya sendiri*' (*Ar-Ra'd: 11*) ?

**MZ :**

Merancang untuk ummah bermakna juga merancang bersama-sama ummah. Terdapat persetujuan ummah yang padu mengenai isu '*mengubah sesuatu*' dalam lingkungan yang tidak bertentangan dengan norma dan syariat Islam. Al-Quran berulangkali menegaskan usaha '*mengubah sesuatu*' malahan Al-Quran menyeru orang-orang yang beriman agar mengubah diri mereka.

\* *Dan manusia itu adalah manusia  
apabila ia berubah dan usaha itu akan  
dilihat dan ia akan diberi ganjaran kerananya dan  
ganjaran yang  
sepenuh-penuhnya \* (An-Najm : 39'41)*

Semua bentuk masalah yang kita hadapi, dari masalah kemiskinan hingga ke beban hutang, kemerosotan budaya dan persekitaran, penjajahan bentuk baru, kejelikan, kapitalisme telah dapat diatasi dengan sebaik-baiknya. Ajaran ketuhanan (*uluhiyyah*) bukan penghambat untuk berusaha dan berikhtiar. Konsep '*tawakkal*' dalam Islam bukanlah bermakna pasrah atau menyerah kepada nasib. Ia semacam bentuk '*theraphy*' iaitu setelah berusaha dengan keras dan diakhiri dengan keyakinan dan harapan. Saya melihat seperti ada suatu arah yang jelas dan ketulenan yang nyata dalam usaha Dr. Mahathir meningkatkan daya saing berdaulat (*sovereign competitive edge*) untuk mampu bersaing dengan peserta global (*global players*). Ia menyamai ciri-ciri kepimpinan Islam yang sering diutarakan seperti adanya iltizam dan istiqamah dengan ajaran Islam, berusaha menegakkan kebenaran, sifat tawaduk, jujur, ikhlas, tabah, konsisten, tegas pendirian dan selari dengan apa yang disunnahkan oleh Rasulullah S.A.W.

**AS :** Sejak perpecahan empayar Soviet Union dan keruntuhan sosialisme, dunia berubah menjadi unipolar di mana Amerika Syarikat kekal sebagai kuasa tunggal yang menguasai politik dunia. Dari sudut yang lain, ekonomi pasaran bebas demokrasi liberal menjadi sistem paling dominan dan mula mencengkam dunia khususnya Dunia Ketiga dan Negara-Negara Mundur. Fenomena ini semacam satu bentuk penjajahan baru ke atas negara-negara ini. Bagaimanakah Dato' melihat peranan Dr. Mahathir untuk dalam isu ini ?

**MZ :** Tidak pernah diragukan dalam fikiran Dr. Mahathir bahawa tanggung-jawabnya yang utama sebagai Perdana Menteri ialah memelihara dan menjunjung kemerdekaan, kedaulatan dan kepentingan negara Malaysia terhadap ancaman luar dan dalam. Dr. Mahathir tampaknya tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa demokrasi liberal sahajalah satu-satunya cara mentadbir negara dan hanya ada satu sistem ekonomi sahaja iaitu sistem pasaran bebas. Keruntuhan Blok Timur semacam malapetaka besar bagi negara kecil dan membangun. Kapitalis pasaran bebas demokrasi liberal menjadi terlalu bermaharajalela, malahan lebih daripada itu melihat

ketidakceekapan bekas dunia sosialis dan negara-negara membangun sebagai peluang memusnahkan keseluruhan keupayaan mereka.

Meskipun ketidakupayaan dan ketidakceekapan itu menyebabkan inflasi meningkat, usaha niaga negara musnah dan berlakunya pengangguran besar-besaran, namun dana lindung dan institusi kewangan Barat tetap bergerak masuk menurunkan nilai matawang. Pemanipulasi matawang dan pelabur jangka pendek telah memiskinkan negara-negara ini. Secara sengaja atau tidak, Dana Kewangan Antarangsa (IMF) telah memusnahkan malah lebih teruk daripada itu mencabul kedaulatan dan kemerdekaan negara-negara ini melalui aturan ekonomi yang tidak adil.

Walaupun kemampuan Malaysia menentukan apa yang berlaku dalam hal ehwal antarabangsa kecil, namun pengaruhnya untuk melahirkan rasa berbaik sangka adalah besar dan cara Malaysia menggunakan pengaruh diplomasinya telah dan akan memberikan kesan yang besar kepada kehidupan rakyatnya. Sebagaimana biasa yang diketahui Dr. Mahathir dengan lantang dan berterus terang telah mengkritik dan menegur Barat

dalam banyak isu-isu tentang politik, demokrasi, ekonomi dan kemunculan Asia baru yang banyak diperkatakan. Kelincahan Dr. Mahathir di pentas antarabangsa lebih banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri wataknya sebagai seorang Islam yang moden dan *reformist* dan akibatnya beliau tidak mendapati pandangan hidupnya bertentang dengan tuntutan agama dan prinsip dirinya sendiri. Kerana itu beliau tidak pernah menyembunyikan sesuatu dari lubuk hatinya kerana beliau bukan seorang ahli politik yang munafik. Perwatakan Dr. Mahathir mungkin ramah dan mesra tetapi beliau tidak menggembari sesuatu perbuatan yang tidak betul akan mengecam sebarang perbuatan yang melanggar prinsip-prinsip dan hak-hak kemanusiaan sejagat.

AS : Apakah kritikan Dr. Mahathir itu mempunyai asas ?

MZ : Saudara. Saya berpendapat kelantangan Dr. Mahathir memperjuangkan persamaan hak dan keadilan di arena antarabangsa ada asasnya. Sesungguhnya kita hidup dalam sebuah dunia kejam dan tidak adil walaupun wujud perkembangan yang menakjubkan dalam sains dan teknologi

dan asas pengetahuan kita semakin maju tetapi ia tidak diimbangi dengan kemampuan kerajaan mengumpul kekuatan menangani ketidakadilan sosial dan ekonomi di negara masing-masing.

Negara-negara maju amat jelas dengan sikap mereka tidak mengendahkan multilateralisme, sifat saling menghormati serta kepentingan bersama yang sedia ada. Negara Utara tetap mengenakan cengkaman ke atas segala bidang politik, perdagangan antarabangsa, pembangunan, alam sekitar, media dan lain-lain. Kebanyakan negara membangun dan miskin dibebani hutang yang tidak mampu ditanggung dan tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengurangkan kemiskinan dan kesengsaraan mereka. Apakah kita boleh mempercayai akan kejujuran negara kaya apabila merumuskan tentang perkongsian global yang baru dan pencapaian pembangunan terjamin. Malaysia sebagai sebuah membangun sesungguhnya mempunyai pengalaman yang sedemikian rupa.

AS : Dasar-dasar ekonomi kerajaan nampaknya berada dilandasan yang betul. Berdasarkan pengalaman

Malaysia, apa komen Dato' ?

MZ :

Malaysia sebagai sebuah model negara membangun telah berjaya melaksanakan transformasi ekonomi malahan dapat melakukan anjakan paradigma minda dan menjadi sebuah negara yang berwibawa, moden dan progresif. Dalam tempoh hampir setengah abad ini juga kemampuan pemimpin kita mengurus ekonomi negara telah banyak diuji. Kemelesetan pada tahun 1985 dan krisis kewangan yang melanda rantau ini pada tahun 1997 telah berjaya di atasi. Kejayaan memulihkan sendiri ekonomi tanpa bantuan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) benar-benar telah mengecewakan para pengkritik-pengkritiknya.

AS :

Apakah natijahnya ?

MZ :

Natijahnya, Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang maju dan progresif dan menjadi contoh kepada negara Islam lain. Mereka amat kagum di atas keupayaan Malaysia membangunkan negara dengan menggunakan segala sumbernya. Malahan kesanggupan Malaysia menyarankan pandangan terhadap isu-

isu antarabangsa termasuk mengkritik ketidakadilan terhadap sesiapa sahaja, menjadikan Malaysia sebagai jurucakap Dunia Ketiga dan diberi penghormatan sebagai tuan rumah dan pemimpin Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Firman Allah;

*‘Mereka berjuang bersungguh-sungguh pada jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela’*  
*(Al-Maidah, 54)*

Perjuangan Dr. Mahathir sebagaimana yang telah dilakukannya nampak seperti suatu usaha bersungguh-sungguh ke arah penghayatan Islam yang sebenarnya. Ia suatu perjuangan mencapai perubahan (*islah*), matlamat (*maqasid*) dan kejayaan (*falah*).

**AS :** Satu perkara yang amat bererti bagi Y.A.B Perdana Menteri dan dipandang serius ialah Islam dan umat Islam. Beliau berkongsi pendapat tentang Islam, dunia Islam dan kebanggannya di atas kelemahan umat Islam hari ini yang tidak mampu menghadapi perubahan menyebabkan mereka semakin jauh ketinggalan. Apa yang dapat Dato' perkatakan.

MZ :

Sebagaimana biasa dengan wataknya yang cukup terkenal dengan pandangan yang lantang, berterus terang dan mencabar fikiran, beliau secara terbuka meluahkan kekesalan di atas kelemahan dan ketidakmampuan umat Islam menangani cabaran. Kritikannya itu nampaknya praktik, berseni, toleran dan penuh makna. Dr. Mahathir menganggap umat Islam hari ini memperlihatkan sikap penyerahan kepada untung nasib secara melampau sedangkan Islam menggalakkan umatnya berfikir, memberi pendapat dan menyatakan fikiran. Islam tidak memaksa suatu pandangan malahan memberi peluang untuk berfikir dan Islam mengaturkan hubungan antara manusia berdasarkan keadilan, kebebasan dan keharmonian.

Islam menekankan keseimbangan antara kebendaan dengan kerohanian, antara kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat. Islam adalah cara hidup (*ad-din*). Cara hidup tidak bermakna hanya ibadah tertentu sahaja tetapi ia meliputi segala aspek kehidupan manusia. Secara keseluruhannya, lebih dari 1 bilion penduduk dunia ini adalah orang Islam tetapi mereka hidup dalam keadaan yang berpecah belah. Keadaan ini

tentulah tidak membantu ke arah pembentukan sebuah tamadun Islam yang kukuh dan benar-benar kuat. Pada hari ini tidak terdapat satu pun negara Islam yang boleh dikatakan maju, meskipun sebilangan besar daripada mereka dilimpahi sumber kekayaan semulajadi. Kemiskinan, kejihilan dan ketidakstabilan menjadi ciri yang begitu lazim di negara Islam dan keadaan ini tidaklah sangat menghairankan sekiranya dunia mengaitkan Islam dengan kemunduran.

**AS :**

Terdapat segelintir umat Islam di negara kita mempunyai tafsiran yang berlainan berkaitan agama Islam. Paling membimbangkan, tafsiran yang terlalu radikal sehingga boleh memudaratkan keamanan dan kesucian Islam itu sendiri. Apa komen Dato'.

**MZ :**

Terdapat beberapa perspektif yang boleh diambil ikhtibar daripada situasi di atas. Tafsiran yang berlainan tentang agama Islam boleh berlaku akibat dari peredaran zaman atau kerana politik kepimpinan kumpulan-kumpulan tertentu, mazhab, ijtihad dan ijmak. Malangnya, ditengah-tengah kehidupan muncul golongan tertentu yang amat dicurigai kesahihan ajaran atau tafsiran yang mereka bawa, mempertikaikan

ketulenan agama Islam yang diamalkan oleh orang Islam lain. Hakikatnya adalah mudah bahawa Islam menganjurkan umatnya berpegang kepada dua tali yang tidak akan menyesatkan mereka iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Penghayatan kedua tali ini pula seharusnya berpaksikan tafsiran yang pemahaman yang benar dan sah sejak 1400 tahun dahulu. Hakikat penolakan kepada kehidupan dunia, kemajuan dan penggunaan kekerasan untuk mencapai matlamat bukanlah daripada ajaran Islam yang sebenar.

Dari satu sudut yang lain, munculnya golongan seperti yang dimaksudkan berpunca daripada salah fahaman bahawa segala masalah sepanjang zaman telah diselesaikan oleh ahli-ahli hukum dan para cendekiawan Islam sejak zaman silam. Mereka berpendapat bahawa Islam itu abadi, dan akan dapat menyelesaikan segala masalah. Pokoknya mereka kurang mengerti bahawa pengagungan zaman lampau harus disertakan dengan semangat pembaharuan yang turut sama berkembang dengan peredaran zaman. Harus difahami juga bahawa keadaan fizikal umat Islam dan manusia dari tamadun-tamadun lain tidaklah diatur dan ditetapkan secara

berkekalan.

**AS :** Berbalik kepada persoalan tentang masa depan negara kita Malaysia. Apakah pandangan Dato' mengenai Wawasan 2020.

**MZ :** Wawasan adalah satu gambaran masa depan yang mungkin dan berterusan yang ingin dibentuk. Wawasan 2020 terkandung dalam ucapan dasar Perdana Menteri di majlis pelancaran penubuhan Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991. Dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Malaysia Melangkah ke Hadapan', beliau mengemukakan beberapa pandangan tentang arah pembangunan negara dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Kemajuan ini bukan sekadar meliputi aspek ekonomi tetapi juga aspek politik, sosial, budaya, psikologi dan kerohanian. Kemajuan ini pula bukannya ditiru dari negara-negara maju sekarang tetapi kemajuan menurut acuan negara sendiri. Suatu wawasan yang dikongsi bersama sememangnya merupakan pra-syarat kritikal bagi kejayaan membina negara. Wawasan memberikan panduan kepada hala tuju

yang diperlukan oleh sebuah negara untuk bergerak.

AS : Setakat ini dululah Dato'. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

MZ : Sama - sama